JUZU' KE-21

SURAH AL-AHZAB

SURAH KE **33**

سُورَةُ الأَحْزَاب

SURAH AL-AHZAB

Surah Tentera-tentera Gabungan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT **73**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 8)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾ وَاتَّبِعْ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾ وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(2). Dan berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah menjadi Penjaga (kamu)."(3).

مَّا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۚ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمُ اللَّائِي تُظَاهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ ۚ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَاهِكُمْ ۖ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤﴾ ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ اللَّهِ ۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ ۚ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُم بِهِ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya, dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu, dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul(4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu. Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang." (5).

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ ۗ وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَن تَفْعَلُوا إِلَىٰ أَوْلِيَائِكُم مَّعْرُوفًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾ وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾ لِّيَسْأَلَ الصَّادِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ وَأَعَدَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah(6). Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para Nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih(8)".

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini memperkatakan sektor kehidupan sebenar yang berlaku di dalam kehidupan jama'ah Muslimin di Madinah di sepanjang tempoh yang bermula selepas Peperangan Besar Badar sehingga masa sebelum diadakan Perjanjian Hudaybiyah. Ia menggambarkan kehidupan orang-orang Islam di Madinah di masa itu dengan gambaran secara langsung dan berdasarkan kenyataan. Kehidupan mereka penuh dengan berbagai-bagai peristiwa yang berlaku dan berbagai-bagai peraturan yang diadakan di dalam masyarakat Islam yang baru itu.

Arahan-arahan dan ulasan-ulasan mengenai peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan itu boleh dikatakan sedikit, hanya mengambil ruang yang terbatas sahaja di dalam surah ini. Ulasan-ulasan itu dituju untuk menghubungkan peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan itu dengan dasar pokok iaitu dasar kepercayaan terhadap Allah dan dasar berserah kepada taqdir-Nya seperti yang terkandung di dalam pembukaan surah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾ وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(2). Dan berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah menjadi Penjaga (kamu)."(3)

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ ۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya......"(4)

Juga seperti ulasan mengenai peraturan-peraturan kemasyarakatan yang disebut di awal surah:

كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾

"Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّۦنَ مِيثَٰقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾ لِّيَسْـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ وَأَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

Juga seperti ulasan mengenai orang-orang yang menyebarkan khabar-khabar angin pada hari "Peperangan Ahzab" iaitu nama peperangan yang dinamakan surah ini dengannya.

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ أَوِ ٱلْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾ قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat menikmati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja (16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Juga seperti ulasan mengenai salah satu peraturan kemasyarakatan yang baru yang bertentangan dengan kebiasaan yang lumrah di zaman Jahiliyah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka."(36)

Dan pengumuman akhir yang agung dan mendalam:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit, bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka

semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Masa yang diperkatakan oleh surah ini mengenai kehidupan kaum Muslimin pada masa itu adalah mempunyai satu ciri yang istimewa, kerana pada masa itulah permulaan munculnya watak-watak keperibadian Muslim di dalam kehidupan kaum Muslimin dan di dalam kegiatan kerajaan yang belum lagi mantap dan berkuasa penuh seperti selepas penaklukan Makkah, di mana orang ramai berduyun-duyun memeluk agama Islam dan segala-galanya tunduk kepada kerajaan dan peraturan Islam.

Surah ini memperkatakan sebahagian dari usaha-usaha mengatur semula masyarakat Islam dan menonjolkan ciri-ciri Muslim serta menegakkannya dalam kehidupan keluarga dan masyarakat, di samping menerangkan dasar-dasar perundangan dan 'aqidah, juga memperkatakan tentang perubahan peraturan-peraturan adat resam atau penghapusannya dan menundukkan seluruhnya kepada persepsi Islam yang baru.

Di celah-celah pembicaraan mengenai peraturan-peraturan itulah dikemukakan penceritaan tentang Peperangan Ahzab, Peperangan Bani Qurayzah dan sikap orang-orang kafir, orang-orang Munafiq dan orang-orang Yahudi di dalam kedua-dua peperangan itu, juga pakatan-pakatan jahat mereka di tengah-tengah masyarakat Islam itu dan akibat-akibatnya yang telah menimbulkan kekecohan dan kekacauan. Setelah itu surah ini menyebut pula pakatan-pakatan jahat dan tipu daya mereka untuk menggugatkan akhlak, rumahtangga dan perempuan-perempuan Islam.

Yang menjadi titik hubungan di dalam penerangan surah ini di antara pembicaraan mengenai peraturan-peraturan itu dengan dua peperangan ini ialah hubungan kedua-duanya dengan sikap orang-orang kafir, orang-orang Munafiq dan orang-orang Yahudi yang berusaha untuk menimbulkan kekacauan di dalam barisan kaum Muslimin sama ada dengan melancarkan peperangan atau menyebarkan khabar-khabar angin dan seruan-seruan yang melemahkan semangat mereka, atau dengan menggugatkan peraturan-peraturan kemasyarakatan dan adab-adab kesusilaan. Di samping itu kesan-kesan dari peperangan dan harta-harta rampasan perang yang mempengaruhi kehidupan kaum Muslimin itu memerlukan kepada perubahan setengah-setengah peraturan kemasyarakatan dan tanggapan-tanggapan perasaan agar masyarakat Islam dapat ditegakkan di atas satu lunas yang kukuh yang sesuai dengan kesan-kesan itu.

Dari sudut-sudut inilah dapat dilihat kesepaduan surah ini dan keselarasan penerangan dan maudhu'-maudhu' yang dibicarakannya di samping persamaan zaman yang mengikatkan peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan baru yang diperkatakan oleh surah ini.

* * * * * *

Surah ini dimulai dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bertaqwa kepada Allah dan tidak mengikut kehendak orang-orang kafir dan Munafiq, juga supaya hanya mengikut apa yang diwahyukan Allah dan berserah kepada Allah Yang Tunggal sahaja. Inilah permulaan yang mengikatkan semua peristiwa dan peraturan yang disebut di dalam surah ini dengan dasar pokok yang agung yang menjadi asas peraturan-peraturan dan bimbingan-bimbingan agama Islam, iaitu dasar kesedaran hati terhadap kebesaran Allah dan penyerahan mutlak kepada kehendak iradat-Nya, juga mengikut sistem hidup yang dipilih Allah, bertawakkal dan percaya penuh kepada naungan dan pertolongan-Nya.

Kemudian Al-Qur'an memberi kata pemutus terhadap setengah-setengah adat resam dan peraturan-peraturan kemasyarakatan dengan mengumumkan satu hakikat yang wujud dalam dunia kenyataan:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga, dadanya."(4)

Hakikat ini dituju untuk menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh menuju kepada lebih dari satu hala dan tidak boleh mengikut lebih dari satu sistem hidup, jika tidak, dia akan menjadi Munafiq dan langkah perjalanannya akan menjadi tidak menentu.

Selama seseorang itu tidak mempunyai dua hati, maka pastilah dia bertawajjuh kepada satu Tuhan Yang Esa sahaja dan mengikut satu sistem hidup sahaja dengan meninggalkan segala adat kebiasaan dan peraturan-peraturan yang lain darinya.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mula-mula menghapuskan adat dzihar iaitu satu adat, di mana si suami bersumpah bahawa isterinya sama seperti belakang ibunya dan dengan sumpah itu haramlah isterinya kepadanya sebagaimana haram ibunya kepadanya:

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu"(4)

kemudian Al-Qur'an menjelaskah bahawa perkataan seperti itu adalah cakap-cakap lidah mereka sahaja bukannya hakikat yang sebenar, malah si isteri yang didziharkan itu tetap menjadi seorang isteri dan tidak akan menjadi seorang ibu dengan semata-mata perkataan seperti itu. Kemudian langkah

yang kedua ialah menghapuskan adat mengambil anak angkat dan implikasi-implikasinya:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri."(4)

Selepas hari ini anak-anak angkat itu tidak boleh lagi mewarisi harta pusaka, dan pengambilan anak angkat itu juga tidak membawa implikasi-implikasi yang lain lagi (yang akan dijelaskan kemudian).

Selepas itu Al-Qur'an mengekal dan menegakkan dasar wilayah am (hak penjagaan dan kepimpinan - Penterjemah) kepada Rasulullah s.a.w. terhadap seluruh orang-orang Mu'minin. Al-Qur'an mengutamakan wilayah beliau dari wilayah mereka terhadap diri mereka sendiri. Begitu juga Al-Qur'an menegakkan hubungan keibuan di antara para isteri Rasulullah s.a.w. dengan sekalian orang-orang Mu'minin:

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka."(6)

Kemudian Al-Qur'an menghapuskan implikasi-implikasi ikatan mu'akhah (persaudaraan) yang telah ditetapkan di permulaan Hijrah dan kembali semula kepada hubungan kekeluargaan dalam hak warisan harta pusaka, bayaran diat dan sebagainya.

وَأُوْلُواْ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ

"Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka)."(6)

Dengan langkah-langkah itu, Al-Qur'an menyusun semula masyarakat Islam di atas landasan-landasan yang tabi'i dan menghapuskan peraturan-peraturan sementara.

Kemudian Al-Qur'an membuat ulasan terhadap peraturan yang baru yang diambil dari sistem hidup Islam dan dari hukum Allah dengan menyebut bahawa peraturan-peraturan itu adalah tercatat di dalam kitab Allah yang qadim dan menyebut perjanjian yang diambil dari para Anbia' terutama para rasul Ulul-'Azmi. Itulah cara Al-Qur'an mengulas peraturan-peraturan, undang-undang, dasar-dasar dan bimbingan-bimbingan supaya tertanam kukuh di dalam hati manusia.

Inilah intisari pusingan pertama surah ini.

* * * * * *

Pusingan yang kedua surah ini menerangkan nikmat yang dikurniakan Allah kepada orang-orang Mu'minin iaitu Allah telah menyelamatkan mereka dari pakatan jahat tentera-tentera gabungan yang menyerang mereka, kemudian Al-Qur'an menggambarkan Peperangan Ahzab dan Peperangan Bani Qurayzah dengan gambaran yang hidup dan pemandangan-pemandangan yang bersilih ganti. Ia melukiskan perasaan-perasaan, pergerakan-pergerakan lahir dan dialog-dialog di antara kumpulan-kumpulan dan individu-individu. Di tengah-tengah cerita peperangan dan perkembangan-perkembangannya itu Al-Qur'an mengemukakan arahan-arahan yang sesuai dengan tempatnya dan membuat ulasan-ulasan di atas peristiwa-peristiwa itu selaras dengan cara yang diambil oleh Al-Qur'an dalam menegakkan nilai-nilai hidup yang kukuh melalui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati.

Dalam peristiwa-peristiwa yang seperti ini Al-Qur'an selalu menggunakannya sebagai sarana untuk menegakkan nilai-nilai, menetapkan ukuran-ukuran dan menegakkan kefahaman-kefahaman yang dikehendakinya. Cara Al-Qur'an mempergunakan peristiwa-peristiwa ini ialah ia melukiskan segala pergerakan yang telah berlaku dan melukiskan segala perasaan lahir dan batin. Ia menyorotkan cahaya yang terang ke atas pergerakan-pergerakan itu untuk menerangi sudut-sudut dan liku-likunya yang tersembunyi. Kemudian ia menerangkan hukumnya terhadap perkara yang telah berlaku itu kepada para Mu'minin atau ia mengkritikkan kesalahan dan penyelewengan yang wujud di dalam kejadian-kejadian yang telah berlaku itu atau memuji kelurusan dan kejujuran mereka atau mengarahkan mereka supaya membetulkan kesalahan dan penyelewengan itu atau menyuburkan lagi sifat yang betul dan jujur itu. Kemudian semuanya dihubungkan dengan taqdir Allah dan iradat-Nya, dengan agama-Nya yang lurus, dengan fitrah manusia dan dengan undang-undang alam buana.

Peperangan itu mula diceritakan dengan firman Allah:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah nikmat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan) lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu."(9)

Dan di tengah peperangan itu diterangkan:

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ

أَوِ ٱلْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾ قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat menikmati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Dan firman-Nya:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

Kemudian ditamatkan dengan firman-Nya:

لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ وَيُعَذِّبَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

"Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana kebenaran janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendakinya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Selain dari ini, Al-Qur'an menyebut tanggapan-tanggapan orang-orang Mu'minin terhadap situasi yang sedang berlaku, juga tanggapan-tanggapan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mengidap penyakit di dalam hati mereka dengan memberi gambaran yang mendedahkan nilai-nilai yang betul dan nilai-nilai palsu dalam tanggapan-tanggapan itu:

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka."(12)

وَلَمَّا رَءَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْأَحْزَابَ قَالُوا۟ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Kemudian pada akhirnya disampaikan kata penamat dan berita yang yakin:

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

"Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang yang kafir (tentera tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan, dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan, dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."(25)

* * * * * *

Setelah itu tiba pula keputusan memberi pilihan kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. yang menuntut nafkah yang lebih lumayan dari beliau setelah beliau dan kaum Muslimin dikurniakan kesenangan hasil dari harta fai' Bani Qurayzah yang banyak dan harta-harta rampasan perang sebelumnya. Mereka diberi pilih di antara kesenangan hidup dunia dengan Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, tetapi mereka telah memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Mereka berpuas hati dengan kedudukan mereka yang terhormat di sisi Allah dan di sisi Rasulullah s.a.w. Mereka lebih mengutamakannya dari kesenangan hidup dunia. Oleh kerana itu Al-Qur'an menerangkan bahawa mereka akan memperolehi balasan pahala yang berganda-ganda jika mereka bertaqwa, dan akan mendapat balasan 'azab yang berganda-ganda jika mereka melakukan kejahatan yang nyata. Al-Qur'an menjelaskan bahawa sebab penggandaan balasan itu ialah kerana kedudukan mereka yang tinggi dan kerana hubungan mereka yang rapat dengan Rasulullah s.a.w., juga kerana Al-Qur'an itu diturun dan dibaca di rumah-rumah mereka, juga kerana kata-kata hikmat yang mereka dengar dari Nabi s.a.w. Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada menerangkan balasan yang akan diterima oleh sekalian Mu'minin dan Mu'minat.

Inilah intisari pusingan yang ketiga.

* * * * * *

Dalam pusingan yang keempat Al-Qur'an memberi isyarat secara tidak langsung kepada perkahwinan Zainab binti Jahsy dari suku Quraysy keturunan Hasyim, puteri ibu saudara Rasulullah s.a.w. dengan Zayd ibn Harithah bekas hamba Rasulullah s.a.w., juga penerangan-penerangan yang diturunkan mengenai perkahwinan itu iaitu mula-mula dengan menjelaskan dasar memulangkan urusan seluruh kaum Muslimin lelaki dan perempuan kepada keputusan Allah, mereka tidak mempunyai apa-apa saham dan tidak mempunyai apa-apa pilihan. Segala-galanya mengikut iradat dan keputusan Allah yang menjalankan segala sesuatu kerana seseorang Mu'min adalah berserah mutlak kepada Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata."(36)

Kemudian kisah perkahwinan itu diiringi pula dengan kisah perceraian dan implikasinya yang menghapuskan kesan-kesan kedudukan anak angkat yang diterangkan pada permulaan surah. Ia dihapuskan dengan satu contoh amali, di mana Rasulullah s.a.w. sendiri telah dipilih Allah untuk melaksanakan contoh itu kerana terlalu mendalamnya adat anak angkat itu bertapak di dalam masyarakat Arab dan terlalu sukar untuk melanggarnya. Di sini berlakulah ujian Allah terhadap Rasulullah s.a.w. supaya memikul sendiri tugas ini sebagai tugas-tugas da'wah dan menegakkannya di dalam realiti hidup masyarakat setelah ditegakkannya di dalam hati:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَىْ لَا يَكُونَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِىٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟ مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan apabila Zayd telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikan), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri keperluan mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah adalah keputusan yang wajib dilaksanakan."(37)

Sesuai dengan kejadian ini, diterangkan hakikat hubungan di antara Rasulullah s.a.w. dengan sekalian orang-orang yang beriman:

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ ۗ

"Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat para Nabi."(40)

Pusingan ini ditamatkan dengan beberapa arahan yang ditujukan kepada Rasulullah dan orang-orang Mu'minin yang ada bersama beliau:

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi penjaga (kamu)."(48)

* * * * * *

Pusingan yang kelima dimulakan dengan penerangan tentang hukum isteri-isteri yang ditalaq sebelum disetubuhi, kemudian menyentuh peraturan kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. dengan menerangkan siapakah di antara perempuan-perempuan yang Mu'min itu yang halal kepada beliau dan siapakah pula di antara mereka yang haram kepadanya, kemudian beralih kepada peraturan perhubungan orang-orang Islam dengan rumah-rumah Nabi s.a.w. dan para isterinya sama ada semasa hayatnya atau selepas wafatnya, juga menjelaskan bahawa isteri-isteri beliau wajib melindungkan diri mereka melainkan kepada bapa-bapa atau anak-anak mereka atau saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak lelaki kepada saudara-saudara lelaki mereka atau isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, juga menjelaskan balasan yang akan diterima oleh orang-orang yang menyakiti Rasulullah s.a.w., isteri-isterinya, rumahtangga dan perasaannya. Allah mengutukkan mereka di dunia dan di Akhirat. Ini menunjukkan bahawa kaum Munafiqin dan lainnya telah banyak melakukan gangguan-gangguan itu.

Kemudian diiringi dengan menyuruh isteri-isteri nabi, puteri-puterinya dan wanita-wanita Mu'min seluruhnya supaya melabuhkan baju mereka ke seluruh tubuh mereka:

ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ

"Cara yang demikian lebih mudah mereka dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu."(59)

Juga mengancamkan orang-orang Munafiqin, orang-orang yang berpenyakit di dalam hati dan orang-orang yang menyebarkan berita-berita angin di Madinah dengan ancaman bahawa mereka akan dikuasai dan diusirkan oleh Nabi s.a.w. dari Madinah sebagaimana terusirnya sebelum ini orang-orang Yahudi dari Bani Qaynuqa' dan Bani an-Nadhir, atau mereka akan dihapuskan sebagaimana yang telah berlaku kepada Bani Qurayzah baru-baru ini. Semuanya menunjukkan bagaimana kumpulan-

kumpulan ini telah melakukan gangguan-gangguan yang berat dengan berbagai-bagai cara yang jahat terhadap masyarakat Islam di Madinah.

* * * * * *

Pusingan yang keenam dan terakhir dari surah ini memuatkan pertanyaan orang ramai tentang hari Qiamat, dan pertanyaan itu dijawab bahawa ilmu Qiamat itu hanya di sisi Allah sahaja di samping membayangkan bahawa Qiamat itu mungkin sudah dekat. Kemudian kenyataan ini diikuti dengan satu pemandangan Qiamat:

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَا لَيْتَنَا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَا ﴿٦٦﴾

"Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Kemudian diceritakan pula bagaimana mereka marahkan pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar yang dipatuhi mereka kerana telah menyesatkan mereka:

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَاءَنَا فَأَضَلُّونَا السَّبِيلَا ﴿٦٧﴾

رَبَّنَا آتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ الْعَذَابِ وَالْعَنْهُمْ لَعْنًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

"Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Kenakan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan laknatkan mereka dengan sebesar-besar laknat."(68)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu pengumuman yang agung dan mempunyai makna yang amat mendalam:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

لِيُعَذِّبَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ وَيَتُوبَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٧٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit, bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil(72). Agar Allah mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga agar Allah menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Itulah satu pengumuman yang menunjukkan betapa besarnya tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu umat manusia terutama di atas bahu umat Islam khususnya, kerana merekalah satu-satunya umat yang memikul amanah Allah yang agung ini, iaitu amanah 'aqidah dan berdiri teguh di atasnya, amanah da'wah dan sabar menjunjung komitmennya, amanah syari'at dan kesanggupan melaksanakannya ke atas diri mereka sendiri dan di bumi sekeliling mereka. Pengumuman ini sesuai dengan maudhu' dan suasana surah, juga sesuai dengan tabi'at sistem hidup Ilahi yang dibicarakan surah ini, iaitu surah yang mengatur masyarakat Islam di atas landasan sistem itu.

Sekarang marilah kita tafsirkan surah ini dengan terperinci setelah kita menerangkan intisarinya secara sepintas lalu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾

وَاتَّبِعْ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (2). Dan berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Pengertian Islam

Inilah permulaan surah yang mengaturkan beberapa peraturan kemasyarakatan dan akhlak bagi masyarakat Islam yang baru lahir itu, iaitu satu permulaan yang menjelaskan tabi'at sistem hidup Islam dan dasar-dasar yang menjadi tapak tegaknya di alam kenyataan dan di alam dhamir.

Islam bukannya himpunan bimbingan-bimbingan dan nasihat-nasihat, bukannya himpunan adab-adab

susila dan akhlak, bukannya himpunan undang-undang dan bukannya himpunan peraturan-peraturan dan adat resam sahaja. Islam adalah merangkumi semuanya, tetapi semuanya itu bukannya pengertian Islam, malah Islam ialah berserah kepada kehendak dan perencanaan Allah, dan kesediaan dari awal-awal lagi untuk mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dan kesediaan untuk mengikuti sistem hidup yang digaris Allah tanpa menoleh kepada bimbingan dan arah tujuan yang lain dan tanpa bergantung kepada yang lain dari-Nya. Islam ialah kesedaran dari awal-awal bahawa manusia di bumi ini harus tunduk kepada undang-undang Ilahi Yang Tunggal yang mengendali mereka dan mengendali bumi, juga mengendali planet-planet dan bintang-bintang. Undang-undang itulah yang mentadbirkan seluruh urusan alam lahir dan batin, yang nampak dan yang tidak nampak, yang dapat ditanggap akal manusia dan yang tidak dapat ditanggap daya kefahamannya. Islam ialah keyakinan bahawa manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam agama ini selain dari menjunjung perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, dan selain dari menggunakan sarana-sarana yang dikurniakan Allah kepada mereka dan menunggu natijah-natijah yang telah ditetapkan Allah. Inilah asas yang menjadi landasan undang-undang, peraturan, adat resam, adab-adab susila dan akhlak yang merupakan sebagai terjemahan secara amali dari kehendak-kehendak 'aqidah yang tersemat di hati dan dari kesan-kesan yang nyata dari semangat penyerahan diri kepada Allah dan dari kepatuhan mengikuti sistem hidup Ilahi dalam kehidupan. Islam ialah 'aqidah yang melahirkan syari'at iaitu satu syari'at yang menegakkan satu sistem hidup. Ketiga-tiga unsur itu berkumpul sepadu dan saling bertindak. Itulah Islam.

Arahan pertama surah yang mengaturkan peraturan-peraturan baru bagi masyarakat Islam ini ialah bertaqwa kepada Allah. Arahan itu ditujukan kepada Nabi s.a.w. yang memang patuh kepada undang-undang dan peraturan itu:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah."(1)

Taqwa Sebagai Asas Islam Yang Pertama

Taqwa kepada Allah dan perasaan yang merasakan adanya perhatian Allah dan kebesaran-Nya merupakan asas yang pertama. Ia bertugas sebagai penjaga di hati yang mengawal perundangan dan perlaksanaan undang-undang. Di atas asas inilah diletakkan segala tugas dan segala bimbingan di dalam Islam.

Arahan yang kedua ialah melarang dari mematuhi kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin, juga dari mengikuti bimbingan dan cadangan mereka dan dari mendengar fikiran dan hasutan mereka.

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَـٰفِرِينَ وَٱلْمُنَـٰفِقِينَ ۗ

"Dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin."(1)

Penampilan larangan yang didahulukan dari suruhan mengikut wahyu itu menunjukkan bahawa tekanan orang-orang kafir dan kaum Munafiqin di Madinah dan di sekitarnya adalah terlalu hebat. Inilah yang memerlukan larangan dari mengikut fikiran-fikiran dan bimbingan-bimbingan mereka dan larangan dari tunduk kepada desakan dan tekanan mereka. Kemudian larangan ini tetap berkuatkuasa di segala masyarakat dan segala zaman. Larangan ini mengingatkan orang-orang Mu'min supaya jangan sekali-kali mengikut fikiran-fikiran orang-orang kafir dan kaum Munafiqin terutama dalam perkara-perkara 'aqidah, perundangan dan peraturan kemasyarakatan khususnya agar mereka hanya ta'at kepada sistem hidup Ilahi sahaja dan tidak bercampuraduk dengan bimbingan-bimbingan dari yang lain dari sistem itu.

Jangan ada seorang pun yang tertipu kerana melihat ketinggian ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ada pada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-setengah kaum Muslimin di masa-masa kelemahan dan penyelewengan mereka kerana Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Dialah yang telah memilih satu sistem hidup untuk mereka mengikut ilmu dan hikmat-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(1)

Segala ilmu pengetahuan yang ada pada manusia hanya kulit luar dan sekelumit sahaja.

Arahan yang ketiga ialah:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾

"Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(2)

Wahyu itulah punca arahan-arahan dan sumber haqiqi yang wajib diikuti. Ungkapan:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ

"Ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu"(2)

menyarankan bahawa wahyu yang disampaikan kepadamu itu adalah benar-benar dari Allah. Saranan ini sahaja sudah cukup agar wahyu itu wajib diikuti, apatah lagi dengan adanya perintah dari Allah sendiri supaya mengikuti wahyu itu. Ulasan:

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(1)

menyarankan bahawa Allah mengetahui hakikat kamu dan apa yang dilakukan kamu. Allah mengetahui hakikat amalan yang dilakukan kamu dan mengetahui segala niat dan tujuan yang tersemat di hati kamu.

Arahan yang akhir ialah:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ٣

"Dan berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Tidak penting kepadamu sama ada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin itu menyokongmu atau menentangmu. Jangan hiraukan tipu daya mereka yang jahat, malah serahkan seluruh urusanmu kepada Allah agar dia mengendalikannya dengan ilmu dan hikmat-Nya. Dasar memulangkan urusan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya sahaja pada peringkat akhir merupakan asas yang teguh yang memberi ketenteraman kepada hati. Ia membuat seorang itu tahu di mana batasnya dan ke mana dia harus berakhir, dan menyerahkan hal-hal selanjutnya kepada Allah yang menerajui urusan dan pentadbiran dengan penuh keyakinan dan ketenangan.

Ketiga-ketiga unsur-unsur ini, iaitu taqwa, mengikut wahyu, berserah kepada Allah serta tidak mengikut orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin merupakan unsur-unsur yang menjadi bekalan dan modal pokok bagi penda'wah. Inilah unsur-unsur yang menegakkan da'wah di atas jalannya yang jelas dan bersih, iaitu da'wah dari Allah, kepada Allah dan berserah kepada Allah:

"Dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Kemudian arahan-arahan itu ditamatkan dengan sebuah kenyataan yang tegas yang diambil dari bukti yang disaksikan pancaindera:

Sebuah Hati Dan Satu Jalan Hidup

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦ ۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Manusia cuma mempunyai sebuah hati sahaja. Oleh kerana itu dia pasti mempunyai satu jalan hidup sahaja untuk dijalinnya. Dia pasti mempunyai satu persepsi yang global sahaja terhadap hidup dan alam sebagai sumber pemikirannya. Dia pasti mempunyai satu neraca sahaja untuk menimbangkan nilai-nilai dan untuk menilaikan peristiwa-peristiwa dan segala sesuatu. Jika tidak dia akan berbelah bagi, menjadi talam dua muka, menyeleweng dan tidak tetap menjurus ke satu hala.

Seseorang itu tidak boleh mengambil adab-adab dan akhlak-akhlaknya dari satu sumber kemudian mengambil undang-undang dan peraturannya dari satu sumber yang lain dan mengambil pula peraturan-peraturan kemasyarakatan dan ekonomi dari sumber yang ketiga, kemudian mengambil kesenian-kesenian dan kefahaman-kefahamannya dari sumber yang keempat. Campuraduk yang seperti ini tidak dapat membentukkan seorang insan yang mempunyai sebuah hati yang kukuh, malah ia akan menjadi hati yang tercincang dan berkecai-kecai tanpa satu pendirian yang mantap.

Seseorang yang menganut 'aqidah Islam tidak mungkin memiliki 'aqidah itu dengan sebenarnya apabila dia melepaskan dirinya dari kehendak-kehendak dan nilai-nilai 'aqidah itu di dalam mana-mana pendirian hidupnya sama ada kecil atau besar. Dia tidak boleh mengeluarkan sesuatu perkataan atau melakukan sesuatu gerakan atau menetapkan sesuatu niat atau memikirkan sesuatu perkara tanpa berhakimkan kepada 'aqidahnya, jika benar 'aqidah itu menjadi hakikat yang tertanam di dalam jiwanya, kerana Allah hanya menciptakan sebuah hati sahaja pada seseorang manusia, iaitu sebuah hati yang hanya dapat tunduk kepada satu undang-undang sahaja dan mengambil fikirannya dari satu kefahaman sahaja dan membuat pertimbangan dengan satu neraca sahaja.

Seseorang yang menganut 'aqidah Islam tidak mungkin mengatakan terhadap sesuatu tindakan yang telah dilakukannya bahawa "aku buat begini atas sifat peribadiku sahaja dan aku buat begitu atas sifat-sifatku sebagai seorang Islam" sebagaimana yang pernah diucapkan oleh tokoh-tokoh politik atau tokoh-tokoh syarikat perniagaan atau tokoh-tokoh persatuan-persatuan sosial atau persatuan-persatuan ilmiah atau sebagainya. Sebenarnya dia hanya seorang manusia yang mempunyai sebuah hati sahaja, mempunyai satu 'aqidah sahaja, mempunyai satu kefahaman sahaja terhadap hidup ini, dan mempunyai satu neraca sahaja untuk menimbangkan nilai-nilai. Seluruh kefahamannya yang diambil dari 'aqidahnya itu melibatkan segala apa yang terbit darinya dalam semua keadaannya.

Dengan sebuah hati inilah dia hidup sebagai individu, hidup sebagai anggota dalam keluarga, hidup sebagai anggota dalam masyarakat, hidup, sebagai warganegara dalam kerajaan, hidup sebagai penghuni di alam, hidup secara rahsia dan secara terbuka, hidup sebagai pekerja dan sebagai majikan, hidup sebagai rakyat yang diperintah dan sebagai perintah yang memerintah, hidup di dalam kesenangan dan kesusahan, di mana pertimbangan-pertimbangan dan nilainya tidak berubah dan kefahaman-kefahamannya juga tidak berubah-ubah.

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Oleh kerana itu Islam hanya merupakan satu sistem, satu jalan, satu wahyu dan satu arah aliran iaitu berserah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana sebuah hati tidak mungkin menyembah dua tuhan, tidak boleh berkhidmat kepada dua tuan, tidak boleh mengikut dua jalan dan tidak boleh menuju kepada dua hala. Andainya hati berbuat demikian ia akan berbelah bagi dan berubah menjadi potongan-potongan yang berkecai dan berlonggok-longgok tercaing.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)

Selepas membuat kenyataan yang tegas dalam menentukan sistem dan jalan hidup Islam, Al-Qur'an membatalkan adat dzihar dan adat mengambil anak angkat untuk membangun masyarakat di atas landasan hubungan keluarga yang jelas, bersih dan lurus:

Pemansuhan Adat Dzihar Dapat Mengambil Anak Angkat

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦۚ وَمَا جَعَلَ
أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔي تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْۚ وَمَا
جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْۖ
وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾
ٱدْعُوهُمْ لِأَبَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟
ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِي ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْۚ وَلَيْسَ
عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا
تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"..... Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul (4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu. Dan tiada apa apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(5)

Di zaman Jahiliyah apabila seorang suami berkata kepada isterinya "kamu kepadaku adalah seperti belakang ibuku" yakni kamu haram kepadaku sebagaimana haramnya ibuku kepadaku. Ketika itu haramlah kepadanya bersetubuh dengannya dan si perempuan itu akan tinggal tergantung-gantung. Dia tidak disifatkan sebagai isteri yang telah dicerai yang dapat berkahwin dengan lelaki yang lain dan tidak pula disifatkan sebagai isteri yang halal kepadanya. Perbuatan dzihar ini mengandungi kekejaman dan kezaliman dan ia merupakan sebahagian dari layanan-layanan yang buruk dan sewenang-wenang terhadap kaum wanita di zaman Jahiliyah, di mana mereka diseksa dengan berbagai kesusahan dan kesulitan.

Apabila Islam mulai mengatur semula peraturan hubungan kemasyarakatan dalam lingkungan keluarga dan menganggap keluarga sebagai unit masyarakat yang utama serta memberi perhatian yang berat kepadanya sesuai dengan fungsi keluarga sebagai tapak semaian yang melahirkan generasi-generasi manusia, maka Islam bertindak menghapuskan kezaliman-kezaliman itu dari kaum wanita dan menyusun semula perhubungan-perhubungan itu dengan adil dan selesa. Di antara peraturan-peraturan yang disyari'atkan mengikut dasar ini ialah:

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔي تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ
أُمَّهَٰتِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu."(4)

Perkataan yang diucapkan lidah itu tidak dapat mengubahkan hakikat yang wujud di alam kenyataan iaitu ibu tetap ibu, isteri tetap isteri. Tabi'at hubungan ini tidak dapat diubahkan oleh sepatah kata. Oleh sebab itu dzihar tidak lagi dapat mengenakan pengharaman yang abadi sama seperti pengharaman ibu sebagaimana yang berlaku di zaman Jahiliyah.

Menurut riwayat, penghapusan adat dzihar ini telah disyari'atkan apabila turunnya ayat-ayat di dalam Surah al-Mujadalah ketika 'Aus ibn as-Samit mendziharkan isterinya Khaulah binti Tha'labah. Dia datang mengadu kepada Rasulullah s.a.w. katanya, Wahai Rasulullah! Dia ('Aus) telah makan hartaku, dia menghabiskan mudaku dan aku telah melahirkan anak-anak kepadanya, tetapi apabila umurku sudah tua dan anak-anakku terpisah dari ku dia pun mendziharkanku". Ujar Nabi s.a.w. "Aku tidak nampak melainkan engkau telah menjadi haram kepadanya." Kemudian Khaulah mengulangi rayuannya berkali-kali, lalu Allah menurunkan ayat:

قَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّتِي تُجَٰدِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِيٓ
إِلَى ٱللَّهِ وَٱللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَآۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ
بَصِيرٌ ﴿١﴾

ٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِنكُم مِّن نِّسَآئِهِم مَّا هُنَّ أُمَّهَٰتِهِمْۖ إِنْ أُمَّهَٰتُهُمْ إِلَّا ٱلَّٰٓـِٔي وَلَدْنَهُمْۚ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنكَرًا مِّنَ ٱلْقَوْلِ وَزُورًاۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَعَفُوٌّ غَفُورٌ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا۟ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَن يَتَمَآسَّاۚ ذَٰلِكُمْ تُوعَظُونَ بِهِۦۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾

فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِن قَبْلِ أَن يَتَمَآسَّاۖ فَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًاۚ ذَٰلِكَ لِتُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۚ وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِۗ وَلِلْكَٰفِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan wanita yang bersoal jawab dengan engkau mengenai suaminya dan ia mengadukan (halnya) kepada Allah dan Allah memang mendengar pembicaraan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (1). Orang-orang yang mendziharkan[1] isteri mereka dari kalangan kamu itu, maka sebenarnya isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka. Ibu mereka yang sebenar tidak lain melainkan ibu-ibu yang melahirkan mereka. Sesungguhnya mereka mengucapkan kata-kata yang keji dan dusta. Dan sesungguhnya Allah Maha Pema'af dan Maha Pengampun(2). Orang-orang yang mendziharkan isteri-isteri mereka kemudian mereka menarik balik perkataan mereka, maka wajiblah ia memerdekakan seorang hamba sebelum kedua-duanya melakukan hubungan kelamin. Demikianlah hukum yang diajarkan kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(3). Barang siapa yang tidak mendapat hamba, maka wajiblah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum kedua-duanya melakukan hubungan kelamin. Dan barang siapa yang tidak kuasa berpuasa, maka wajiblah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Demikianlah (hukum dzihar) supaya kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan itulah batasan-batasan Allah, dan untuk orang-orang yang kafir ialah 'azab yang amat pedih."(4)

(Surah al-Mujadalah : 1 - 4)

Dengan ayat ini Allah telah menjadikan dzihar itu suatu pengharaman sementara bagi persetubuhan bukan pengharaman yang berkekalan dan bukan pula sebagai talaq. Denda kifaratnya ialah membebaskan seorang hamba atau berpuasa selama dua bulan berturut-turut atau memberi makanan kepada enam puluh orang miskin. Dengan menunaikan pembayaran ini, maka si isteri kembali menjadi halal kepada suami dan rumahtangga mereka kembali semula seperti dahulu. Demikianlah hukum yang kukuh dan lurus itu dilandaskan di atas hakikat yang wujud di alam kenyataan.

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔي تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْۚ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu."(4)

Dengan ini terselamatlah keluarga dari kehancuran dengan sebab adat Jahiliyah yang menggambarkan sebahagian dari keseksaan, kezaliman dan kesulitan yang dialami oleh kaum wanita, juga terselamatlah keluarga dari kekacauan hubungan kekeluargaan akibat hawa nafsu kaum lelaki dan keangkuhan mereka di dalam masyarakat Jahiliyah.

Inilah masalah dzihar. Ada pun masalah anak angkat dan memanggil mereka dengan "bin" kepada yang bukan bapa mereka yang sebenar itu juga menimbulkan kegoyahan di dalam binaan keluarga dan masyarakat seluruhnya.

Walaupun masyarakat Arab terkenal dengan sifat berbangga dengan kebersihan dan keturunan namun di sana terdapat gejala-gejala yang bertentangan di dalam masyarakat itu yang berlaku di rumahtangga-rumahtangga yang bukan dari keturunan yang terbilang dan masyhur.

Di dalam masyarakat itu terdapat anak-anak yang tidak dikenali bapa-bapa mereka. Apabila ada lelaki yang tertarik kepada mana-mana anak itu, maka dia akan mengambilnya sebagai anak angkatnya dan memanggilnya sebagai anak kandungnya serta menghubungkan anak itu dengan keturunannya, dan dengan itu kedua-duanya mempunyai hak saling mewarisi seperti hak saling mewarisi dalam keturunan yang sebenar.

Di sana juga terdapat anak-anak yang memang dikenali bapa-bapa mereka, tetapi apabila ada lelaki yang sukakan salah seorang dari anak-anak itu, maka dia akan mengambilnya sebagai anak angkatnya serta menghubungkannya dengan keturunannya. Lalu si anak angkat itupun dikenali di kalangan orang ramai sebagai anak kepada lelaki itu dan dia termasuk di dalam keluarganya. Hal ini berlaku terutamanya di kalangan orang-orang tawanan perang, di mana kanak-kanak dan anak-anak muda ditangkap di dalam peperangan-peperangan dan serangan-serangan. Mana-mana orang yang suka hendak menghubungkan salah seorang dari anak-anak tawanan dengan keturunannya, maka bolehlah dia memanggilnya sebagai anaknya dengan ber"bin" kepadanya. Lalu si anak ini pun terkenal sebagai anak

---

[1] *Dzihar ialah mengatakan kepada isteri, "Kamu seperti punggung ibuku" dengan tujuan ia tidak mahu lagi melakukan hubungan kelamin dengan isterinya. Kata-kata itu menurut adat Jahiliyah sama dengan menceraikan isterinya.*

orang itu serta mempunyai hak-hak dan kewajipan-kewajipan sebagai seorang anak.

Di antara mereka yang seperti ini ialah Zayd bin Harithah al-Kalbi yang berasal dari satu suku Arab. Dia ditawan semasa kecil dalam satu pertempuran yang berlaku di zaman Jahiliyah, lalu dia dibeli oleh Hakim ibn Hizam untuk ibu saudaranya Siti Khadijah r.a. Apabila Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan Siti Khadijah, dia menghadiahkan Zayd kepada beliau. Kemudian bapa Zayd dan ayah saudaranya datang memintanya, lalu Rasulullah s.a.w. pun memberi pilihan kepada Zayd dan dia telah memilih beliau. Lalu beliau memerdekakannya dan mengambilnya sebagai anak angkat. Orang ramai memanggilnya Zayd bin Muhammad dan dialah orang yang pertama beriman kepada beliau di antara maula-maula (bekas hamba).

Apabila Islam mulai menyusun peraturan hubungan-hubungan keluarga di atas asasnya yang tabi'i dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan itu dengan menjadikannya satu hubungan yang terang dan tidak bercampuraduk, maka Allah menghapuskan adat anak angkat ini dan memulangkan hubungan keturunan kepada punca-puncanya yang sebenar, iaitu hubungan darah daging, hubungan bapa dan anak yang sebenar. Firman-Nya:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja."(4)

Perkataan sahaja tidak dapat mengubahkan kenyataan dan tidak dapat mewujudkan satu hubungan selain dari hubungan darah dan hubungan keturunan yang mewarisi sifat-sifat keturunan yang dibawa oleh nutfah, juga hubungan jiwa atau perasaan semulajadi yang lahir dari hakikat si anak itu sebagai sepotong daging hidup dari tubuh bapanya yang hidup.

وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾

"Sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul."(4)

Allah menerangkan hakikat yang benar, yang mutlak dan tidak bercampur dengan kebatilan, dan di antara hakikat yang benar ialah menegakkan hubungan kekeluargaan di atas asas hubungan darah daging yang sebenar bukan di atas asas kata-kata yang dikeluarkan oleh mulut mereka, dan Allah:

"Memberi hidayat ke jalan yang betul"(4)

yakni jalan yang lurus yang bersambung dengan undang-undang fitrah yang tidak boleh diganti oleh mana-mana peraturan lain yang diciptakan mulut manusia yang mengeluarkan kata-kata yang tidak ada maknanya di dalam kenyataan.

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ

"Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan bin bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah."(5)

Memanglah satu perkara yang adil apabila seorang anak itu dibinkan kepada bapanya yang sebenar. Ia merupakan satu keadilan kepada si bapa kerana dari darah dagingnya lahirnya si anak itu, dan merupakan satu keadilan kepada si anak yang menyandang nama bapanya, yang saling mewarisi satu sama lain dan saling membantu. Ia merupakan kesinambungan dari bapanya dengan warisan-warisannya yang terpendam dalam dirinya, di samping mewakili ciri-cirinya dan ciri-ciri datuk neneknya. Ia merupakan keadilan kepada dasar kebenaran itu sendiri yang meletakkan segala sesuatu di tempatnya yang sebenar dan menegakkan segala hubungan di atas asas fitrah semulajadi. Ia tidak menghilangkan kelebihan seorang bapa dan tidak pula menghilangkan kelebihan seorang anak. Ia tidak membebankan tanggung-jawab anak ke atas yang lain dari bapa yang sebenar dan tidak pula memberi kepadanya hak-hak keistimewaannya sebagaimana ia tidak membebankan tanggungjawab anak ke atas yang lain dari anak yang sebenar dan tidak memberi pilih kasih kepadanya.

Inilah sistem hidup yang memperseimbangkan tanggungjawab-tanggungjawab di dalam keluarga dan menegakkan keluarga di atas asas yang teguh dan halus yang diambil dari alam kenyataan. Serentak itu juga sistem ini membangunkan binaan masyarakat di atas asas haqiqi yang amat kuat, benar dan sesuai dengan fitrah. Segala sistem hidup yang tidak melayani hakikat keluarga yang tabi'i adalah satu sistem hidup yang gagal, lemah, mempunyai asas-asas yang palsu yang tidak dapat bertahan lama.[2]

Memandang kepada kekacauan dalam hubungan-hubungan keluarga dan dalam hubungan seks di zaman Jahiliyah yang mengakibatkan lahirnya campuraduk keturunan hingga kadang-kadang tidak diketahui siapakah bapa mereka yang sebenar, maka Islam telah memberi kemudahan dalam usahanya untuk mengatur semula peraturan keluarga dan menegakkan peraturan kemasyarakatan di atas asasnya yang sebenar, iaitu Islam telah menetapkan satu kedudukan yang terhormat kepada anak-anak angkat yang tidak diketahui bapa-bapa mereka yang sebenar iaitu kedudukan sebagai "saudara seagama" dan sebagai "maula":

---

[2] *Sistem komunisme cuba menafikan asas keluarga di dalam pembinaan masyarakat. Sistem ini hanya meraba-raba dan masih terus meraba-raba. Walaupun wujudnya asas sistem ideologi komunisme secara falsafah, namun fitrah mulai berjuang di Russia dan ia perlahan-lahan muncul menegakkan pengaruhnya.*

فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ

"Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu."(5)

Ini adalah satu hubungan moral dan perasaan yang tidak mempunyai iltizam-iltizam tertentu seperti iltizam saling mewarisi dan iltizam takaful dalam pembayaran diat, iaitu iltizam-iltizam keturunan darah, juga merupakan iltizam-iltizam adat mengambil anak angkat. Hubungan moral ini bertujuan supaya anak-anak peliharaan itu tidak ditinggal tanpa sesuatu hubungan di dalam masyarakat Islam setelah dihapuskan hubungan anak angkat.

Nas yang berbunyi:

فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ

"Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka"(5)

menggambarkan hakikat kekacauan yang berlaku di dalam masyarakat Jahiliyah dan hakikat kekacauan dalam hubungan-hubungan seks. Kekacauan inilah yang mahu diatasi Islam dengan menegakkan peraturan keluarga di atas asas kebapaan yang sebenar dan menegakkan peraturan masyarakat di atas asas keluarga yang bersih.

Dalam usaha memulangkan keturunan kepada bapa-bapa yang sebenar, maka orang-orang Mu'minin tidak dipersalahkan apabila mereka gagal menemui atau mengenal pasti bapa-bapa yang sebenar.

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(5)

Kema'afan dan kemudahan ini adalah terbit dari sifat Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih. Dia tidak memberatkan manusia melakukan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan mereka.

Rasulullah s.a.w. telah memberi tekanan yang berat supaya keturunan itu diselidik dan dipastikan dengan cermat untuk menunjukkan kesungguhan peraturan yang baru itu demi menghapuskan segala kesan dari kegoyahan masyarakat Jahiliyah itu. Beliau mengancam orang-orang yang menyembunyikan hakikat keturunan yang sebenar dengan mengecap mereka sebagai kufur. Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Ya'kub bin Ibrahim, kami telah diceritakan oleh Ibn 'Aaliyah dari 'Uyainah ibn Abdul Rahman dari bapanya katanya: Kata Abu Bakr r.a. firman Allah:

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ

"Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu"(5)

dan aku juga dari orang-orang yang tidak dikenali bapanya yang sebenar dan aku adalah saudara seagama dengan kamu. Kata bapaku (dari percakapan 'Uyainah ibn Abdul Rahman): Demi Allah, aku fikir jika dia (Abu Bakr) tahu bapanya keldai sekalipun dia sanggup hubungkan keturunannya kepadanya. Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من ادّعى إلى غير أبيه – وهو يعلم – إلا كفر

"Barang siapa yang mendakwa keturunannya kepada yang lain dari bapanya yang sebenar - sedangkan dia tahu (orang itu bukan bapanya) - nescaya kafirlah dia."

Amaran yang berat ini sesuai dengan perhatian Islam yang berat untuk memelihara keluarga dan hubungan-hubungannya dari segala campuraduk dan orang-orang asing yang tidak sebenar. Islam menjaga keluarga dengan segala wasilah keselamatan, kejujuran, kekuatan dan keteguhan agar dapat ditegakkan sebuah masyarakat yang padu, sejahtera, bersih dan jujur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Setelah itu ayat yang berikut menjelaskan pula penghapusan peraturan mu'akhah (persaudaraan) di samping penghapusan peraturan mengambil anak angkat. Peraturan mu'akhah bukanlah peraturan Jahiliyah, malah ia adalah satu peraturan yang diadakan oleh Islam untuk mengatasi masalah orang-orang Muhajirin yang telah meninggal harta benda dan keluarga mereka di Makkah, juga untuk mengatasi masalah yang berlaku di dalam kalangan orang-orang Islam di Madinah yang telah terputus hubungan dengan keluarga mereka kerana menganut agama Islam. Penjelasan itu disertakan pula dengan menetapkan hak wilayah umum (hak penjagaan dan kepimpinan) kepada Nabi s.a.w. dan mengutamakannya di atas segala wilayah keturunan, juga menetapkan hubungan keibuan di antara para isteri Rasulullah s.a.w. dengan sekalian kaum Mu'minin:

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَأَزْوَٰجُهُۥٓ أُمَّهَٰتُهُمْ ۗ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ

فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ إِلَّآ أَن تَفۡعَلُوٓاْ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِكُم مَّعۡرُوفٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ٦

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Di Sebalik Peristiwa Hijrah

Orang-orang Muhajirin telah berpindah dari Makkah ke Madinah. Mereka meninggalkan segala-galanya kerana melarikan diri menuju kepada Allah demi menyelamatkan agama mereka. Mereka lebih mengutamakan 'aqidah mereka dari hubungan kekeluargaan, dari harta benda, dari punca-punca kehidupan, dari kenangan-kenangan zaman kecil dan zaman muda dan dari hubuhgan sahabat teman. Demi menyelamatkan 'aqidah, mereka sanggup meninggalkan segala-galanya. Hijrah mereka dengan keadaan yang sedemikian rupa, yang sanggup meninggalkan segala yang disayangi hati termasuk keluarga, suami, isteri dan anak, merupakan satu contoh yang hidup di bumi ini, di mana 'aqidah Islam yang sempurna yang mempengaruhi sepenuhnya hati seseorang telah menjadi kenyataan, di mana tiada ruang lagi dalam hatinya untuk yang lain dari 'aqidah Islam. Hijrah yang sedemikian itu juga membuktikan terlaksananya kesatuan syakhsiyah insaniyah tepat seperti firman Allah Ta'ala:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٖ مِّن قَلۡبَيۡنِ فِي جَوۡفِهِۦۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Hal yang seperti ini juga telah berlaku di Madinah dalam satu bentuk yang lain. Ramai orang dari berbagai-bagai keluarga telah memeluk Islam dan di antara anggota-anggota keluarga itu ramai pula yang tetap dengan kepercayaan syirik mereka. Ini menyebabkan putusnya hubungan kekeluargaan di antara mereka dengan kaum kerabat mereka dan berlakulah kegoyahan dalam hubungan-hubungan keluarga lebih-lebih lagi di dalam hubungan-hubungan kemasyarakatan.

Masyarakat Islam di waktu itu masih baru dan kerajaan Islam yang baru itu lebih merupakan suatu wawasan yang bersemayam di dalam hati dari merupakan sebuah sistem pemerintahan yang mempunyai undang-undang dan peraturan yang lengkap.

Di sini 'aqidah Islam yang baru itu telah mencetuskan gelombang perasaan dan semangat kesedaran yang mengatasi segala sentimen dan perasaan yang lain, mengatasi segala peraturan dan tradisi dan mengatasi segala hubungan dan pertalian yang lain agar 'aqidah Islam sahaja menjadi satu-satunya tali perhubungan yang mengikatkan hati para penganutnya, dan dalam waktu yang sama mengikatkan kumpulan-kumpulan Muslimin yang terpisah dari akar-akar hubungan asal mereka yang berasaskan keluarga dan suku di mana tali hubungan 'aqidah ini menggantikan tali hubungan darah, hubungan kepentingan, persahabatan, bangsa dan bahasa. Hubungan 'aqidah inilah yang menyatupadukan semua kumpulan yang memeluk Islam. Ia menjadikan mereka satu kelompok Muslimin yang benar-benar padu dan satu, benar-benar hidup saling membantu dan bertafakul. Ia wujud bukan dengan nas-nas dari syari'at dan bukan pula dari perintah-perintah kerajaan tetapi ia diwujudkan oleh motif dalaman dan semangat kesedaran yang kuat dan luar biasa dalam kehidupan mereka, dan di atas asas perasaan dan semangat inilah tegaknya masyarakat Islam, sedangkan di masa itu masyarakat Islam belum lagi mampu dibangunkan di atas asas peraturan-peraturan kerajaan dan kekuatan undang-undang.

Orang-orang Muhajirin menjadi tetamu saudara-saudara mereka kaum Ansar yang beriman dan menjadi penduduk-penduduk Madinah. Mereka menyambut orang-orang Muhajirin di rumah mereka dan di dalam hati mereka serta berkongsi harta dengan mereka. Mereka berlumba-lumba memberi tempat tinggal kepada orang-orang Muhajirin sehingga tiada seorang Muhajirin yang akan tinggal di rumah mana-mana orang Ansar melainkan dengan undi, kerana bilangan orang-orang Muhajirin lebih kecil dari bilangan orang-orang Ansar yang ingin memberi tempat kediaman kepada mereka. Mereka berkongsi segala-galanya dengan penuh kerelaan hati, bersih dari tabi'at kedekut dan bersih dari tujuan menunjuk-nunjuk.

Ikatan Persaudaraan Yang Unik

Rasulullah s.a.w. telah mengikatkan tali persaudaraan di antara orang-orang Muhajirin dengan orang-orang Ansar. Persaudaraan ini merupakan satu hubungan yang unik di dalam sejarah perpaduan dan setiakawan di antara penganut-penganut 'aqidah. Persaudaraan ini telah mengambil tempat persaudaraan darah. Ia melibatkan waris mewarisi harta pusaka dan lain-lain komitmen yang terbit dari hubungan keturunan seperti membayar diat dan sebagainya.

Perasaan dan semangat kesedaran ini telah memuncak tinggi dan orang-orang Islam telah menghormati perhubungan ini dengan serius sebagaimana mereka menghormati segala ajaran yang lain yang dibawa Islam. Perasaan dan semangat inilah yang telah mengambil tempat dan berfungsi sebagai kerajaan yang berdaulat dan sebagai undang-undang yang kukuh yang diterima umum dalam mewujudkan masyarakat Islam dan melindungi

keselamatannya. Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu untuk memelihara keselamatan dan perpaduan masyarakat Islam yang baru itu di dalam suasana-suasana yang luar biasa yang dihadapinya.

Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu bagi pertumbuhan setiap kumpulan yang menghadapi suasana-suasana yang seperti itu sehingga wujudnya sebuah kerajaan yang kukuh dengan undang-undang dan peraturan yang mantap yang dapat menjaminkan kehidupan, perkembangan dan keselamatan kumpulan itu. Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu sehingga lahirnya keadaan-keadaan yang normal.

Tetapi walaupun Islam sangat menghormati perasaan dan semangat yang seperti itu supaya sentiasa bersemarak di dalam hati kaum Muslimin, namun Islam berusaha dengan sungguh-sungguh agar masyarakat Islam dapat dibangunkan di atas asas tenaga kemampuan jiwa manusia yang biasa bukan di atas perasaan dan semangat yang luar biasa yang memainkan peranannya di dalam suasana-suasana yang luar biasa agar tempatnya dapat diambil alih oleh perasaan dan semangat yang biasa dan oleh undang-undang dan peraturan yang biasa apabila tamatnya keadaan darurat yang dihadapi masyarakat Islam.

Justeru itu sebaik sahaja keadaan kota Madinah itu agak mantap selepas berlakunya Peperangan Badar dan sebaik sahaja kerajaan Islam di Madinah dapat mengukuhkan sedikit kedudukannya dan peraturan-peraturan kemasyarakatannya, dan sebaik sahaja terbuka peluang-peluang mencari makan dan sebaik sahaja semua orang mendapat habuan kehidupan yang cukup setelah diwujudkan pasukan-pasukan tentera penggempur selepas Peperangan Badar terutama selepas kaum Muslimin mendapat harta rampasan perang dari Bani Qaynuqa' yang diusir dari Madinah...... sebaik sahaja wujudnya jaminan-jaminan yang seperti ini, maka Al-Qur'anul-Karim pun kembali menghapuskan peraturan mu'akhah itu, iaitu menghapuskan tanggungan-tanggungan yang terbit dari hubungan darah dan keturunan dan mengekalkan hubungan sentimen dan perasaan persaudaraan Islam supaya ia dapat berfungsi kembali apabila wujudnya keadaan yang memerlukannya. Dengan penghapusan peraturan mu'akhah itu, maka segala hubungan di dalam masyarakat Islam kembali kepada keadaannya yang biasa, di mana hak mewarisi harta pusaka dan tanggungan membayar diat dikembalikan kepada hubungan darah daging dan keturunan yang merupakan peraturan asal yang tercatat di dalam kitab Allah yang qadim dan di dalam undang-undangnya yang biasa:

Wilayah Umum Rasulullah s.a.w. Ke Atas Orang-orang Yang beriman

أُمَّهَٰتُهُمْ ۗ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ إِلَّآ أَن تَفْعَلُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِكُم مَّعْرُوفًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾

"Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Dan sekaligus itu juga Al-Qur'an menetapkan hak wilayah umum kepada Nabi s.a.w. iaitu hak wilayah yang mengatasi wilayah darah dan wilayah terhadap diri sendiri:

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri."(6)

Juga menetapkan hak keibuan kepada para isteri Rasulullah s.a.w. dalam hubungan mereka dengan orang-orang yang beriman:

وَأَزْوَٰجُهُۥٓ أُمَّهَٰتُهُمْ ۗ

"Dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka."(6)

Taraf Keibuan Para Isteri Rasulullah s.a.w.

Hak wilayah Rasulullah s.a.w. ialah wilayah umum yang meliputi hak mengatur seluruh peraturan hidup, di mana sekalian orang yang beriman pastilah menyerahkan urusan ini kepada beliau. Tiada pilihan kepada mereka melainkan apa yang dipilih, beliau kepada mereka berdasarkan wahyu Allah:

لا يؤمن أحدكم حتّى يكون هوهه تبعاً لما جئت به

"Tidak beriman seseorang kamu sehingga hawa nafsunya tunduk kepada peraturan yang telah dibawa olehku."

Hak wilayah umum juga meliputi perasaan mereka iaitu mereka pasti kasihkan Rasulullah s.a.w. lebih dari mengasihi diri sendiri. Tidak seharusnya ada di dalam hati mereka seseorang yang lain atau sesuatu yang lain yang lebih diutamakan dari Rasulullah s.a.w. Mengikut sebuah hadith yang sahih:

والذي نفسي بيده لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه
من نفسه وماله وولده والناس أجمعين

"Demi Allah yang nyawaku berada di tangan kekuasaan-Nya, tidak beriman seorang kamu sehingga aku lebih dikasihinya dari dirinya sendiri, dari harta dan anaknya dan dari seluruh manusia yang lain."

Kekuatan Perasaan Cinta Kepada diri Sendiri

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih lagi:

أن عمر – رضي الله عنه – قال : يا رسول الله ، والله لأنت أحب إليّ من كل شيء إلا من نفسي. فقال – صلى الله عليه وسلم – : لا يا عمر حتى أكون أحب إليك من نفسك . فقال : يا رسول الله و الله لأنت أحب إليّ من كل شيء حتى من نفسي. فقال – صلى الله عليه وسلم – : الآن يا عمر.

Bahawa 'Umar r.a. telah berkata: 'Wahai Rasulullah, demi Allah sesungguhnya engkau lebih dikasihi kepadaku dari segala sesuatu kecuali diriku." Maka jawab Rasulullah s.a.w.: "Tidak begitu, wahai 'Umar, sehingga aku lebih dikasihi kepadamu dari dirimu sendiri". 'Umar pun berkata: 'Wahai Rasul, demi Allah sesungguhnya engkau lebih dikasihi kepadaku dari segala sesuatu sehingga dari diriku sendiri". Lalu jawab Rasulullah s.a.w.: "Sekarang (barulah tepat), wahai Umar."

Kasih yang sedemikian ini bukannya kata-kata dihujung lidah sahaja, tetapi ia adalah satu maqam yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai oleh hati melainkan dengan taufiq Allah yang bebas dari tarikan cinta kepada diri sendiri, kerana seseorang itu amat menyintai dirinya sendiri dan sesuatu yang berhubung dengannya sehingga melebihi batas yang dapat dikhayal dan difaham. Kadang-kadang seorang itu merasa bahawa dia dapat menundukkan perasaannya, dapat mengendalikan hatinya dan dapat mengawalkan rasa keterlaluan cinta, kepada diri sendiri, tetapi apabila terjadi sesuatu yang menyentuh kehormatan peribadinya dia akan melenting laksana seorang yang dipatuk ular hingga ia tidak dapat lagi mengawal emosinya, kerana kesannya meresap begitu mendalam di lubuk hatinya. Seorang itu mungkin dapat melatihkan dirinya untuk mengorbankan seluruh jiwa raganya, tetapi memang sukar kepadanya untuk melatihkan diri menerima sesuatu penghinaan yang menyentuh kehormatan diri yang dianggap menghinakannya atau mengaibkan ciri-ciri istimewanya atau mengkritik atau menjatuhkan mana-mana sifat keperibadiannya walaupun dia pernah mendakwa perkara itu tidak menjadi apa-apa kepadanya. Kebolehan untuk mengatasi rasa kecintaan yang mendalam terhadap diri sendiri itu bukanlah merupakan kata-kata di hujung lidah sahaja, malah seperti yang telah kami tegaskan tadi ia adalah satu maqam yang amat tinggi yang tidak dicapai oleh hati melainkan dengan taufiq dari Allah atau dengan usaha yang lama, latihan dan kesedaran yang berterusan dan keinginan yang ikhlas yang sentiasa memohon pertolongan dari Allah. Ia merupakan jihad yang paling besar seperti yang pernah dinamakannya oleh Rasulullah s.a.w. Cukuplah kepada kita melihat bagaimana 'Umar yang kita memang kenalinya itu masih memerlukan kepada teguran Rasulullah s.a.w. yang telah membuka pintu hatinya yang bersih itu.

Hak wilayah umum Rasulullah s.a.w. juga meliputi tanggungan-tanggungan mereka. Tersebut dalam sebuah hadith yang sahih.

ما من مؤمن إلا وأنا أولى الناس به في الدنيا والآخرة. إقرأوا إن شئتم (النبي أولى بالمؤمنين من أنفسهم) فإيما مؤمن ترك مالاً فليرثه عصبته من كانوا. وإن ترك ديناً أو ضياعاً فليأتني فأنا مولاه.

"Tiada seorang Mu'min melainkan akulah orang yang paling banyak menjaga kebaikannya di dunia dan akhirat. Bacalah jika kamu suka (Nabi itu lebih menjaga kebaikan orang-orang Mu'min dari diri mereka sendiri) oleh itu mana-mana orang Mu'min yang meninggalkan harta, maka hendaklah harta itu diwarisi oleh warisan-warisannya yang ada, dan jika dia meninggalkan hutang atau orang-orang tanggungan, maka hendaklah dia datang kepadaku kerana akulah penjaganya."

Maksudnya, beliaulah yang akan membayarkan hutangnya jika ia mati tanpa meninggalkan harta yang dapat menjelaskan hutangnya dan dapat menyarakan keluarganya yang masih kecil selepas matinya.

Selain dari ini, maka urusan hidup ditegakkan di atas asas-asasnya yang biasa sahaja yang tidak memerlukan kepada perasaan yang tinggi dan semangat berkobar-kobar yang luar biasa kecuali mengekalkan perasaan kasih mesra di antara sahabat-sahabat seagama setelah dihapuskan peraturan mu'akhah. Oleh itu tidaklah dilarang seorang sahabat meninggalkan wasiat untuk sahabat-sahabat seagamanya selepas matinya atau memberikan sesuatu kepadanya semasa hayatnya:

إِلَّآ أَن تَفۡعَلُوٓاْ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِكُم مَّعۡرُوفٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ٦

"Kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Semua peraturan ini diikatkan pada tali pertama 'aqidah di samping merupakan kehendak Allah yang tercatat dalam kitab azali-Nya. Penjelasan ini meyakinkan hati yang berpegang dengan dasar 'aqidah yang agung, di mana segala undang-undang dan peraturan dirujukkan kepadanya.

Dengan perubahan peraturan-peraturan ini kehidupan kaum Muslimin berlangsung dengan selesa mengikut asas-asasnya yang biasa dan tidak lagi terus tergantung-gantung di puncak yang tinggi yang biasanya tidak dapat dicapai melainkan dalam waktu-waktu yang luar biasa yang memang terbatas dalam kehidupan masyarakat dan individu-individu.

Kemudian Islam mengekalkan sumber semangat dan perasaan yang berkobar-kobar itu supaya dapat bersemarak dan berkobar-kobar kembali apabila diperlukan oleh keadaan dharurat yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Sesuai dengan kehendak Allah dan dengan peraturan-peraturan yang dicatatkan dalam kitab Allah supaya menjadi undang-undang yang kekal dan sistem hidup yang berterusan, maka Al-Qur'an menyebut perjanjian Allah dengan para Nabi, dengan Nabi s.a.w. dan terutama dengan para rasul Ulul-'Azmi, untuk memikul amanah sistem ini dan berdiri teguh di atasnya serta menyampaikannya kepada manusia dan menegakkannya di kalangan umat-umat, di mana mereka diutuskan kepadanya supaya mereka bertanggungjawab terhadap hidayat dan kesesatan mereka dan terhadap keimanan dan kekufuran mereka, kerana mereka tidak mempunyai apa-apa alasan lagi setelah agama ini disampaikan kepada mereka oleh para rasul 'alaihimus-salam:

وَإِذۡ أَخَذۡنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمۡ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٖ وَإِبۡرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۖ وَأَخَذۡنَا مِنۡهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظٗا ٧
لِّيَسۡـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدۡقِهِمۡۚ وَأَعَدَّ لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابًا أَلِيمٗا ٨

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para Nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

Perjanjian Di Antara Allah Dan Para Rasul-Nya

Intisari perjanjian-perjanjian itu satu sahaja dari sejak Nuh a.s. hingga kepada Khatamun-Nabiyin Muhammad s.a.w. Semuanya merupakan satu perjanjian, satu sistem hidup dan satu amanah sahaja yang diterima oleh setiap Rasul untuk disampaikannya kepada manusia.

Mula-mula Al-Qur'an menyebut secara umum iaitu

ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمۡ

"Kami mengambil perjanjian dari para Nabi"(7)

kemudian secara khusus ia menyebut Nabi Muhammad pembawa Al-Qur'an dan da'wah umum untuk semesta alam iaitu:

وَمِنكَ

"Dan dari engkau sendiri"(7)

kemudian ia kembali menyebut para rasul Ulul-'Azmi selaku pembawa-pembawa risalah terbesar sebelum risalah Muhammad yang terakhir iaitu:

وَمِن نُّوحٖ وَإِبۡرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۖ

"Dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam."(7)

Selepas menerangkan para rasul yang mengikat perjanjian-perjanjian itu, Al-Qur'an kembali pula membicarakan tentang perjanjian itu sendiri:

وَأَخَذۡنَا مِنۡهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظٗا ٧

"Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh."(7)

Perjanjian itu disifatkan dengan "teguh" kerana asal makna "mithaq" (ميثاق - perjanjian) itu ialah "tali yang disimpul", kemudian dipinjam untuk mengertikan perjanjian dan perikatan. Sifat itu memberi makna yang lebih besar dan menambahkan lagi kekuatan saranannya kepada perasaan manusia iaitu ia adalah satu perjanjian yang amat teguh dan kuat yang terjalin di antara Allah dengan para rasul-Nya yang terpilih supaya mereka menerima wahyu-Nya dan menyampaikannya kepada manusia, juga supaya mereka berdiri teguh di atas agamanya dengan penuh amanah dan jujur.

لِّيَسۡـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدۡقِهِمۡۚ

"Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka."(8)

Orang-orang yang benar ialah orang-orang yang beriman yang mengucap kalimat yang benar dan menganut 'aqidah yang benar. Selain dari mereka adalah pembohong belaka, kerana mereka percaya kepada 'aqidah yang batil dan mengucapkan kalimat yang batil. Demikianlah makna dan saranan dari kata-kata sifat:

ٱلصَّٰدِقِينَ

"Orang-orang yang benar."(8)

Kebenaran iman mereka akan ditanya pada hari Qiamat sebagaimana guru menanya murid yang cerdik dan berjaya di hadapan para jemputan di majlis pengumuman natijah peperiksaan, iaitu pertanyaan untuk memberi penghormatan dan mengumumkan kejayaannya kepada khalayak yang ramai. Tegasnya pertanyaan yang dihadapkan kepada mereka pada hari perhimpunan raksasa di Akhirat itu adalah bertujuan untuk menyatakan kewajaran mereka menerima balasan dan kepujian.

Adapun orang-orang yang tidak benar yang menganut 'aqidah yang batil dan mengucapkan kalimat yang dusta dalam persoalan yang paling besar iaitu persoalan 'aqidah, maka untuk mereka telah disediakan satu balasan yang lain iaitu:

"Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

(Kumpulan ayat-ayat 9 - 27)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ جَآءَتۡكُمۡ جُنُودٞ فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمۡ رِيحٗا وَجُنُودٗا لَّمۡ تَرَوۡهَاۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرًا ٩

إِذۡ جَآءُوكُم مِّن فَوۡقِكُمۡ وَمِنۡ أَسۡفَلَ مِنكُمۡ وَإِذۡ زَاغَتِ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلۡقُلُوبُ ٱلۡحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ١٠

هُنَالِكَ ٱبۡتُلِيَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَزُلۡزِلُواْ زِلۡزَالٗا شَدِيدٗا ١١

وَإِذۡ يَقُولُ ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورٗا ١٢

وَإِذۡ قَالَت طَّآئِفَةٞ مِّنۡهُمۡ يَٰٓأَهۡلَ يَثۡرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمۡ فَٱرۡجِعُواْۚ وَيَسۡتَـٔۡذِنُ فَرِيقٞ مِّنۡهُمُ ٱلنَّبِيَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوۡرَةٞ وَمَا هِيَ بِعَوۡرَةٍۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارٗا ١٣

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan) lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu(9). Iaitu ketika mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu dan ketika mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong (kerana cemas) dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah(10). Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat(11). Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka (12). Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja." (13).

وَلَوۡ دُخِلَتۡ عَلَيۡهِم مِّنۡ أَقۡطَارِهَا ثُمَّ سُئِلُواْ ٱلۡفِتۡنَةَ لَأٓتَوۡهَا وَمَا تَلَبَّثُواْ بِهَآ إِلَّا يَسِيرٗا ١٤

وَلَقَدۡ كَانُواْ عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ مِن قَبۡلُ لَا يُوَلُّونَ ٱلۡأَدۡبَٰرَۚ وَكَانَ عَهۡدُ ٱللَّهِ مَسۡـُٔولٗا ١٥

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلۡفِرَارُ إِن فَرَرۡتُم مِّنَ ٱلۡمَوۡتِ أَوِ ٱلۡقَتۡلِ وَإِذٗا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلٗا ١٦

قُلۡ مَن ذَا ٱلَّذِي يَعۡصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنۡ أَرَادَ بِكُمۡ سُوٓءًا أَوۡ أَرَادَ بِكُمۡ رَحۡمَةٗۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ١٧

قَدۡ يَعۡلَمُ ٱللَّهُ ٱلۡمُعَوِّقِينَ مِنكُمۡ وَٱلۡقَآئِلِينَ لِإِخۡوَٰنِهِمۡ هَلُمَّ إِلَيۡنَاۖ وَلَا يَأۡتُونَ ٱلۡبَأۡسَ إِلَّا قَلِيلًا ١٨

أَشِحَّةً عَلَيۡكُمۡۖ فَإِذَا جَآءَ ٱلۡخَوۡفُ رَأَيۡتَهُمۡ يَنظُرُونَ إِلَيۡكَ تَدُورُ أَعۡيُنُهُمۡ كَٱلَّذِي يُغۡشَىٰ عَلَيۡهِ مِنَ ٱلۡمَوۡتِۖ فَإِذَا ذَهَبَ ٱلۡخَوۡفُ سَلَقُوكُم بِأَلۡسِنَةٍ حِدَادٍ أَشِحَّةً عَلَى ٱلۡخَيۡرِۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَمۡ يُؤۡمِنُواْ فَأَحۡبَطَ ٱللَّهُ أَعۡمَٰلَهُمۡۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٗا ١٩

يَحۡسَبُونَ ٱلۡأَحۡزَابَ لَمۡ يَذۡهَبُواْۖ وَإِن يَأۡتِ ٱلۡأَحۡزَابُ يَوَدُّواْ لَوۡ أَنَّهُم بَادُونَ فِي ٱلۡأَعۡرَابِ يَسۡـَٔلُونَ عَنۡ أَنۢبَآئِكُمۡۖ وَلَوۡ كَانُواْ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓاْ إِلَّا قَلِيلٗا ٢٠

لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٞ لِّمَن كَانَ يَرۡجُواْ ٱللَّهَ وَٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا ٢١

وَلَمَّا رَءَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡأَحۡزَابَ قَالُواْ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥۚ وَمَا زَادَهُمۡ إِلَّآ إِيمَٰنٗا وَتَسۡلِيمٗا ٢٢

"Dan andainya Madinah itu dimasuki musuh yang menyerang mereka dari segala sudutnya kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak akan teragak-agak melainkan hanya sebentar sahaja(14). Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka tidak akan berpaling undur, dan janji Allah tetap akan disoal(15). (Wahai Muhammad katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut

atau terbunuh, (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat meni'mati kesenangan, hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah(17). Sesungguhnya Allah mengetahui golongan penghalang di antara kamu dan golongan yang berkata kepada saudara-saudara mereka: Marilah bersatu dengan kami, sedangkan mereka tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja(18). Mereka bersikap bakhil terhadap kamu, dan apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati, tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam. Mereka bakhil berbuat kebaikan. Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka. Dan pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah(19). Mereka (orang-orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka), dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja(20). Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah(21). Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22).

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ
فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟
تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ وَيُعَذِّبَ
ٱلْمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ
وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا
عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن
صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا
تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾

وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ
تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit pun (23). Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendaki-Nya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(24). Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang kafir (tentera-tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan, dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa(25). Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan(26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keperibadian Muslim adalah ditempa dalam kancah perjuangan-perjuangan dan peristiwa-peristiwa. Keperibadian ini matang dan subur sehari demi sehari, peristiwa demi peristiwa, dan jama'ah Muslimin yang terdiri dari orang-orang yang mempunyai keperibadian ini muncul ke alam al-wujud dengan lunas-lunas, nilai-nilai dan ciri-ciri istimewanya yang membezakannya dari lain-lain kelompok manusia.

Peristiwa-peristiwa telah bertindak keras dan kasar terhadap jama'ah Muslimin yang muda ini hingga kadang-kadang sampai kepada darjat peleburan laksana emas yang dileburkan untuk memisahkan logam yang tulen itu dari buih-buihnya yang palsu. Peristiwa-peristiwa itu telah mendedahkan hakikat dan kualiti jiwa mereka yang tulen tidak bercampuraduk.

Al-Qur'an terus diturunkan semasa berlaku peristiwa-peristiwa ujian itu atau selepasnya. Ia menggambarkan peristiwa-peristiwa itu dan menyorotkan cahaya di segenap liku dan sudutnya, di mana terdedahnya sikap-sikap, perasaan-perasaan, niat-niat dan hati nurani (mereka yang terlibat dalam peristiwa itu), kemudian ia berbicara dengan hati mereka yang terdedah di dalam cahaya tanpa dilindungi sebarang tabir itu. Ia menyentuh hati mereka pada tempat-tempat yang merangsangkan

keinsafan dan sambutan mereka. Ia mendidik hati mereka hari demi hari, peristiwa demi peristiwa dan mengaturkan keinsafan-keinsafan dan sambutan-sambutan mereka mengikut program yang dikehendakinya.

Al-Qur'an tidak diturunkan kepada orang-orang Islam sekaligus dengan segala suruhan-suruhan, larangan-larangan, segala undang-undang dan bimbingan-bimbingan, malah Allah menguji mereka dengan berbagai-bagai ujian dan dugaan, kerana Allah tahu bahawa makhluk manusia ini tidak dapat dibentuk dengan sempurna, tidak menjadi matang dengan baik dan tidak dapat berjalan dengan betul dan lurus melainkan dengan perantaraan didikan secara ujian-ujian di alam kenyataan. Didikan yang berasaskan ujian inilah yang dapat menanamkan kesan yang kuat di dalam hati dan saraf mereka. Ia mengambil dan memberi kepada jiwa mereka dalam kancah perjuangan hidup dan dalam pergolakan peristiwa-peristiwa, sedangkan Al-Qur'an adalah diturunkan untuk menjelaskan kepada mereka hakikat dan makna peristiwa-peristiwa yang telah berlaku itu dan memberi bimbingan kepada mereka semasa hati mereka sedang cair dilebur dengan api ujian itu dan sedang panas untuk ditukul dan ditempa.

Zaman yang dilalui kaum Muslimin semasa hayat Rasulullah s.a.w. itu merupakan satu zaman yang amat menakjubkan, kerana ia merupakan zaman perhubungan secara langsung di antara langit (Allah) dengan bumi (manusia) yang diterangkan dengan peristiwa-peristiwa dan kalimat-kalimat (ayat-ayat). Di zaman itu setiap orang Islam merasa bahawa Allah benar-benar melihatnya dan benar-benar mendengar percakapannya. Setiap perkataannya dan setiap geraknya mungkin terdedah kepada orang ramai apabila ayat-ayat Al-Qur'an mengenainya diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Di zaman itu setiap Muslim benar-benar merasa mempunyai hubungan secara langsung di antara dia dengan Allah. Apabila dia menghadapi masalah dia menunggu semoga terbukanya pintu langit besok atau lusa menurunkan ayat-ayat atau fatwa atau keputusan yang dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya itu. Di zaman itu Allah S.W.T. dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi berfirman secara langsung. Wahai si anu engkau telah berkata begini, engkau telah berbuat begini, engkau telah berniat begini, engkau telah menyatakan begini atau buatlah begini dan jangan buat begitu dan sebagainya. Ini adalah satu zaman yang sungguh hebat dan menarik, di mana Allah hadapkan firman-Nya kepada seseorang yang tertentu, sedangkan orang ini dengan segala penghuni dan isi bumi tidak lebih dari sebiji debu di dalam kerajaan Allah Yang Maha Besar.

Itulah satu zaman yang sungguh menarik apabila peristiwa-peristiwanya dihayati dan difikirkan oleh manusia hari ini dan hampir-hampir ia tidak dapat mengerti, bagaimana peristiwa yang lebih besar dari segala khayal itu berlaku.

Tetapi Allah tidak hanya meninggalkan kaum Muslimin dididik dan dimatangkan dengan perasaan-perasaan yang seperti itu sahaja, malah Allah mendidik mereka dengan ujian-ujian di alam kenyataan. Ujian-ujian inilah yang mengambil dan memberi kepada mereka dan semuanya kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah Yang Maha Mengetahui rahsia-rahsia makhluk-makhluk-Nya. Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mengerti (اللطيف الخبير).

Hikmat inilah yang wajar direnungi dan difikirkan dengan teliti agar kita menerima ujian-ujian dari peristiwa-peristiwa hidup itu berdasarkan kefahaman dan hasil renungan ini.

* * * * * *

Bahagian Surah al-Ahzab ini menerangkan satu persitiwa dari peristiwa-peristiwa agung di dalam sejarah da'wah Islamiyah dan di dalam sejarah masyarakat Islam. Ia memerikan satu situasi dari situasi-situasi ujian yang amat sukar, iaitu ujian Peperangan al-Ahzab yang berlaku di dalam tahun yang keempat atau yang kelima Hijrah. Peperangan ini telah menguji masyarakat Islam yang muda itu, iaitu menguji nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman mereka. Apabila diperhatikan penerangan Al-Qur'an dan cara-cara ia menayangkan peristiwa perang itu, juga uslub penceritaan dan ulasannya, juga penekanannya kepada beberapa pemandangan-pemandangan,kejadian-kejadian, pergerakan-pergerakan dan lintasan-lintasan fikiran, juga cara ia menonjolkan nilai-nilai dan undang-undang, nescaya dapat-lah kita memahami bagaimana cara Allah mendidik umat Islam ini dengan peristiwa-peristiwa dan dengan Al-Qur'an.

Untuk membolehkan kita memahami cara istimewa Al-Qur'an menayangkan kisah peperangan ini, eloklah kita lebih dahulu bentangkan kisah itu secara ringkas sebagaimana yang diceritakan di dalam buku-buku sejarah sebelum kita menghuraikan ayat-ayat Al-Qur'an mengenai kisah itu supaya jelas kepada kita perbezaan di antara penceritaan Allah S.W.T. dengan penceritaan manusia.

* * * * * *

Daripada Muhammad ibn Ishaq katanya - dengan sanad-sanadnya dari sekumpulan rawi:

Peristiwa Peperangan Al-Khandaq

Setengah dari cerita Peperangan al-Khandaq ialah ada sekumpulan orang-orang Yahudi termasuk Salam ibn Abul-Haqiq an-Nadhri, Huyai ibn Akhtab an-Nadhri, Kinanah ibn Abul-Haqiq an-Nadhri, Hauzah ibn Qais al-Wa'eli dan Abu 'Ammar al-Wa'eli bersama-sama dengan sekumpulan Bani an-Nadhir dan sekumpulan Bani Wa'eli. Merekalah orang-orang yang mengemblengkan tentera-tentera gabungan untuk menyerang Rasulullah s.a.w. Mereka keluar menemui orang-orang Quraysy di Makkah dan menyeru mereka memerangi Rasulullah s.a.w. Kata

mereka: "Kami tetap bersama-sama kamu untuk memerangi Muhammad sehingga kita menghapuskannya". Kata orang-orang Quraysy: "Wahai orang-orang Yahudi! Kamulah Ahlil-Kitab yang pertama dan kamu tentulah tahu pertikaian di antara kami dengan Muhammad. Oleh itu manakah yang lebih baik agama kami atau agama dia?" Jawab mereka: "Bahkan agama kamulah yang lebih baik dari agama dia dan kamulah yang lebih utama dengan agama yang benar daripada dia". Merekalah orang-orang yang telah dikecam oleh Allah di dalam firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَٰؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ اللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُ نَصِيرًا ﴿٥٢﴾

أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ الْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ النَّاسَ نَقِيرًا ﴿٥٣﴾

أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَىٰ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۖ فَقَدْ آتَيْنَا آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَآتَيْنَاهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾

فَمِنْهُم مَّنْ آمَنَ بِهِ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ ۚ وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Tidakkah engkau lihat orang-orang (Yahudi) yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci itu mempercayai Jibti dan Taghut[3] dan mereka telah berkata kepada orang-orang yang kafir bahawa jalan agama mereka adalah lebih benar dari jalan agama orang-orang Mu'minin. Merekalah orang-orang yang dikutuk Allah, dan barang siapa yang dikutuk Allah, maka engkau tidak akan menemui sebarang penolong baginya. Atau adakah mereka mempunyai apa-apa peranan di dalam kerajaan Allah? Andainya ada, mereka tidak juga akan memberikannya sedikit pun kepada manusia. Atau adakah mereka dengkikan orang lain (Muhammad dan pengikutnya) kerana Allah telah memberikan limpah kurnianya kepada mereka? Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kitab dan hikmat kepada keluarga Ibrahim dan kami telah mengurniakan kepada mereka kerajaan yang besar. Di antara mereka ada yang beriman kepadanya dan di antara mereka pula ada yang menghalangi (orang lain) dari beriman kepadanya. Dan cukuplah untuk mereka Neraka Jahannam yang bernyala."

(Surah an-Nisa': 51-55)

Apabila rombongan ini berkata begitu kepada orang-orang Quraysy, mereka pun bergembira dan terus bergiat menyahut seruan mereka untuk memerangi Rasulullah s.a.w. dan mengadakan persediaan-persediaan untuk berperang.

Kemudian rombongan Yahudi itu keluar pula menemui suku Ghatafan, dari Qais 'Ailan, lalu mengajak mereka memerangi Rasulullah s.a.w. Mereka memberitahu suku itu bahawa mereka akan turut berperang bersama-sama mereka dan orang-orang Quraysy juga telah bersetuju menyertai peperangan itu. Lalu suku Ghatafan bersetuju untuk turut serta berperang bersama mereka.

Lalu keluarlah angkatan tentera Quraysy di bawah pimpinan Abu Sufyan ibn Harb. Angkatan tentera suku Ghatafan juga keluar di bawah pimpinan 'Uyainah ibn Hisn dari suku Bani Fazarah, al-Harith ibn 'Auf dari Bani Murrah dan Mas'ar ibn Rukhailah mengetuai pengikut-pengikutnya dari kaumnya suku Asyja'.

Apabila berita kedatangan dan tujuan tentera-tentera itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. beliau pun menggali parit pertahanan untuk menghalangkan serangan ke atas kota Madinah. Rasulullah s.a.w. bersama-sama kaum Muslimin telah bekerja keras untuk menyiapkan parit itu, kecuali orang-orang Munafiqin sahaja yang tidak ikut bekerja keras bersama-sama Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin dalam kerja penggalian parit itu. Mereka secara sembunyi-sembunyi pulang ke rumah keluarga mereka tanpa diketahui Rasulullah s.a.w. dan tanpa diizin beliau, sedangkan setiap orang Islam yang lain apabila dihalangi oleh sesuatu urusan yang perlu, dia akan memberitahu Rasulullah s.a.w. dan memohon keizinannya untuk menyelesaikan urusan itu. Lalu dia diizinkan beliau dan apabila selesai urusannya dia terus kembali balik bekerja menggali parit kerana gemar membuat kebajikan dan mencari pahala di sisi Allah. Allah S.W.T. telah menurunkan ayat memuji orang-orang Islam yang seperti ini:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَىٰ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا حَتَّىٰ يَسْتَأْذِنُوهُ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُونَكَ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۚ فَإِذَا اسْتَأْذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمُ اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

---

[3] *Pawang-pawang, tukang sihir, syaitan dan sembahan-sembahan yang lain dari Allah.*

"Sesungguhnya orang-orang Mu'minin yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka bersama beliau kerana sesuatu urusan yang besar mereka tidak pergi (meninggalkan beliau) sehingga mereka meminta kebenarannya. Sesungguhnya orang-orang yang meminta kebenaranmu merekalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu apabila mereka meminta kebenaranmu kerana beberapa urusan mereka, maka berilah keizinan kepada siapa yang engkau suka dari mereka dan pohonlah keampunan untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

(Surah an-Nur: 62)

Kemudian Allah berfirman, mengenai orang-orang Munafiqin yang melarikan diri secara sembunyi-sembunyi dari tugas menggali parit. Mereka meninggalkan kerja mereka tanpa mendapat kebenaran dari Rasulullah s.a.w.:

لَّا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Janganlah kamu jadikan panggilan kepada Rasul itu seperti panggilan di antara sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang ponteng dari kamu secara sembunyi-sembunyi. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah Allah itu takut akan ditimpa ke atas mereka cubaan atau ditimpa 'azab yang amat pedih."

(Surah al-Nur: 63)

Apabila Rasulullah s.a.w. selesai mengali parit pertahanan itu, maka angkatan tentera Quraysy pun tiba. Mereka berhenti di suatu tempat bernama Mujtama'ul-Asyal di kampung Romah. Jumlah mereka ialah sepuluh ribu orang terdiri dari berbagai-bagai suku dan pengikut-pengikut dari Bani Kinanah dan penduduk Tihamah. Angkatan tentera Ghatafan dan pengikut-pengikutnya dari penduduk Najd juga turut tiba. Mereka berhenti di Zanab Naqma di sebelah bukit Uhud. Rasulullah s.a.w. keluar bersama-sama angkatan tentera Islam seramai tiga ribu orang membelakangi bukit Sali'. Di sinilah beliau berkubu dan di sinilah terletaknya parit pertahanan yang memisahkan beliau dengan musuh mereka. Beliau memerintah supaya menempatkan kanak-kanak dan perempuan-perempuan di dalam kubu-kubu.

Kemudian musuh Allah Huyai ibn Akhtab an-Nadhri keluar menemui Ka'ab ibn Asad al-Qurazi ketua Bani Qurayzah yang telah mengikatkan perjanjian damai dengan Rasulullah s.a.w. bagi pihak kaumnya. Dia memujuk Asad dengan menggunakan berbagai-bagai cara kebijaksanaannya supaya Asad dan kaumnya turut berperang menentang Rasulullah s.a.w. hingga pada akhirnya Asad memberi persetujuannya dengan syarat Huyai berjanji jika angkatan tentera Quraysy dan Ghatafan balik tanpa berjaya mengalahkan Muhammad, maka hendaklah dia masuk di dalam kubu Asad untuk bersama-sama menerima nasib yang akan menimpa mereka. Dengan persetujuan ini Asad terus memansuhkan perjanjiannya dengan Rasulullah s.a.w. dan melepaskan segala komitmen di antaranya dengan Rasulullah s.a.w.

Peristiwa ini telah menimbulkan kesulitan dan kebimbingan yang amat besar di kalangan kaum Muslimin ketika mereka sedang dikepung dari hulu dan hilir sehingga mereka menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah, dan setengah-setengah kaum Munafiqin menunjukkan sikap talam dua muka mereka dengan terus terang sehingga Mu'tib ibn Qusyair saudara Bani 'Amr ibn 'Auf sanggup berkata: "Muhammad berjanji dengan kita bahawa kita akan mendapat harta kekayaan kerajaan Kisra dan Qaysar, tetapi hari ini tiada seorang dari kita yang merasa aman di atas keselamatan dirinya apabila ia hendak keluar membuang air besar". Begitu juga Aus ibn Qayzi salah seorang dari Bani Harithah ibn al-Harith sanggup berkata di hadapan kumpulan kaumnya: "Wahai Rasulullah! Rumah-rumah kami terdedah kepada sarangan musuh. Oleh itu izinkan kami keluar untuk pulang ke rumah-rumah kami kerana ia terletak di luar kota Madinah".

Angkatan Rasulullah s.a.w. dan angkatan kaum Musyrikin berada di perkubuan masing-masing selama dua puluh malam lebih, iaitu hampir sebulan. Tidak ada pertempuran yang berlaku di antara kedua belah pihak itu kecuali panah memanah dan kepung mengepung sahaja.

Apabila keadaan kaum Muslimin bertambah susah dan sulit, Rasulullah s.a.w. mengirim utusannya kepada 'Uyainah ibn Hisn dan kepada al-Harith ibn 'Auf, kedua-duanya memimpin angkatan tentera Ghatafan untuk menawarkan kepada mereka satu pertiga[4] hasil buah-buahan Madinah dengan syarat mereka pulang bersama-sama pengikut mereka meninggalkan Rasulullah dan para sahabatnya. Lalu rundingan damai pun diadakan di antara kedua belah pihak dan mereka telah menulis perjanjian itu, tetapi belum ditandatangani kerana masih ada lagi rundingan-rundingan mengenai perjanjian itu. Apabila Rasulullah s.a.w. mahu meneruskan rundingan itu, beliau memanggil Sa'ad ibn Mu'az ketua suku Aus dan Sa'ad ibn 'Ubbadah ketua suku Khazraj dan mencerita perkara itu kepada mereka dan meminta fikiran mereka. Lalu kedua-duanya berkata kepada beliau, "Wahai Rasulullah! Adakah ini pendapat dan cadangan dari anda sahaja? Atau ini sesuatu perintah Allah yang pasti kami junjung? Adakah ini cadangan anda untuk kebaikan kami?" Jawab beliau: "Ini hanya cadangan aku sahaja untuk kebaikan kamu. Demi Allah! Aku tidak mengeluarkan cadangan ini melainkan kerana aku melihat semua orang-orang

---

4 *Orang-orang Yahudi telah berjanji untuk memberi kepada mereka hasil setahun buah-buahan Khaybar jika mereka menolong mereka (dari kitab "*إمتاع الأسماع*" oleh al-Maqrizy).*

Arab telah bersatu untuk memerangi kamu dan mereka sekarang telah mengepung kamu dari segenap sudut. Oleh itu aku mahu melemahkan kekuatan mereka sekadar yang boleh," Jawab Sa'ad ibn Mu'az: "Wahai Rasulullah, dahulu kami dan kaum ini (suku Ghatafan) sama-sama berada dalam agama yang mempersekutukan Allah dan menyembah berhala. Kami tidak pernah menyembah Allah dan tidak pernah mengenal-Nya, dan mereka tidak pernah bercita-cita mendapatkan sebiji buah-buahan kami melainkan melalui hidangan tamu atau jual beli sahaja, tetapi kini sesudah Allah memuliakan kami dengan agama Islam dan sesudah Allah memberi hidayat kepada kami memeluk agama ini dan sesudah Allah memuliakan kami dengan anda dan agama Islam, adakah patut kami memberi harta kami kepada mereka? Demi Allah! Kami tidak perlu berbuat begitu. Demi Allah! Kami tidak akan memberi apa-apa kepada mereka selain mata pedang sehingga Allah menentukan keputusannya di antara kami dengan mereka." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Cadangan engkau baik." Lalu Sa'ad ibn Mu'az pun mengambil lembaran surat itu dan menghapuskan segala apa yang tertulis, kemudian berkata, "Biarlah mereka menyerang kita."

Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya terus berada dalam kebimbangan dan kesusahan sebagaimana diperikan Allah, kerana dikepung oleh musuh dari hulu dan hilir.[5]

Kemudian Nu'aim ibn Mas'ud ibn 'Aamir dari suku Ghatafan datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya ini telah memeluk agama Islam dan keislaman saya tidak diketahui kaum saya. Oleh itu suruhlah saya apa yang anda suka." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Engkau telah menjadi salah seorang dari golongan kami. Oleh itu buatlah apa sahaja yang boleh menggagalkan pihak musuh menyerang kami jika engkau dapat buat, kerana peperangan itu ialah tipu helah."

(Nu'aim telah berjaya menghilangkan kepercayaan di antara pasukan-pasukan tentera gabungan itu dengan Bani Qurayzah sebagaimana diceritakan dengan panjang lebar di dalam buku-buku sejarah. Kami hanya meringkaskannya sahaja di sini kerana bimbang terlalu panjang).....

Allah telah menggagalkan rancangan mereka dan melepaskan angin ribut yang kencang melanda mereka pada malam yang amat dingin menyebabkan periuk-periuk mereka terbalik dan khemah-khemah mereka roboh.

Apabila berita perselisihan di antara pasukan-pasukan tentera gabungan itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., beliau memanggil Huzayfah ibn al-Yaman dan mengutuskannya untuk meninjau tentera-tentera gabungan itu di waktu malam.

Ujar ibn Ishaq: Zaid ibn Ziyad telah menceritakan kepada aku dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya:

Ada seorang lelaki dari penduduk Kufah telah bertanya kepada Huzayfah ibn al-Yaman: "Wahai Abu Abdullah! Adakah anda melihat Rasulullah s.a.w. dan bersahabat dengannya?" Jawab Abu Huzayfah, "Ya, wahai anak saudaraku." Dia bertanya lagi: "Bagaimana anda buat kepada beliau?" Jawab Abu Huzayfah: "Kami bekerja untuknya." Kata lelaki itu: "Demi Allah, jika kami sempat dengan beliau, tentu kami tidak akan membiarkan beliau berjalan di atas tanah, malah kami akan memikul beliau di atas leher kami." Kata Huzayfah: "Wahai anak saudaraku! Demi Allah, kami berada bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Khandaq. Beliau bersembahyang sejurus di suatu malam kemudian beliau berpaling kepada kami sambil berkata: Siapakah orang yang sanggup keluar meninjau keadaan musuh kemudian balik semula ke sini nescaya aku pohon kepada Allah supaya Dia jadikannya temanku di dalam Syurga? Di sini walaupun Rasulullah s.a.w. membuat syarat supaya orang yang keluar meninjau itu balik menemuinya pula, tetapi tiada seorang pun yang tampil ke muka kerana terlalu cemas, lapar dan dingin. Oleh kerana tiada seorang pun yang tampil berdiri, maka Rasulullah s.a.w. pun memanggilku menyebabkan aku tidak dapat mengelak lagi dari tampil berdiri sebaik sahaja beliau memanggilku. Lalu beliau bersabda: Wahai Huzayfah! Pergilah keluar menyusup ke dalam barisan musuh untuk meninjau apakah yang sedang dibuat mereka dan janganlah engkau melakukan sesuatu sehingga engkau balik menemui kami." Kata Abu Huzayfah, "Aku pun keluar memasuki ke dalam kumpulan musuh dan ketika itu angin ribut telah melanda mereka, membalikkan periuk-periuk, memadamkan api dan meruntuhkan khemah-khemah mereka. Lalu Abu Sufyan berdiri sambil berkata: Wahai orang-orang Quraysy! Hendaklah setiap orang memerhatikan teman yang duduk bersama dengannya." Kata Huzayfah: "Lalu aku pun memegang lelaki yang berada di sampingku dan bertanya kepadanya: Awak siapa? Jawabnya: Saya si anu bin si anu! Kemudian Abu Sufyan berucap lagi: Wahai orang-orang Quraysy! Demi Allah kamu telah berada di negeri yang tidak wajar diduduki lagi. Kuda-kuda dan unta-unta telah binasa, Bani Qurayzah telah memungkiri janji mereka dan berita-berita mereka yang tidak

---

[5] *Ujar Ummu Salamah r.a.: Aku pernah menyaksi berbagai-bagai peperangan dan kecemasan bersama-sama beliau seperti Muraysi'i, Khaybar, peristiwa Hudaybiyah, penaklukan Makkah dan Hunayn. Semuanya tidaklah lebih memenatkan Rasulullah s.a.w. dan lebih mencemaskan kami dari Peperangan Khandaq, di mana kaum Muslimin berada dalam keadaan yang serba salah. Kanak-kanak kami tidak terjamin keselamatan mereka dalam serangan Qurayzah dan kota Madinah dikawal sehingga ke pagi. Di sepanjang malam kami mendengar kaum Muslimin bertakbir hingga ke pagi kerana bimbang sehingga Allah menghalau musuh balik membawa dendam kesumat mereka dan tanpa mendapat sebarang kejayaan.*

menyenangkan kita telah sampai kepada kita, dan kita pula sedang dilanda ribut sebagaimana kamu sendiri dapat menyaksikannya hingga periuk-periuk terbalik, api padam dan khemah-khemah runtuh. Oleh itu berangkatlah meninggalkan tempat ini kerana aku mahu berangkat sekarang! Kemudian dia pergi mendapatkan untanya yang sedang tertambat dan terus menungganginya dan memukulnya menyebabkan unta itu melompat di atas tiga kakinya dan terus bangkit sebaik sahaja dilepaskan tali ikatannya. Jika tidak kerana berjanji dengan Rasulullah, s.a.w. bahawa aku tidak akan melakukan sesuatu sehingga lebih dahulu menemui beliau tentulah aku bunuhkannya (Abu Sufyan) dengan anak panah".

Kata Huzaifah: "Aku pun pulang mendapatkan Rasulullah s.a.w., dan ketika itu beliau sedang sembahyang dengan berselimut kain lepas isterinya yang berbunga dari tekatan Yaman. Apabila beliau melihatku, dia pun memautku duduk di antara dua kakinya dan mencampakkan hujung kain lepas itu kepadaku. Kemudian beliau ruku' dan sujud sedangkan aku berada di dalam kain itu. Apabila beliau selesai memberi salam aku pun melaporkan keadaan mereka kepada beliau. Setelah angkatan tentera Ghatafan mendengar berita keberangkatan pulang angkatan tentera Quraysy itu mereka pun terus berlepas balik ke negeri mereka.

* * * * * *

Penceritaaan Al-Qur'an

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an tidak menyebut nama-nama orang. Ia hanya menggambarkan contoh-contoh manusia dan tabi'at mereka. Ia juga tidak menyebut butir-butir kejadian itu dengan terperinci kerana ia hanya menjelaskan nilai-nilai yang teguh dan undang-undang yang tetap, yang tidak tamat dengan tamatnya kejadian dan tidak putus dengan hilangnya tokoh-tokoh dan tidak berakhir dengan berakhirnya suasana-suasana dan keadaan-keadaan. Oleh sebab itu nilai-nilai dan undang-undang itu kekal menjadi asas dan contoh kepada setiap generasi. Penceritaan Al-Qur'an menghubungkan keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa itu dengan perencanaan Allah yang menguasai kejadian-kejadian dan tokoh-tokoh. Ia memperlihatkan tangan kudrat Allah Yang Maha Kuasa dan tadbir-Nya Yang Maha Halus. Ia berhenti pada setiap peringkat perkembangan peperangan itu untuk memberi bimbingan dan ulasan di samping menghubungkannya dengan dasar yang agung (perencanaan Allah).

Walaupun Al-Qur'an menceritakan kisah yang dihayati dan disaksikan mereka sendiri, namun ia menambahkan berita yang lebih banyak kepada mereka. Ia mendedahkan segala liku-likunya yang tidak dapat ditanggap mereka selaku pelakon-pelakon dan pahlawan-pahlawan kisah itu sendiri. Ia menyorotkan cahaya ke dalam lubuk-lubuk jiwa dan hati mereka yang tersembunyi. Ia mendedahkan rahsia-rahsia, niat-niat dan fikiran-fikiran yang tersembunyi di dalam dada mereka.

Semuanya dibuat dengan penggambaran yang indah, kuat dan panas serta dengan ejekan yang tajam ketika menggambarkan perasaan pengecut, takut, sikap dua muka dan perangai-perangai yang buruk. Keindahan dan kehebatan penggambaran itu menimbulkan keimanan, keberanian, kesabaran dan kepercayaan di dalam hati orang-orang Mu'minin.

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an adalah disediakan untuk bertindak bukan sahaja di alam sekitar mereka yang menghayati dan menyaksi peristiwa itu, malah untuk bertindak di semua alam sekitar dan semua sejarah selepas kejadian ini. Ia disediakan untuk bertindak di dalam jiwa manusia di setiap waktu apabila mereka menghadapi keadaan yang serupa dengan kejadian itu di sepanjang zaman dan di dalam semua masyarakat, iaitu bertindak sekuat kekuatan yang ada pada angkatan kaum Muslimin yang pertama itu.

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an itu tidak dapat difahami dengan sempurna melainkan oleh mereka yang menghadapi keadaan dan suasana yang sama yang dihadapi oleh angkatan Muslimin itu bagi kali yang pertama. Di sini sahaja penceritaan-penceritaan Al-Qur'an itu dapat mendedahkan isi kandungannya yang tersembunyi dan membuka pintu hati untuk memahami maksud-maksudnya yang sempurna. Di sinilah penceritaan-penceritaan itu berubah dari kalimat-kalimat dan barisan-barisan kepada kekuatan-kekuatan dan tenaga, dan segala kejadiannya berubah menjadi makhluk-makhluk hidup yang memberansang, mendorong, menggerak dan bertindak di alam kenyataan dan di alam hati nurani.

Al-Qur'an bukannya kitab untuk tilawah dan pendidikan sahaja, malah Al-Qur'an adalah dana tenaga pendorong dan dana saranan yang sentiasa membaru di dalam keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Nas-nas Al-Qur'an adalah disediakan untuk bertindak di setiap sa'at sebaik sahaja ia bersua dengan hati yang bermesra dengannya. Dan bersua dengan suasana yang melepaskan tenaga yang tersembunyi di dalam nas-nas yang penuh rahsia dan menakjubkan itu.

Seorang yang membaca nas Al-Qur'an beratus-ratus kali kemudian apabila ia menghadapi keadaan atau kejadian yang sama (yang disebut oleh nas itu) maka nas Al-Qur'an yang sering dibacanya itu akan menjadi satu nas yang baru kepadanya. Nas itu menyarankan pengertian-pengertiannya yang belum pernah disarankan sebelum ini. Ia memberi jawapan kepada persoalan-persoalan yang membingungkannya. Ia memberi fatwa di dalam kemusykilannya yang rumit. Ia membuka jalan yang tersembunyi. Ia menggariskan yang terang dan membawa hatinya kembali kepada keyakinan dan ketenangan yang mendalam dalam menghadapi masalah yang sedang dihadapinya.

Hal yang seperti ini tidak wujud pada kitab yang lain dari Al-Qur'an sama ada dahulu atau sekarang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 13)

Sa'at-sa'at Gawat Menghadapi Serangan Tentera Gabungan

Ayat-ayat Al-Qur'an yang baru ini memulakan penerangannya mengenai peristiwa Peperangan Ahzab dengan mengingatkan orang-orang yang beriman supaya mengenangkan ni'mat Allah yang telah menghalaukan tentera-tentera gabungan yang berniat untuk menghapuskan mereka, jika tidak kerana pertolongan Allah dan tadbir-Nya yang halus. Justeru itu di dalam ayat-ayat yang pertama ini Al-Qur'an hanya menerangkan tabi'at, permulaan dan penghabisan peristiwa itu dengan ringkas sahaja dengan tujuan untuk menonjolkan ni'mat yang besar itu sebelum menceritakannya dengan terperinci. Ia mengingatkan mereka dengan ni'mat itu dan meminta mereka mengingatkan ni'mat itu, juga untuk menunjukkan bahawa Allah yang menyuruh orang-orang yang beriman supaya menurut wahyu-Nya, berserah kepada-Nya sahaja dan jangan mengikut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin itulah juga yang melindungi orang-orang yang bertugas mengembangkan da'wah dan agama-Nya dari pencerobohan orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan), lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu."(9)

Demikianlah dalam ayat permulaan yang ringkas ini Al-Qur'an menyebut permulaan dan penghabisan peperangan itu, iaitu kedatangan pasukan-pasukan tentera musuh dan bagaimana Allah melepaskan angin ribut dan tentera-tentera yang tidak dapat dilihat oleh orang-orang yang beriman, juga pertolongan Allah yang ada kaitan dengan ilmu-Nya yang mengetahui keadaan mereka dan dengan penglihatan-Nya yang memandang perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka.

Kemudian selepas penerangan secara umum itu barulah ia memulakan penceritaan yang terperinci:

إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ ٱلْأَبْصَـٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾

هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا۟ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَـٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَـٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

"Iaitu ketika mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu dan ketika mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong (kerana cemas) dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah(10). Di sanalah orang-orang Mu'minin diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat(11). Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka (12). Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Itulah gambaran ketakutan dan kesusahan yang menyelubungi kota Madinah. Tiada seorang pun dari penduduknya yang terselamat dari ketakutan itu, kerana ia dikepung dari segenap sudutnya oleh tentera-tentera Musyrikin Quraysy, Ghatafan dan orang-orang, Yahudi Bani Qurayzah dari hulu dan hilirnya. Rasa cemas dan takut ini tidak berbeza-beza dari satu hati ke satu hati, cuma yang berbeza ialah cara hati-hati itu menyebut peristiwa itu, sangkaan masing-masing terhadap Allah dan tingkahlakunya dalam menghadapi kesusahan dan tanggapan masing-masing terhadap nilai-nilai, sebab-sebab dan natijah-natijah peristiwa. Justeru itu ujian itu merupakan satu ujian yang sempurna dan halus. Ia dapat membezakan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang Munafiqin dengan pembezaan yang tegas dan tidak diragui.

Pada hari itu kita dapat melihat situasi peperangan itu dengan segala ciri-cirinya, segala emosi lintasan-lintasan fikiran dan segala gerak-geri mereka dan semuanya terbentang di hadapan kita seolah-olah kita nampak segala-galanya dari celah-celah ayat-ayat yang pendek ini.

Dari luar kita nampak situasi gawat:

جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ

"Mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu"(10)

dan dari dalam kita melihat kesannya di dalam jiwa mereka:

زَاغَتِ ٱلْأَبْصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ

"Mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong"(10)

inilah gambaran ketakutan, kecemasan dan kesusahan yang dilukiskan dengan paras-paras muka dan debaran-debaran jantung.

ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾

"Dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah."(10)

Al-Qur'an tidak menjelaskan ragam-ragam sangkaan itu, malah meninggalkannya secara umum begitu untuk menggambarkan perasaan-perasaan, fikiran-fikiran dan tanggapan-tanggapan mereka yang berada dalam keadaan yang nanar, kacau-bilau, tidak tentu arah dan tanggapan-tanggapan berbagai-bagai hati yang celaru.

Ciri-ciri suasana cemas dan takut itu semakin bertambah jelas.

هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا۟ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

"Di sanalah orang-orang Mu'minin diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat."(11)

Ketakutan yang menggoncangkan orang-orang yang beriman itu pastilah suatu ketakutan yang amat mencemaskan mereka.

Ujar Muhammad ibn Maslamah dan lainnya: "Malam kami ketika mengawal parit pertahanan itu sama seperti siang. Panglima-panglima perang tentera-tentera kaum Musyrikin bergilir-gilir di antara mereka; sehari dipimpin oleh Abu Sufyan ibn Harb, sehari lagi dipimpin oleh Khalid ibn al-Walid, sehari yang lain dipimpin oleh 'Amr ibn al-'Aas, sehari pula dipimpin oleh 'Ikrimah ibn Abu Jahl, sehari yang lain dipimpin oleh Hubayrah ibn Abu Wahb dan sehari yang lain dipimpin oleh Dhirar ibn al-Khattab hingga menjadikan suasana semakin gawat dan orang ramai semakin bertambah cemas.

Al-Maqrizi dalam bukunya "إمتاع الأسماع" telah menggambarkan keadaan kaum Muslimin di waktu itu katanya:

Angkatan tentera Musyrikin telah melakukan serangan mengejut pada waktu dinihari, lalu Rasulullah s.a.w. menyediakan para sahabatnya berperang hingga ke malam. Rasulullah s.a.w. dan setiap orang dari tentera Islam tidak dapat meninggalkan tempat masing-masing sehingga beliau sendiri tidak sempat menunaikan sembahyang Zohor, 'Asar, Maghrib dan Isya' lalu sahabat-sahabatnya berkata, kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Kami tidak dapat menunaikan sembahyang." Jawab beliau, Demi Allah, aku juga tidak sempat menunaikan sembahyang". Sehingga Allah mengundurkan tentera-tentera Musyrikin dan kedua-dua belah pihak pulang ke tempat kediaman masing-masing. Kemudian Usayd ibn Hudhayr mengetuai satu angkatan dua ratus orang berkawal di tepi parit pertahanan itu, lalu diserang oleh pasukan berkuda tentera Musyrikin di bawah pimpinan Khalid ibn Al-Walid yang sentiasa mencari kesempatan dari kelalaian tentera Muslimin. Mereka pun berperang seketika. Dalam pertempuran itu Wahsyi telah membunuh at-Tufail ibnu an-Nu'man ibn Khansa' al-Ansari as-Salami dengan lontaran lembingnya sebagaimana dia telah membunuh Hamzah r.a. di dalam Peperangan Uhud. Pada hari pertempuran inilah Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): "Kaum Musyrikin telah membuat kita begitu sibuk hingga tidak sempat kita mendirikan sembahyang 'Asar. Ya Allah! Penuhkan perut dan hati mereka dengan api Neraka."[6]

Pada suatu malam dua pasukan peninjau dari tentera Islam telah keluar meronda. Kedua-duanya telah bertembung dan tidak mengenal satu sama lain. Mereka menyangka mereka bersua dengan tentera musuh, lalu mereka bertempur menyebabkan di antara mereka ada yang terbunuh dan ada yang luka-luka, kemudian mereka meneriakkan slogan Islam!:

حم. لا ينصرون

barulah mereka berhenti bertempur. Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada mereka:

جراحكم في سبيل الله ومن قتل منكم فإنه شهيد

"Luka-luka yang dialami kamu itu adalah dikira kerana Sabilullah dan mana-mana orang yang terbunuh di antara kamu adalah dikira mati syahid."

Kesulitan yang paling besar yang dialami kaum Muslimin ketika mereka dikepung tentera-tentera Musyrikin di dalam kawasan parit itu ialah kebimbangan mereka diserang dari belakang oleh orang-orang Yahudi Bani Qurayzah. Pada setiap sa'at mereka terancam oleh serangan kaum Musyrikin dari parit pertahanan dan serangan Yahudi dari belakang, sedangkan bilangan kaum Muslimin sangat kecil dibandingkan dengan kumpulan pasukan-pasukan musuh yang datang dengan tujuan untuk menghapuskan mereka di dalam satu peperangan akhir yang muktamad itu.

Di samping itu kaum Muslimin menghadapi pula tipu daya kaum Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin di kota Madinah dan di dalam barisan-barisan bala tentera Islam:

---

[6] *Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Jabir, Rasulullah s.a.w. tidak sempat menunaikan solat 'Asar pada hari itu. Nampaknya kejadian yang seperti ini telah berulang-ulang. Sekali beliau tidak sempat mengerjakan solat 'Asar lalu beliau berdo'a dengan do'a tersebut dan sekali pula tidak sempat mengerjakan semua sembahyang.*

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ١٢

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka."(12)

Di dalam suasana kesusahan dan kecemasan yang menggoncangkan hati itu, orang-orang Munafiqin mendapat peluang mendedahkan rahsia jiwa mereka yang keji tanpa kebimbangan dikecam oleh sesiapa pun. Mereka juga memperolehi kesempatan untuk melemahkan semangat orang-orang Islam dan menaburkan keraguan terhadap janji Allah dan Rasul-Nya. Mereka merasa aman bahawa tiada seorang pun yang akan menyalahkan apa sahaja yang dikatakan mereka. Keadaan yang gawat yang wujud dalam realiti juga membenarkan kata-kata mereka yang melemahkan semangat dan menimbulkan keraguan itu, kerana itu mereka kelihatan begitu logik dengan diri mereka dan perasaan-perasaan mereka. Suasana yang mencemaskan itu telah menanggalkan dari mereka tabir budi bahasa mereka yang halus dan membuat mereka begitu takut hingga menggugatkan iman mereka yang rapuh itu. Oleh sebab itu mereka tanpa silu malu lagi telah meluahkan hakikat perasaan mereka dengan terus terang.

Golongan Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin seperti mereka ini, memang terdapat di dalam semua kumpulan, dan sikap mereka dalam menghadapi keadaan yang gawat adalah sama dengan sikap saudara-saudara mereka tadi. Mereka merupakan contoh golongan manusia yang berulang-ulang di dalam generasi-generasi dan kumpulan manusia di sepanjang zaman.

وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ١٣

"Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Mereka menghasut penduduk Madinah supaya meninggalkan barisan-barisan dan pulang ke rumah-rumah mereka dengan alasan bahawa kedudukan mereka bertahan di hadapan parit seperti ini adalah tidak bermakna, sedangkan rumah-rumah mereka terdedah kepada bahaya serangan dari belakang mereka. Ini adalah satu dia'ayah yang jahat yang boleh masuk ke dalam hati orang ramai dari lubangnya yang lemah, iaitu dari lubang kebimbangan mereka terhadap keselamatan anak isteri mereka ketika dikepung bahaya dan fikiran-fikiran mereka tidak menentu.

مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ

"Dan segolongan yang lain dari mereka meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh)."(13)

Yakni mereka memohon kebenaran pulang dengan alasan kerana rumah-rumah mereka terdedah kepada serangan musuh dan tidak mempunyai apa-apa perlindungan. Di sini Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka yang sebenar, mematahkan alasan mereka dan menangkap mereka ketika mereka sedang berbohong dan menipu untuk melarikan diri (dari perjuangan).

وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ١٣

"Sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Menurut riwayat, Bani Harithah telah mengirim Aus ibn Qayzi sebagai utusan mereka kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengatakan kepada beliau bahawa "rumah-rumah kami sedang terdedah kepada serangan musuh, sedangkan tiada sebuah rumah dari rumah-rumah orang-orang Ansar sama seperti rumah-rumah kami, juga tiada seorang pun di antara kami dan suku Ghatfan yang dapat mempertahankan kami dari serangan mereka. Oleh itu izinkanlah kami pulang ke rumah-rumah kami untuk mempertahankan anak isteri kami." Lalu Rasulullah s.a.w. memberi keizinan kepada mereka. Apabila berita ini sampai kepada Sa'ad Ibn Mu'az, dia berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Jangan benar mereka pulang. Demi Allah (inilah sifat mereka di masa-masa dulu), apabila kami dan mereka ditimpa sesuatu kesusahan, maka beginilah mereka selalunya bertindak. Oleh itu panggillah mereka balik semula".

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Sikap Golongan Munafiqin Dalam Sa'at-sa'at Gawat

Penceritaan Al-Qur'an berhenti setakat adegan yang seni ini sahaja, iaitu satu adegan yang menggambarkan suasana nanar, cemas dan tipu daya. Ia berhenti sebentar untuk menggambarkan keadaan jiwa orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai hati yang berpenyakit, iaitu keadaan jiwa mereka yang lemah 'aqidahnya dan lemah semangatnya dan bersedia untuk meninggalkan barisan perjuangan secara serampangan tanpa alasan dan tanpa silu malu lagi:

وَلَوْ دُخِلَتْ عَلَيْهِم مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سُئِلُوا۟ ٱلْفِتْنَةَ

لَآتَوْهَا وَمَا تَلَبَّثُوا بِهَا إِلَّا يَسِيرًا ﴿١٤﴾

"Dan andainya Madinah itu dimasuki musuh yang menyerang mereka dari segala sudutnya, kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak akan teragak-agak melainkan hanya sebentar sahaja."(14)

Beginilah keadaan jiwa mereka, sedangkan musuh masih berada di luar kota Madinah dan belum lagi menyerang mereka. Walau bagaimana hebatnya ketakutan dan kecemasan itu, namun bahaya yang diduga tidak sama dengan bahaya yang berlaku. Andainya bahaya yang sebenar berlaku dan kota Madinah diserang dari segenap penjuru, ... *"kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka"*. Sudah tentu mereka akan melakukannya dengan segera tanpa teragak-agak lagi: *"Melainkan sebentar sahaja"* atau melainkan "sedikit sahaja" dari mereka yang teragak-agak untuk balik menjadi kafir. Itulah sifat 'aqidah yang lemah yang tidak teguh dan itulah sifat pengecut yang tidak mempunyai daya tahan.

Demikianlah Al-Qur'an mendedahkan rahsia jiwa mereka. Kemudian Al-Qur'an mengecap mereka sebagai orang-orang yang suka memungkiri janji. Dengan siapa? Dengan Allah yang pernah mereka berjanji dengan-Nya sebelum peristiwa ini, kemudian mereka mungkiri:

وَلَقَدْ كَانُوا عَاهَدُوا اللَّهَ مِن قَبْلُ لَا يُوَلُّونَ الْأَدْبَارَ ۚ وَكَانَ عَهْدُ اللَّهِ مَسْئُولًا ﴿١٥﴾

"Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka tidak akan berpaling undur dan janji Allah tetap akan disoal."(15)

Ujar Ibn Hisyam dari riwayat Ibn Ishaq di dalam "As-Sirah": (Yang dimaksudkan dengan mereka yang disebut dalam ayat ini) ialah Bani Harithah. Merekalah yang memperlihatkan sikap yang lemah dan pengecut pada hari peperangan Uhud bersama-sama dengan Bani Salamah kemudian mereka telah berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan mengulangi lagi perbuatan itu selama-lamanya. Jadi (dalam ayat ini) Allah mengingatkan mereka dengan janji yang telah diberikan mereka.

Di dalam Peperangan Uhud, Allah telah memelihara mereka dengan limpah rahmat-Nya dari akibat-akibat lemah dan pengecut. Ini merupakan satu pelajaran dari pelajaran-pelajaran asuhan di permulaan masa berjihad, tetapi sekarang setelah dilalui masa yang panjang dan pengalaman yang cukup, maka Al-Qur'an menghadapi mereka dengan sikap yang keras.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Tiada Gunanya Lari Dari Maut Di Medan Perang

Ketika berada pada bahagian ini, iaitu ketika mereka berada di hadapan perjanjian yang hendak dilingkari mereka kerana menyelamatkan diri dari bahaya dan ketakutan itu, Al-Qur'an menjelaskan salah satu dari nilai-nilai yang kekal, yang dijelaskan tepat pada waktunya dan membetulkan tanggapan yang mendorong mereka memungkiri perjanjian itu dan melarikan diri (dari medan perjuangan) itu:

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ الْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ الْمَوْتِ أَوِ الْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾ قُلْ مَن ذَا الَّذِي يَعْصِمُكُم مِّنَ اللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh, (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat meni'mati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Taqdir Allah itulah yang menguasai peristiwa-peristiwa dan nasib-nasib kesudahan (manusia). Taqdir Allah itulah yang menolak peristiwa-peristiwa dan nasib-nasib itu ke jalannya yang telah ditentukan dan akan membawanya kepada penghabisan yang telah ditetapkan. Mati dan terbunuh merupakan taqdir-taqdir yang tidak dapat dielak dari menemuinya. Apabila tiba waktunya, tiada sesa'at pun dapat didahului dan ditangguh. Perbuatan melarikan diri tidak akan berguna untuk menolakkan taqdir yang telah ditentukan ke atas seorang yang ingin melarikan diri. Apabila mereka lari, mereka tetap akan menemui ajal mereka yang telah ditetapkan dalam waktu yang dekat. Seluruh masa di dunia ini adalah dekat belaka dan seluruh keni'matan di dunia ini adalah sebentar belaka. Tiada sesuatu yang dapat melindungkan seseorang dari taqdir Allah dan tiada siapa yang dapat menghalang kehendak iradat Allah sama ada berupa bencana atau rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa - selain dari Allah - yang dapat menjadi pelindung dan penolong yang boleh mempertahankan mereka dari taqdir-Nya.

(Kewajipan manusia) ialah berserah kepada Allah, mematuhi segala perintah-Nya memenuhi segala janjinya dengan Allah sama ada pada masa senang atau susah, memulangkan segala-segalanya kepada Allah dan bertawakkal dengan sempurna kepada-Nya

kemudian terserahlah kepada Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Kemudian Al-Qur'an beralih pula menjelaskan bahawa Allah mengetahui golongan penghalang yang enggan berjihad dan menghasut orang lain supaya enggan berjihad. Golongan ini berkata kepada mereka: **"Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah!"** (لا مقام لكم فار جعوا). Al-Qur'an melukiskan keadaan jiwa mereka dengan satu gambaran yang indah. Gambaran itu di samping tepat dan benar ia menimbulkan pula kelucuan dan ejekan terhadap contoh golongan manusia yang berulang-ulang ini. Ia merupakan gambaran dari sikap pengecut, kecut, takut dan cemas di sa'at-sa'at yang genting dan sikap sombong dan sikap lepas mulut dan lancang di masa kesenangan, bakhil membuat kebaikan, resah gelisah ketika memikirkan bahaya-bahaya yang masih jauh. Gambaran ini diungkapkan Al-Qur'an dengan gaya yang amat seni, yang tidak dapat ditukar atau diterjemahkan dengan yang lain dari ungkapan Al-Qur'an yang berdaya mu'jizat:

قَدْ يَعْلَمُ ٱللَّهُ ٱلْمُعَوِّقِينَ مِنكُمْ وَٱلْقَآئِلِينَ لِإِخْوَٰنِهِمْ هَلُمَّ
إِلَيْنَا ۖ وَلَا يَأْتُونَ ٱلْبَأْسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٨﴾
أَشِحَّةً عَلَيْكُمْ ۖ فَإِذَا جَآءَ ٱلْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ
تَدُورُ أَعْيُنُهُمْ كَٱلَّذِى يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ ٱلْمَوْتِ ۖ فَإِذَا
ذَهَبَ ٱلْخَوْفُ سَلَقُوكُم بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ أَشِحَّةً عَلَى
ٱلْخَيْرِ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا۟ فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَـٰلَهُمْ ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾
يَحْسَبُونَ ٱلْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا۟ ۖ وَإِن يَأْتِ
ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ
يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ ۖ وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَـٰتَلُوٓا۟
إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui golongan penghalang di antara kamu dan golongan yang berkata kepada saudara-saudara mereka: Marilah bersatu dengan kami, sedangkan mereka tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja(18). Mereka bersikap bakhil terhadap kamu, dan apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati, tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam. Mereka bakhil berbuat kebaikan. Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka. Dan pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah(19). Mereka (orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka) dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Golongan Penghalang Dalam Perjuangan

Ayat ini mula-mula menerangkan tentang ilmu Allah yang mengetahui tindak-tanduk golongan penghalang yang sedang berusaha melemahkan semangat di dalam barisan kaum Muslimin. Mereka menghasut mereka supaya enggan berjuang. Mereka sendiri:

وَلَا يَأْتُونَ ٱلْبَأْسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٨﴾

"Tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja"(18)

yakni mereka tidak ikut berjihad melainkan sebentar-bentar sahaja. Segala tindak-tanduk dan tipu helah mereka tetap terdedah kepada ilmu Allah.

Kemudian pena mu'jizat itu mulai melukiskan sifat-sifat golongan ini:

أَشِحَّةً عَلَيْكُمْ ۖ

"Mereka bersikap bakhil terhadap kamu."(19)

Mereka bersikap kikir dan kedekut terhadap kaum Muslimin, iaitu kikir tenaga dan harta, kikir simpati dan kasih mesra.

فَإِذَا جَآءَ ٱلْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ تَدُورُ أَعْيُنُهُمْ
كَٱلَّذِى يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ ٱلْمَوْتِ ۖ

"Apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati"(19)

Ini adalah satu gambaran yang sungguh jelas dan hidup dan sekaligus itu juga menimbulkan kelucuan dan ejekan terhadap golongan manusia yang pengecut ini, yang mana seluruh anggota mereka memperlihatkan tanda-tanda pengecut dan cemas di sa'at-sa'at ketakutan.

Gambaran mereka lebih mencemuhkan lagi apabila ketakutan itu hilang dan keadaan menjadi aman:

فَإِذَا ذَهَبَ ٱلْخَوْفُ سَلَقُوكُم بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ

"Tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam."(19)

Apabila ketakutan itu hilang barulah mereka keluar dari lubang persembunyian mereka, suara mereka yang menggelentar takut tiba-tiba menjadi kuat dan lantang, mereka memperlihatkan tanda-tanda sombong dan takbur setelah selama ini kecut ketakutan.

Mereka membuat dakwaan-dakwaan yang bukan-bukan tanpa silu malu bahawa mereka telah berjuang dengan gagah berani.

Di samping itu pula:

أَشِحَّةً عَلَى ٱلْخَيْرِ

"Mereka bakhil berbuat kebaikan."(19)

Mereka tidak pernah mengorbankan tenaga, harta dan jiwa mereka walaupun mereka membuat dakwaan-dakwaan yang besar dan bercakap selantang itu.

أُوْلَٰٓئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا۟ فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ

"Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka."(19)

Inilah sebab utama (yang membuat mereka jadi begitu), iaitu hati mereka belum mengecapi kemanisan iman, belum bersuluhkan cahaya iman dan belum menjalani jalan iman...

فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ

"Lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka."(19)

Mereka tidak berjaya kerana unsur kejayaan asasi tidak ada pada mereka.

وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾

"Pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah."(19)

Di sana tidak ada sesuatu yang payah kepada Allah dan segala urusana-Nya terlaksana dengan sempurna.

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pula keadaan mereka dalam masa Peperangan al-Ahzab dengan suatu gambaran yang lucu:

يَحْسَبُونَ ٱلْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا۟ ۖ وَإِن يَأْتِ ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ ۖ وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Mereka (orang-orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka), dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Mereka masih dalam keadaan gentar dan lemah semangat hingga mereka enggan percaya bahawa tentera-tentera gabungan itu telah bertolak meninggalkan Madinah dan bahawa keadaan ketakutan telah pun bertukar kepada keamanan.

وَإِن يَأْتِ ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ ۖ

"Dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka, bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu."(20)

Alangkah hina dan lucunya gambaran ini. Jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang sekali lagi, maka golongan yang pengecut ini bercita-cita tidak mahu lagi menjadi penduduk Madinah dan mahu menjadi orang-orang Arab Badwi yang tinggal di desa padang gurun, di mana mereka tidak lagi terlibat sama dalam keadaan dan nasib hidup penduduk Madinah dan mereka tidak mengetahui apa yang sedang berlaku kepada penduduk Madinah itu hingga mereka terpaksa menanyakan hati mereka pada orang lain sebagaimana seorang asing menanyakan hati seorang asing yang lain kerana mereka benar-benar berhasrat hendak menjauhkan diri dari penduduk Madinah dan menyelamatkan diri mereka dari malapetaka peperangan itu.

Mereka memasang angan-angan yang lucu ini, sedangkan mereka tidak ikut berjuang dan jauh dari medan pertempuran. Mereka hanya takut dan cemas dari jauh sahaja:

وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Demikianlah berakhirnya gambaran contoh golongan Munafiqin yang hidup di dalam masyarakat Islam yang masih muda di Madinah. Golongan ini akan terus berulang-ulang pada setiap generasi dengan membawa sifat-sifat dan ciri-ciri yang sama. Gambaran ini meninggalkan di dalam hati kita perasaan memandang hina terhadap golongan ini dan keinginan untuk menjauhi diri dari mereka, juga kesedaran betapa hinanya kedudukan mereka di sisi Allah dan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 21)

Itulah keadaan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka, juga gambaran penyebar-penyebar khabar angin. Itulah gambaran mereka yang buruk, tetapi malapetaka kesusahan dan ketakutan tidak mengubahkan semua manusia kepada gambaran yang buruk itu, malah di sana ada golongan yang berseri-seri gemilang di tengah suasana yang gelap

itu, hati mereka begitu tenang di tengah-tengah kemelut itu. Mereka penuh percaya kepada Allah dan redha dengan qadha-Nya. Mereka yakin mendapat kemenangan dari Allah selepas melalui segala keadaan yang cemas dan nanar ini.

Al-Qur'an memulakan gambaran golongan yang berseri-seri gemilang itu dengan menyebut Rasulullah s.a.w.:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

Rasulullah s.a.w. Merupakan Contoh Unggul Kepada Setiap Mu'min

Walaupun di dalam suasana yang amat mencemas, susah dan letih lesu itu, namun Rasulullah s.a.w. tetap merupakan sumber keamanan, keyakinan, harapan dan ketenangan kepada kaum Muslimin. Pengkajian terhadap sikap Rasulullah s.a.w. di dalam menghadapi peristiwa Peperangan al-Ahzab yang besar ini boleh memberi pedoman dan panduan kepada para pemimpin jama'ah dan pergerakan (da'wah Islamiyah). Ia memberi contoh tauladan yang baik kepada mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan balasan yang baik pada hari Akhirat, juga kepada mereka yang mencari contoh yang baik dan mengingati Allah tanpa melupakan-Nya.

Eloklah kita mengetahui serba sedikit tentang sikap Rasulullah s.a.w. itu sebagai contoh, kerana kita tidak dapat menghuraikannya dengan terperinci di sini.

Rasulullah s.a.w. keluar menggali parit pertahanan bersama-sama kaum Muslimin. Beliau memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok dan mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang. Beliau turut menyanyikan sajak bersama mereka dengan suara yang tinggi semasa bekerja. Mereka menyanyikan sajak-sajak yang bersahaja yang digubah dari kejadian-kejadian yang berlaku. Misalnya ketika itu ada seorang Islam bernama Ju'ayl. Rasulullah s.a.w. tidak sukakan nama itu, lalu mengubahkannya kepada nama 'Amr. Lalu orang-orang Muslimin yang bekerja menggali parit itu mendendangkan beramai-ramai sebuah sajak mengenainya yang bersahaja:

سماه من جعيل عمراً * وكان للبائس يوماً ظهراً

Beliau menukar namanya
Dari Ju'ayl kepada 'Amr
Setiap hari ada sahaja
Beliau menolong si malang derita

Apabila mereka mendendangkan kata-kata "Amr"(عمر), Rasulullah s.a.w. turut meningkah "Amran"(عمرًا). Begitu juga apabila mereka mendendangkan kata-kata "Zahr"(ظهر) beliau turut meningkah "Zahran"(ظهرا).

Di sini dapatlah kita gambarkan betapa mesranya suasana ketika itu, di mana kaum Muslimin bekerja keras (menggali parit) dan Rasulullah s.a.w. turut serta memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok-penyodok, mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang dan menyanyikan sajak ini bersama-sama mereka. Di sini juga dapat kita gambarkan bagaimana hebatnya suasana mesra ini melepaskan tenaga dan semangat di dalam jiwa mereka, mencurahkan perasaan sukarela, keghairahan, keyakinan dan kebanggaan di dalam hati mereka.

Ketika itu Zaid ibn Thabit berada dalam kumpulan yang bertugas mengangkut tanah. Rasulullah s.a.w. telah memujinya, "Dia seorang belia yang amat bagus". (Pada suatu hari) dia mengantuk dan terus tertidur di dalam parit. Udara ketika itu sangat dingin, lalu 'Umarah mengambil senjatanya tanpa disedarinya apabila dia terjaga dia terkejut, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Abu Ruqad! (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana." Kemudian beliau bertanya: "Siapa tahu di mana senjata anak muda ini?" Jawab 'Umarah, "Wahai Rasulullah s.a.w.! Senjatanya ada pada saya." Ujar beliau: "Pulangkan senjata itu kepadanya." Kemudian beliau melarang mereka supaya jangan menakut-nakutkan orang-orang Islam dan bergurau dengan mengambil barang-barang kepunyaan mereka.

Peristiwa ini menggambarkan betapa mata dan hati Rasulullah s.a.w. sentiasa waspada dan ingat kepada setiap orang yang ada di dalam barisan perjuangan sama ada muda atau tua, juga menggambarkan semangat gurau senda yang manis dan mesra (sebagaimana tersemat dalam kata-kata beliau kepada Zaid ibn Thabit): "Wahai Abu Ruqad! (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana". Pada akhirnya peristiwa ini juga menggambarkan keadaan suasana mesra, di mana kaum Muslimin hidup di bawah naungan Nabi mereka dalam masa yang amat genting itu.

Di samping itu semangat perjuangan Rasulullah s.a.w. sentiasa melihat kemenangan dari jauh hingga beliau nampak kemenangan itu di dalam cahaya-cahaya api yang tercetus dari batu-batu yang terkena hayunan cangkul, kemudian beliau ceritakannya kepada kaum Muslimin untuk membangkitkan keyakinan dan kepercayaan di dalam hati mereka.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan dari Salman al-Farisi katanya, "Aku sedang mencangkul di suatu sudut parit itu, tiba-tiba satu batu yang keras menyusahkan cangkulku. Rasulullah s.a.w. berada berhampiran denganku. Apabila beliau melihat aku mencangkul dan melihat tempat itu amat keras dan sukar kepada aku, beliau pun turun dan mengambil cangkul dari tanganku lalu beliau cangkulkan tempat

itu dengan cangkulan yang kuat hingga terpercik cahaya api, kemudian beliau mencangkul sekali lagi dan cahaya api terpercik pula sekali lagi. Kemudian beliau mencangkul bagi kali yang ketiga dan sekali pula cahaya api itu terpercik". Ujar Salman: Aku pun berkata: "Demi ayah bondaku, apakah cahaya yang aku nampak terpancar ketika anda mencangkul itu?" Sabda beliau "Engkau nampak cahaya itu, wahai Salman? Jawab dia, "Ya, saya nampak". Sabda beliau: "Cahaya api pertama itu mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepadaku mena'luk negeri Yaman, cahaya yang kedua pula mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri Syam dan negeri sebelah Barat dan cahaya yang ketiga mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri sebelah Timur".

Tersebut di dalam kitab "إمتاع الأسماع" karangan al-Maqrizi bahawa peristiwa ini adalah berlaku kepada Umar ibn al-Khattab dengan disaksikan oleh Salman al-Farisi r.a.

Pada hari ini dapatlah kita gambarkan betapa hebatnya pengaruh kata-kata beliau itu di dalam hati kaum Muslimin yang sedang dikepung bahaya serangan musuh itu.

Di samping cerita-cerita Rasulullah s.a.w. yang gemilang itu dapatlah pula kita tokokkan dengan cerita Huzayfah yang pulang dari tugas meninjau keadaan bala tentera gabungan. Dia sedang dalam keadaan yang amat sangat sejuk, sedangkan Rasulullah s.a.w. ketika itu sedang mendirikan solat dengan berselimutkan kain lepas panjang salah seorang isterinya. Tetapi walaupun beliau sedang bersembahyang dan berhubung dengan Allah, namun beliau tidak membiarkan Huzayfah menggelentar kesejukan hingga beliau selesai sembahyang, malah beliau menarik Huzayfah di antara dua kakinya dan campakkan hujung kain lepas itu kepada Huzayfah supaya dia berselimut dengannya sementara beliau meneruskan sembahyangnya hingga selesai, lalu Huzayfah pun menyampaikan berita (pergerakan angkatan musuh) itu kepada beliau. Dia menyampaikan berita gembira itu kepada beliau yang telah pun mengetahui berita itu dengan hatinya. Kemudian beliau mengirim Huzayfah untuk menghebohkan berita itu kepada kaum Muslimin.

Cerita-cerita mengenai keberanian Rasulullah s.a.w. ketabahan dan kecekalan beliau dalam menghadapi keadaan yang gawat itu adalah jelas di sepanjang kisah peperangan itu. Kita tidak perlu lagi menyalinkan cerita-cerita itu di sini kerana ia sangat masyhur.

Amatlah tepat firman Allah S.W.T.:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 25)

Kemudian dikemukakan pula gambaran iman yang kukuh dan tenang dan gambaran cemerlang kaum Mu'minin dalam menghadapi kemelut dan bahaya serangan musuh yang menggoncangkan hati mereka itu. Peristiwa yang menggoncangkan hati itu telah diambil mereka sebagai bahan untuk menambahkan ketenteraman, kepercayaan, keceriaan dan keyakinan mereka:

وَلَمَّا رَءَا الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَٰذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Kemelut dan kesusahan yang dihadapi kaum Muslimin di dalam Peperangan Ahzab ini amatlah besar. Ia benar-benar menggoncangkan hati mereka sebagaimana digambarkan Allah Yang Maha Benar:

هُنَالِكَ ابْتُلِيَ الْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

"Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat."(11)

Gambar Keimanan Yang Gemilang

Mereka semua adalah manusia yang mempunyai tenaga yang terbatas dan Allah tidak mentaklifkan mereka lebih dari keupayaan mereka. Walaupun mereka yakin akan mendapat pertolongan Allah pada akhirnya dan walaupun Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan berita gembira kepada mereka tentang kemenangan dan pena'lukan negeri-negeri Yaman, Syam dan negeri di sebelah Barat dan Timur pada masa-masa depan, namun kegawatan situasi itu yang sedang menghadapi kemelut yang hebat itu tetap menggoncang, mencemas dan menyebakkan pernafasan mereka.

Di antara cerita-cerita yang lebih menggambarkan keadaan ini ialah cerita Huzayfah. Rasulullah s.a.w. memang menyedari keadaan para sahabatnya. Beliau melihat mereka dari dalam jiwa mereka sendiri. Oleh kerana itu beliau bersabda: "Siapakah orang yang sanggup keluar meninjau keadaan musuh kemudian balik semula ke sini nescaya akan kupohon kepada Allah supaya Dia jadikannya temanku di dalam Syurga?".

Walaupun permintaan beliau itu disertakan dengan syarat kembali pulang dan dengan do'a mendapat ni'mat bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. di dalam Syurga, namun tiada seorang pun yang tampil menyahut seruan beliau. Apabila beliau menyebut nama Huzayfah, dia berkata: "Aku tidak dapat mengelak lagi dari tampil berdiri sebaik sahaja beliau memanggilku." Situasi yang seperti ini tentulah tidak berlaku melainkan dalam keadaan yang paling cemas.

Tetapi walaupun mereka berada di dalam ketakutan, di mana mata mereka meliar dan nanar, pernafasan mereka sebak, namun hubungan mereka dengan Allah tidak pernah putus, kefahaman mereka tidak menyimpang dari Sunnatullah dan mereka yakin kepada keteguhan Sunnatullah yang tidak pernah bergoyang. Mereka yakin bahawa titik akhir Sunnatullah itu akan terlaksana apabila titik awalnya telah terlaksana. Oleh kerana itulah mereka jadikan kecemasan yang dialami mereka itu sebagai landasan untuk menunggu pertolongan dari Allah. Ini adalah kerana mereka percaya kepada firman Allah S.W.T. sebelum ini:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ
ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ
وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ
مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki Syurga, sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu dari kamu? Mereka telah ditimpa malapetaka dan kesusahan dan mereka telah digoncangkan ketakutan sehingga Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'minin yang ada bersamanya pernah bersungut bilakah tibanya pertolongan dari Allah? (Lalu dijawab): Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."

(Surah al-Baqarah : 214)

Kini mereka sedang digoncangkan ketakutan dan kerana itu pertolongan dari Allah sudah dekat kepada mereka. Justeru itu mereka berkata:

قَالُوا۟ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ
وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah itu Rasul-Nya dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

"Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya"... Ketakutan, kesusahan, kegoncangan dan kesulitan ini adalah semuanya telah dijanjikan Allab bahawa Dia akan memberi pertolongan. Oleh itu pertolongan itu pasti datang. *"Dan benarlah Allah dan Rasul-Nya"...* yakni benarlah Allah dan Rasul-Nya yang telah menunjukkan alamat (kedatangan pertolongan itu) dan kerana itu hati mereka tetap yakin kepada pertolongan dan janji Allah:

"Dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Mereka adalah segolongan manusia belaka. Mereka tidak mampu membersihkan diri mereka dari perasaan-perasaan manusia dan kelemahan-kelemahannya. Mereka tidak dituntut menjangkau batas-batas jenis mereka sebagai manusia dan tidak pula disuruh keluar dari lingkungan jenis manusia sehingga hilang segala sifat-sifat dan ciri-ciri mereka sebagai manusia. Oleh kerana itulah Allah jadikan mereka sedemikian rupa supaya mereka tetap dengan sifat-sifat manusia dan tidak berubah kepada jenis makhluk yang lain tidak berubah kepada malaikat-malaikat tidak pula kepada syaitan-syaitan dan tidak pula kepada binatang dan batu batan. Sebagai manusia mereka tetap mengalami rasa takut dan cemas apabila dilanda kesusahan. Hati mereka akan bergoncang apabila menghadapi suasana bahaya yang melewati keupayaan mereka. Namun demikian, hati mereka tetap tertambat pada tali yang kukuh yang menghubungkan mereka dengan Allah. Tali inilah yang menghalangkan mereka dari gugur dan tali inilah yang membaharui harapan mereka dan mengawal mereka dari rasa putus asa. Dengan sifat-sifat inilah mereka menjadi contoh yang unik dan tiada tolak bandingnya di dalam sejarah manusia.

Kita harus memahami hakikat ini supaya kita dapat memahami contoh golongan manusia yang unik ini. Kita harus memahami bahawa mereka hanya manusia. Mereka tidak terlepas dari tabi'at manusia termasuk sifat-sifat yang kuat dan sifat yang lemah. Punca keistimewaan mereka ialah kerana mereka dengan sifat-sifat manusia mereka telah berjaya mendaki setinggi-tinggi kemuncak yang disediakan Allah untuk makhluk manusia, iaitu mereka telah memperlihatkan kebolehan mereka memelihara ciri-ciri makhluk manusia di bumi dan berpegang kukuh dengan tali perhubungan dengan langit (Allah).

Apabila kita melihat kelemahan kita sekali sekala atau kegoncangan dan ketakutan kita sekali sekala atau melihat sekali sekala kecemasan kita dalam menghadapi kesusahan dan bahaya, maka janganlah kita berputus asa dari diri kita dan janganlah kita terlalu terharu hingga menganggapkan diri kita sudah habis atau tidak layak buat selama-lamanya untuk memikul tugas yang besar, tetapi di samping itu janganlah pula kita menyokong kelemahan kita dan menyanjungnya sebagai sifat semulajadi manusia dan janganlah pula kita mempertahankan kelemahan itu dengan alasan ia juga telah dialami oleh orang-orang yang lebih baik dari kita. Yang perlu kepada kita ialah

berpegang teguh dengan tali Allah untuk bangun kembali dari rebah dan memulihkan semula keyakinan dan ketenteraman kita serta menjadikan kemelut yang menggoncangkan hati kita itu sebagai alamat bahawa kita akan mendapat pertolongan dari Allah. Dengan demikian kita kembali menjadi kuat, teguh dan tenang untuk meneruskan perjalanan.

Inilah imbangan yang telah membentuk golongan Muslimin yang menjadi contoh yang unik di dalam zaman permulaan Islam itu. Merekalah contoh yang disebut-sebut Al-Qur'an, di mana diceritakan kisah-kisah perjuangan mereka yang gemilang dan keteguhan mereka memegang janji mereka dengan Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan ada pula yang menunggu untuk gugur syahid:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit pun."(23)

Mereka merupakan contoh golongan yang bertentangan dengan golongan yang keji yang berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan berundur lari dari perjuangan kemudian mereka tidak menepati janji itu:

وَلَقَدْ كَانُوا۟ عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ لَا يُوَلُّونَ ٱلْأَدْبَٰرَ ۚ وَكَانَ عَهْدُ ٱللَّهِ مَسْـُٔولًا ﴿١٥﴾

"Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka, tidak akan berpaling undur dan janji Allah tetap akan disoal."(15)

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Thabit katanya: Bapa saudaraku Anas ibn an-Nadhr r.a. sangat terkilan kerana tidak dapat ikut bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Badar. Dia berkata "Aku tidak ikut berjuang di dalam peperangan pertama yang diceburi Rasulullah s.a.w. Demi sesungguhnya jika Allah memberi kesempatan kepadaku berjuang dalam peperangan selepas ini, nescaya Allah dapat melihat bagaimana aku berjuang." Ujar Thabit: Dia bimbang mengeluarkan perkataan yang lain. Kemudian dia turut berjuang bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Uhud. Di sana dia bertemu dengan Sa'ad ibn Mu'az r.a., lalu dia berkata kepadanya, "Aku tercium bau Syurga di Bukit Uhud." Kata Thabit: Lalu dia bertempur hingga gugur syahid. Di badannya terdapat lebih lapan puluh luka-luka ditetak, ditikam dan dipanah. Kata saudara perempuannya iaitu ibu saudaraku ar-Rubaiyi' binti an-Nadhr: "Aku dapat mengenal mayat saudaraku itu dari jari-jarinya". Ujar Thabit: Lalu turunlah ayat ini:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit."(23)

(Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari hadith Sulaiman ibn al-Mughirah).

Gambaran gemilang bagi contoh golongan Mu'minin ini adalah disebut di sini dengan tujuan untuk menyempurnakan gambaran iman berbanding dengan gambaran nifaq, keimanan yang lemah dan kemungkiran janji dari golongan lawannya supaya perbandingan itu dapat ditunjukkan dengan sempurna dalam rangka tarbiyah melalui peristiwa dan Al-Qur'an.

Gambaran itu diulaskan pula dengan menerangkan hikmat ujian dan akibat kemungkiran janji dan menyerahkan hal ini semuanya kepada kehendak iradat Allah:

لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ وَيُعَذِّبَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

"Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendaki-Nya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Ulasan sedemikian dibuat di tengah-tengah tayangan peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan dengan tujuan untuk memulangkan segala urusan kepada Allah dan untuk menjelaskan hikmat peristiwa-peristiwa itu, kerana tiada peristiwa yang sia-sia dan tiada pula yang berlaku secara kebetulan sahaja, malah peristiwa-peristiwa itu adalah berlaku mengikut hikmat dan tadbir yang telah ditentukan Allah dan berakhir dengan kesudahan-kesudahan yang dikehendaki Allah, di mana rahmat Allah terhadap para hamba-Nya dapat dilihat dengan jelas. Rahmat dan keampunan Allah selama-lamanya lebih dekat dan lebih besar:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Kemudian cerita peristiwa yang besar itu ditamatkan dengan kesudahan yang membenarkan tanggapan orang-orang Mu'minin terhadap Allah, mengesahkan kesesatan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang menyebar khabar-khabar angin dan salahnya tanggapan dan kefahaman mereka, juga menjelaskan nilai-nilai keimanan pada penghabisan peristiwa itu:

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

"Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang kafir (tentera-tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."(25)

Peperangan Ahzab itu telah bermula kemudian terus berlangsung dan akhirnya tamat. Allahlah yang memegang teraju peperangan itu. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak iradat-Nya. Hakikat ini telah diterangkan oleh ayat Al-Qur'an yang tersebut dengan gaya pengungkapannya yang tersendiri, di mana segala peristiwa dan akibat telah disandarkan secara langsung kepada Allah Ta'ala untuk menjelaskan hakikat ini dan menyematkannya di dalam hati dan menerangkan kefahaman Islam yang betul.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Kekalahan itu bukan sahaja menimpa kaum Musyrikin Quraysy dan Ghatafan, malah turut menimpa Bani Qurayzah juga, iaitu kaum Yahudi yang menjadi sekutu kaum Musyrikin:

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَـٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ مِن صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾ وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَـٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan (26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Cerita (kekalahan Bani Qurayzah) ini memerlukan sedikit penjelasan mengenai kisah kaum Yahudi dengan kaum Muslimin.

Sikap Kaum Yahudi Di Madinah Terhadap Kaum Muslimin

Orang-orang Yahudi di Madinah tidak pernah berdamai dengan Islam sejak kedatangannya kepada mereka kecuali dalam masa yang pendek sahaja. Rasulullah s.a.w. telah mengadakan perjanjian damai dengan mereka pada permulaan kedatangan beliau ke Madinah. Dalam perjanjian itu beliau mewajibkan mereka bekerjasama dan membantu untuk menjaga keselamatan Madinah serta mengenakan syarat supaya mereka jangan melakukan pengkhianatan, perbuatan-perbuatan yang jahat, pengintipan dan supaya mereka jangan membantu musuh dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyakiti.

Tetapi tidak lama kemudian kaum Yahudi merasa bahawa agama yang baru ini mengancam kedudukan tradisional mereka selaku Ahlil-Kitab yang pertama kerana dengan sifat inilah membolehkan mereka meni'mati kedudukan yang tinggi selama ini di kalangan penduduk Madinah. Mereka juga merasa terancam dengan peraturan baru masyarakat Madinah yang dibawa oleh Islam di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. Sebelum ini mereka dapat mempergunakan keadaan permusuhan yang wujud di antara suku Aus dan Khazraj itu untuk mendapat kedudukan yang tinggi di Madinah, tetapi sekarang apabila Islam telah berjaya menyatupadukan Aus dan Khazraj di bawah pimpinan Nabi mereka yang mulia, maka kaum Yahudi tidak lagi berpeluang mendapat air yang keruh untuk mereka menangguk keuntungan di antara dua puak itu.

Yang menjadi pukulan yang amat hebat kepada kaum Yahudi ialah apabila Abdullah ibn Salam pendeta dan ahli agama mereka yang terkenal itu memeluk Islam. Allah telah membuka pintu hatinya kepada agama Islam lalu dia memeluknya kemudian dia menyuruh semua ahli rumahnya supaya memeluk Islam dan mereka semua telah menganut Islam bersamanya. Tetapi apabila dia bimbang jika dia mengumumkan keislamannya tentulah orang-orang Yahudi akan membuat berbagai-bagai tuduhan terhadapnya, maka kerana itu dia telah meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau bertanya kepada orang-orang Yahudi tentang peribadinya sebelum dia mengumumkan keislamannya kepada mereka. Apabila ditanya, mereka menjawab: Dia (Abdullah) itu penghulu kami dan anak penghulu kami, juga pendeta kami dan orang alim kami. Ketika inilah Abdullah ibn Salam keluar mendapatkan mereka dan meminta mereka supaya beriman sepertinya. Di sinilah mereka terperangkap. Lalu mereka melemparkan kata-kata yang buruk kepada Abdullah ibn Salam dan mengingatkan suku-suku Yahudi supaya berwaspada

terhadapnya. Kini mereka merasa kedudukan keagamaan dan politik mereka benar-benar terancam. Oleh itu mereka mengambil keputusan untuk melancarkan tentangan yang tidak mengenal damai terhadap Muhammad s.a.w.

Sejak itu bermulalah peperangan yang tidak pernah damai di antara kaum Yahudi dan Islam sehingga hari ini.

Ia bermula dengan perang dingin menurut istilah sekarang, iaitu peperangan propaganda terhadap Muhammad s.a.w. dan terhadap Islam. Di dalam peperangan ini orang-orang Yahudi telah menggunakan berbagai-bagai cara yang terkenal di dalam sejarah mereka. Mereka menggunakan cara menaburkan keraguan terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. dan melemparkan kekeliruan-kekeliruan di sekitar agama yang baru itu. Mereka menggunakan cara melaga-lagakan di antara orang-orang Islam, sekali di antara Aus dan Khazraj dan sekali pula di antara orang-orang Ansar dan Muhajirin. Mereka menggunakan cara mengintip orang-orang Islam untuk kepentingan musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin. Mereka menggunakan orang-orang dalam yang diambil dari orang-orang Munafiqin yang berpura-pura Islam untuk mencetuskan fitnah di dalam barisan orang-orang Islam. Akhir sekali mereka menunjukkan tembelang diri mereka yang sebenar dan menggunakan cara mengemblengkan tenaga untuk menyerang kaum Muslimin sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Al-Ahzab.

Suku-suku kaum Yahudi yang terpenting ialah Bani Qaynuqa', Bani an-Nadhir dan Bani Qurayzah dan setia suku itu masing-masing mempunyai masalah dengan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam.

Suku Bani Qaynuqa' merupakan satu suku Yahudi yang paling berani. Mereka menaruh dendam terhadap kaum Muslimin apabila mereka mendapat kemenangan di dalam Peperangan Badar. Mereka bertindak mengganggu orang-orang Islam dan memungkiri perjanjian yang wujud di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. kerana bimbangkan kedudukan beliau akan menjadi begitu kuat hingga tidak mampu lagi ditentang mereka apatah lagi setelah beliau berjaya mengalahkan kaum Quraysy dalam peperangan pertama di antara beliau dengan mereka.

Ibn Hisyam telah menceritakan hal mereka di dalam as-Sirah melalui saluran Ibn Ishaq katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah Rasulullah s.a.w. telah mengumpul mereka di pasar Bani Qaynuqa' lalu bersabda kepada mereka: "Wahai sekalian orang-orang Yahudi! Takutilah kepada kemurkaan Allah sebagaimana yang telah menimpa kaum Quraysy, peluklah agama Islam kerana kamu telah pun mengetahui bahawa saya adalah seorang Nabi yang diutuskan Allah. Semua ini terdapat di dalam kitab suci kamu dan dalam janji Allah kepada kamu." Jawab mereka:" Wahai Muhammad, janganlah engkau tertipu apabila engkau mendapat kesempatan mengalahkan kaum (Quraysy) yang tidak tahu berperang itu. Kami, demi Allah, jika kami memerangi engkau, nescaya tahulah engkau bahawa kamilah orang-orang yang sebenar handal".

Ibn Hisyam juga telah menceritakan hal mereka melalui saluran Abdullah ibn Ja'far katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah ada seorang perempuan Arab datang menjual barangnya di pasar Bani Qaynuqa'. Kemudian perempuan itu duduk bersama seorang tukang emas di pasar itu. Orang-orang Yahudi di situ mahu dia membuka mukanya, tetapi dia enggan lalu tukang emas itu mengambil hujung kain perempuan itu dan mengikatkannya di belakangnya. Apabila perempuan itu bangkit berdiri maka kainnya terus terselak mendedahkan auratnya. Mereka pun ketawa lalu perempuan itu menjerit menyebabkan seorang Islam menyerbu ke arah tukang emas itu dan membunuhnya, lalu orang-orang Yahudi menyerang orang Islam itu dan membunuhnya. Kemudian keluarga, orang Islam itu menyeru kaum Muslimin melawan orang-orang Yahudi itu menyebabkan mereka marah, lalu terjadilah suatu pergaduhan di antara mereka dengan kaum Yahudi Bani Qaynuqa'.

Ibn Ishaq telah menyambungkan cerita ini katanya:

Lalu Rasulullah s.a.w. mengepung Bani Qaynuqa' sehingga mereka bersetuju menerima pengadilannya. Ketika inilah Abdullah ibn Ubay ibn Salul tampil menemui beliau seraya berkata: "Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik" (ketika itu Bani Qaynuqa' menjadi sekutu orang-orang Khazraj), tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menghirau permintaannya, lalu dia merayu lagi, ("Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik"). Rasulullah s.a.w. (sekali lagi) berpaling darinya, lalu dia memasukkan tangannya ke dalam saku baju besi Rasulullah s.a.w. Dan beliau pun bersabda kepadanya: "Lepaskan aku". Rasulullah s.a.w. kelihatan sangat marah hingga wajahnya berubah dan bersabda lagi: "Lepaskan aku". Jawab Abdullah: "Tidak, demi Allah saya tidak lepaskan anda sehingga anda berjanji memberi layanan yang baik kepada suku-suku saya. Mereka terdiri dari empat ratus orang yang tidak berbaju besi dan tiga ratus orang yang berbaju besi. Mereka telah mempertahankan saya dari orang-orang Arab dan bukan Arab. Anda boleh membunuh mereka dalam satu pagi sahaja. Sesungguhnya, demi Allah, saya takut ditimpa malapetaka". Kemudian Rasulullah s.a.w. menjawab: "Baiklah aku serahkan mereka kepada engkau".

Abdullah ibn Ubay ibn Salul pada masa itu masih mempunyai kedudukan di kalangan kaumnya. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. berkenan menerima permintaannya mengenai Bani Qaynuqa' dengan syarat mereka meninggalkan negeri Madinah. Mereka dibolehkan mengambil harta benda mereka bersama

mereka kecuali senjata. Dengan ini terselamatlah negeri Madinah dari satu masyarakat Yahudi yang mempunyai kekuatan yang penting.

Adapun kaum Yahudi Bani an-Nadhir pula, Rasulullah s.a.w. telah keluar untuk menemui mereka di dalam tahun yang Keempat Hijrah selepas Peperangan Uhud dengan tujuan menuntut mereka supaya bersama-sama membayar diyat dua orang yang terbunuh mengikut perjanjian yang telah dimeteraikan di antara beliau dengan mereka. Apabila beliau menemui mereka, mereka pun berkata: "Baiklah, wahai Abul-Qasim, kami boleh menolong anda memenuhi permintaan yang dipinta anda itu." Tetapi apabila mereka berkumpul sesama mereka secara diam-diam mereka berkata: Kamu tidak akan menemui lelaki ini (Muhammad) dalam keadaannya yang seperti sekarang. Oleh itu siapa di antara kamu yang sanggup naik ke atas rumah ini dan menggugur batu ke atasnya supaya kita terselamat darinya? Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk di tepi dinding rumah mereka.

Apabila mereka hendak bertindak melaksanakan rancangan mereka yang jahat itu, Allah mengilhamkan kepada Rasulullah s.a.w. dan mendedahkan rancangan mereka terhadap beliau, lalu beliau pun bangkit dari tempat ini dan terus keluar pulang ke Madinah. Beliau memerintah kaum Muslimin supaya bersiap sedia untuk memerangi Bani an-Nadhir itu. Mereka berkubu di dalam kubu-kubu mereka dan Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiqin telah mengirim utusannya kepada mereka meminta mereka supaya bertahan dengan gagah berani dan gigih. Katanya: "Kami tidak akan menyerahkan kamu (kepada Muhammad) jika kamu diserang, kami akan berperang bersama-sama kamu dan jika kamu diusir keluar, kami akan keluar bersama-sama kamu". Tetapi orang-orang Munafiqin tidak memenuhi janji mereka dan Allah telah mencampakkan perasaan takut ke dalam hati Bani an-Nadhir, lalu mereka menyerah diri tanpa perang dan pertempuran. Mereka meminta Rasulullah s.a.w. supaya bersetuju melepaskan mereka keluar (dari Madinah) dan memelihara darah mereka dengan syarat mereka dapat membawa harta benda mereka sekadar yang dapat dibawa oleh unta-unta mereka kecuali senjata. Rasulullah s.a.w. telah bersetuju dengan permintaan mereka. Mereka pun keluar menuju Khaybar dan setengahnya menuju ke Syam. Di antara pembesar-pembesar mereka yang menuju Khaybar ialah Salam ibn Abul-Haqiq, Kinanah ibn Ar-Rabi' ibn Abul-Haqiq dan Huyai bin Akhtab. Merekalah tokoh-tokoh yang disebut-sebut sebagai orang-orang yang berusaha mengemblengkan kaum Musyrikin Quraysy dan suku Ghatafan (untuk memerangi kaum Muslimin) di dalam Peperangan Ahzab.

* * * * * *

Sekarang tibalah kita kepada kisah peperangan Bani Qurayzah. Di dalam Peperangan Ahzab. Dahulu telah pun diceritakan tentang pendirian mereka yang telah berpaling tadah menyebelahi kaum Musyrikin untuk memerangi kaum Muslimin dengan hasutan pemimpin-pemimpin Bani an-Nadhir terutama Huyai ibn Akhtab. Tindakan Bani Qurayzah membatalkan perjanjian yang dimeteraikan dengan Rasulullah s.a.w. di masa itu lebih menyulitkan kaum Muslimin dari menghadapi serangan tentera-tentera gabungan dari luar Madinah.

Di antara cerita yang dapat menggambarkan betapa besarnya ancaman yang dihadapi kaum Muslimin dan betapa besarnya kebimbangan yang ditimbulkan oleh tindakan Bani Qurayzah yang membatalkan perjanjian itu ialah cerita yang menerangkan apabila berita pembatalan perjanjian itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., beliau pun mengutus Sa'd ibn Mu'az ketua suku Aus, Sa'd ibn 'Ubbadah ketua suku Khazraj bersama-sama Abdullah ibn Rawahah dan Khawwat ibn Jubayr r.a. Sabda beliau: "Pergilah tengok apakah benar berita tindakan kaum Yahudi itu atau tidak? Jika benar berilah satu isyarat yang dapat aku memahaminya dan janganlah kamu menimbulkan keadaan pecah belah pada orang ramai (dengan menghebohkan berita itu), dan jika mereka masih lagi menghormati perjanjian di antara kita dengan mereka, maka hendaklah kamu hebohkan berita kepada mereka.", Cerita ini menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menduga kesan berita itu kepada orang ramai Muslimin.

Lalu rombongan itu pun keluar menemui Bani Qurayzah dan mereka dapati keadaan mereka lebih buruk dari berita yang sampai kepada mereka. Mereka mencaci Rasulullah s.a.w. Mereka berkata: Siapakah Rasulullah? Tiada perjanjian dan tiada persetujuan di antara kami dengan Muhammad. Kemudian rombongan itu pulang menyampaikan berita itu kepada Rasulullah s.a.w. secara sindiran bukannya secara terus terang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai kaum Muslimin! Bergembiralah!" (Beliau berkata begitu dengan tujuan menguatkan semangat kaum Muslimin dari kesan berita yang buruk itu menjalar di dalam barisan mereka).

Ujar Ibn Ishaq: Pada masa inilah kaum Muslimin mengalami kesusahan dan kecemasan yang amat berat. Mereka dikepung musuh dari hulu dan hilir sehingga mereka menaruh berbagai-bagai sangkaan dan setengah-setengah orang Munafiqin memperlihatkan sikap talam dua muka...... hingga akhir.

Demikianlah suasana di dalam masa Peperangan Ahzab:

Hukuman Ke Atas Bani Qurayzah

Apabila Allah S.W.T. menolong Nabi-Nya dengan memberi kemenangan kepada beliau dan mengusir musuh-musuhnya balik membawa dendam kesumat

mereka, maka beliau pun pulang ke Madinah dan kaum Muslimin pun meletakkan senjata-senjata mereka. Ketika Rasulullah s.a.w. sedang bermandi manda membersihkan dirinya dari debu-debu perjuangan di rumah Ummu Salamah r.a., tiba-tiba Jibril a.s. menjelma dan berkata kepadanya: "Adakah anda telah meletakkan senjata, wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah s.a.w.: 'Ya.' Kata Jibril: "Tetapi para malaikat belum lagi meletakkan senjata mereka dan inilah masa kembali memburu musuh." Kemudian Jibril berkata: "Sesungguhnya Allah memerintah anda bangkit menyerang Bani Qurayzah". Mereka tinggal beberapa batu dari Madinah. Peristiwa ini berlaku selepas sembahyang Zohor. Rasulullah s.a.w. telah berpesan (kepada kaum Muslimin). "Jangan sesiapa pun sembahyang 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah." Apabila mereka berada di tengah perjalanan, waktu 'Asar pun masuk lalu setengah mereka menunaikan sembahyang dengan memberi alasan bahawa tujuan pesanan Rasulullah s.a.w. tadi ialah untuk mempercepatkan perjalanan sahaja, sementara yang lain berkata: Kami tidak akan menunaikan solat 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah. Tiada seorang pun dari dua puak itu mencela satu sama lain.

Pemergian mereka diikuti oleh Rasulullah s.a.w. Beliau telah melantik Abdullah ibn Ummi Maktum sebagai pemangku pemerintah Madinah dan menyerahkan panji-panji angkatan tentera kepada Ali ibn Abu Talib r.a. Beliau telah memerangi Bani Qurayzah dan mengepung mereka selama dua puluh lima malam. Setelah dikepung sebegitu lama, maka pada akhirnya mereka bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan yang akan dibuat terhadap mereka oleh Sa'd ibn Mu'az. ketua suku Aus r.a. kerana Bani Qurayzah merupakan sekutu suku Aus di zaman jahiliah. Mereka percaya bahawa Sa'd ibn Mu'az akan memberi keputusan yang baik kepada mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul terhadap sekutunya kaum Yahudi Bani Qaynuqa' sehingga dia dapat meminta Rasulullah s.a.w. membebaskan Bani Qaynuqa'. Oleh itu mereka fikir bahawa Sa'd juga akan berbuat seperti Abdullah ibn Ubay terhadap mereka. Mereka tidak tahu bahawa Sa'd r.a. telah mendapat kecederaan akibat terkena anak panah di dalam Peperangan Ahzab menyebabkan urat nadi lengannya terputus dan darah keluar tidak berhenti. Rasulullah s.a.w. telah membakarkan luka itu dengan besi panas untuk memberhentikan darahnya dan menempatkannya di sebuah khemah rawatan di dalam masjid agar beliau dapat melawatnya dari dekat. Sa'd telah berdo'a kepada Allah: 'Ya Allah, jika Engkau telah menetapkan ada lagi peperangan dengan kaum Quraysy, maka panjangkanlah umur kami untuk menghadapi peperangan itu, dan jika Engkau telah memberhentikan peperangan di antara kami dengan mereka, maka hindarkannya, dan janganlah Engkau matikan daku sehingga hatiku puas membalas perbuatan Bani Qurayzah." Do'anya telah diperkenankan Allah S.W.T. Mereka telah ditaqdirkan bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan Sa'd terhadap mereka dengan pilihan dan permintaan mereka sendiri.

Ketika itulah Rasulullah s.a.w. menjemput Sa'd dari Madinah supaya datang mengadili Bani Qurayzah. Apabila dia datang dengan menunggang keldai yang khusus disediakan untuknya, maka orang-orang Aus pun datang merayu kepadanya. Mereka berkata: "Wahai Sa'd! Mereka (Bani Qurayzah) itu adalah bekas sekutu-sekutu engkau. Adililah mereka dengan baik." Orang-orang Aus terus memujuk Sa'd supaya kasihan belas kepada Bani Qurayzah, tetapi Sa'd mendiamkan diri dan apabila mereka terus mendesaknya, diapun berkata: "Sekarang sampailah masa kepada Sa'd membuat keputusan yang tegas kerana Allah tanpa mengindahkan celaan siapa pun." Mendengar jawapan ini mereka pun faham bahawa Sa'd tidak akan membiarkan Bani Qurayzah itu hidup.

Apabila Sa'd menghampiri khemah Rasulullah s.a.w., beliau bersabda (kepada perajurit-perajurit Islam): "Berdirilah kamu sekalian menyambut ketua kamu". Mereka sekalian berdiri dan menurunkan Sa'd dari kenderaannya kerana menghormati kedudukannya agar ia lebih berwibawa mengenakan hukuman terhadap Bani Qurayzah.

Apabila Sa'd duduk, Rasulullah s.a.w. pun bersabda kepadanya: "Mereka ini", beliau menunjuk kepada Bani Qurayzah, "telah bersetuju untuk menerima sebarang hukuman engkau. Oleh itu hukumkan mereka dengan apa sahaja hukuman yang disukai engkau." Lalu Sa'd r.a. bertanya: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas mereka?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas orang-orang yang ada di dalam khemah ini?" Jawab beliau: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya juga akan diluluskan oleh orang yang berada di sebelah ini?" (Dia menunjukkan ke pihak Rasulullah s.a.w. sambil memalingkan mukanya dari beliau kerana menghormatinya). Jawab beliau: "Ya". Kemudian Sa'd r.a. pun berkata: "Saya membuat keputusan semua perajurit mereka dibunuh, zuriat mereka ditawan dan harta benda mereka dirampas." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Engkau telah menghukumkan dengan hukuman Allah dari atas tujuh petala langit".

Kemudian Rasulullah s.a.w. memerintah supaya digalikan parit dan apabila parit-parit itu siap digali, mereka pun dibawa ke sana dengan tangan yang terikat ke belakang dan dipancung jumlah mereka ialah di antara tujuh dan lapan ratus orang. Kanak-kanak mereka yang belum baligh dan wanita-wanita mereka dijadikan tawanan dan harta benda mereka dirampas, termasuk dalam kumpulan yang dibunuh itu ialah Huyai ibn Akhtab (pemimpin Bani an-Nadhir) yang turut masuk ke dalam kubu Bani Qurayzah sebagai menepati janjinya dengan mereka.

Sejak hari itu lemahlah pengaruh Yahudi dan gerakan talam dua muka di Madinah. Kaum

Munafiqin menundukkan kepala mereka dan merasa gentar terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Selepas peristiwa-peristiwa ini kaum Musyrikin tidak lagi berfikir dan merancang untuk memerangi kaum Muslimin, malah sebaliknya kaum Musliminlah yang memerangi mereka sehingga sampai kepada masa pena'lukan Makkah dan Ta'if. Dapatlah dikatakan bahawa di sana ada hubungan yang rapat di antara gerakan Yahudi dengan gerakan orang-orang Munafiqin dan kaum Musyrikin. Pengusiran Yahudi dari negeri Madinah telah menamatkan hubungan itu. Di sini dapatlah dilihat satu perbezaan yang amat jelas di antara dua zaman itu di dalam sejarah pertumbuhan dan kemantapan kerajaan Islam.

* * * * * *

Tepatlah seperti firman Allah:

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾

وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan(26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Yang dimaksudkan dengan tanah-tanah yang diwarisi oleh kaum Muslimin yang belum dipijak mereka mungkin tanah-tanah kepunyaan Bani Qurayzah yang berada di luar perkampungan mereka, kerana harta-harta itu semua termasuk di dalam harta benda mereka yang menjadi milik kaum Muslimin, mungkin juga ungkapan itu merupakan isyarat bahawa Bani Qurayzah akan menyerah tanah-tanah mereka tanpa perang. Jadi maksud "pijak" di dalam ayat ini ialah "perang".

"Dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Ayat ini merupakan ulasan yang diambil dari alam kenyataan. Ulasan ini mengembalikan segala perkara kepada Allah. Ayat yang telah lepas juga, iaitu ketika menceritakan kisah peperangan ini telah mengembalikan segala urusan kepada Allah. Ia menyandarkan tindakan-tindakan di dalam peperangan itu secara langsung kepada Allah untuk menegakkan hakikat yang agung ini, iaitu hakikat yang telah ditanamkan Allah di dalam hati kaum Muslimin dengan perantaraan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan dengan penerangan Al-Qur'an selepas berlakunya peristiwa-peristiwa itu supaya menjadi asas kefahaman Islam di dalam jiwa mereka.

* * * * * *

Demikianlah tamatnya tayangan peristiwa yang amat besar, iaitu satu peristiwa yang mengandungi peraturan-peraturan, nilai-nilai, arahan-arahan dan dasar-dasar yang dibawa oleh Al-Qur'an untuk diterapkan ke dalam hati kaum Muslimin dan kehidupan mereka.

Demikianlah peristiwa-peristiwa yang berlaku itu menjadi bahan tarbiyah dan Al-Qur'an menjadi pemandu dan penterjemah kehidupan dan peristiwa-peristiwanya, juga penterjemah arah aliran dan kefahaman-kefahamannya. Kini nilai-nilai telah mantap dan hati menjadi tenang dan yakin melalui ujian-ujian Ilahi dan bimbingan Al-Qur'an.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Satu)

JUZU' KE-22
SURAH
AL-AHZAB

JUZU' YANG KEDUA PULUH DUA

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

SURAH AL-AHZAB (SAMBUNGAN)

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 35)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ
سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾

وَإِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلدَّارَ ٱلْـَٔاخِرَةَ
فَإِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَـٰتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

يَـٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ مَن يَأْتِ مِنكُنَّ بِفَـٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ
يُضَـٰعَفْ لَهَا ٱلْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ ۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ
عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

وَمَن يَقْنُتْ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعْمَلْ صَـٰلِحًا
نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

يَـٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ ۚ إِنِ ٱتَّقَيْتُنَّ
فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ
وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَـٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ
وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ
عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَـٰتِ
ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّ ٱلْمُسْلِمِينَ وَٱلْمُسْلِمَـٰتِ وَٱلْمُؤْمِنِينَ
وَٱلْمُؤْمِنَـٰتِ وَٱلْقَـٰنِتِينَ وَٱلْقَـٰنِتَـٰتِ وَٱلصَّـٰدِقِينَ
وَٱلصَّـٰدِقَـٰتِ وَٱلصَّـٰبِرِينَ وَٱلصَّـٰبِرَٰتِ وَٱلْخَـٰشِعِينَ
وَٱلْخَـٰشِعَـٰتِ وَٱلْمُتَصَدِّقِينَ وَٱلْمُتَصَدِّقَـٰتِ
وَٱلصَّـٰٓئِمِينَ وَٱلصَّـٰٓئِمَـٰتِ وَٱلْحَـٰفِظِينَ فُرُوجَهُمْ
وَٱلْحَـٰفِظَـٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا
وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا
عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik (28). Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu (29). Wahai isteri-isteri Nabi! Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan 'azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah (30). Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia (31). Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik (32). Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya (33). Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar (34). Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ta'at, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu', lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Pelajaran yang ketiga dari Surah al-Ahzab ini adalah khusus untuk para isteri Nabi s.a.w., selain dari ayat selingan akhir yang menjelaskan pahala kepada seluruh lelaki dan perempuan Islam. Di dalam ayat-ayat awal surah ini telah disebut bahawa para isteri Nabi itu telah digelarkan sebagai "Ibu-ibu para Mu'minin". Taraf keibuan yang tinggi ini mempunyai kewajipan-kewajipannya, dan kedudukan mereka sebagai isteri Nabi itu juga mempunyai tanggungjawab-tanggungjawabnya. Di dalam pelajaran ini disebut sebahagian dari kewajipan-kewajipan itu dan dijelaskan nilai-nilai yang dikehendaki Allah sebagai gambaran dan asas rumahtangga Nabi yang menjadi contoh teladan dan pedoman kepada orang-orang yang menuju jalan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Cara Hidup Berpada-pada Rasulullah s.a.w. Telah Menimbulkan Rungutan Para Isterinya Yang Mahukan Nafkah Yang Lebih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدۡنَ ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيۡنَ أُمَتِّعۡكُنَّ وَأُسَرِّحۡكُنَّ سَرَاحٗا جَمِيلٗا ﴿٢٨﴾

وَإِن كُنتُنَّ تُرِدۡنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَ فَإِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلۡمُحۡسِنَٰتِ مِنكُنَّ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٢٩﴾

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu menginginì kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik (28). Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu."(29)

Nabi s.a.w. telah memilih cara hidup berpada-pada untuk dirinya dan keluarganya. Ini bukan kerana beliau tidak mampu untuk hidup mewah, kerana beliau telah hidup hingga ke zaman mewah, di mana banyak negeri-negeri terta'luk kepadanya dan banyak harta-harta rampasan perang diperolehinya dan di mana orang-orang Islam yang dahulunya tidak mempunyai harta dan bekalan makanan telah menjadi senang. Namun begitu dalam sebulan kadang-kadang dapur rumahnya tidak juga berasap walaupun beliau begitu murah bersedekah, memberi dan menghadiah. Tetapi itulah pilihan beliau yang meletakkan dirinya lebih tinggi dari kemewahan hidup dunia, dan itulah keinginan beliau yang tulus mencari keredhaan di sisi Allah, iaitu keinginan seorang yang mampu hidup mewah tetapi dia sengaja tidak mahu, dan meletakkan dirinya lebih tinggi darinya dan sengaja memilih (cara hidup yang seperti itu). Rasulullah s.a.w. bukanlah diwajibkan oleh 'aqidah dan syari'at supaya beliau dan keluarganya hidup seperti itu. Keni'matan-keni'matan dan kesenangan-kesenangan hidup itu bukanlah diharamkan kepadanya mengikut 'aqidah dan syari'at dan beliau tidak sekali-kali mengharamkan keni'matan-keni'matan itu kepada dirinya apabila keni'matan itu datang kepadanya secara spontan tanpa berusaha dengan susah payah, atau keni'matan itu berada di hadapannya secara kebetulan, tetapi beliau tidak mengejar dan menginginì keni'matan-keni'matan, tidak berpoya-poya di dalamnya dan tidak sibuk memikirkannya. Beliau tidak mentaklifkan umatnya supaya hidup seperti beliau kecuali mereka yang suka hidup begitu kerana meletakkan dirinya dimaqam yang mengatasi keni'matan-keni'matan hidup dan kerana mahu membebaskan dirinya dari belenggu keni'matan agar hidup merdeka dari keinginan dan kehendak-kehendak nafsu.

Tetapi para isteri Nabi s.a.w. adalah perempuan-perempuan dari manusia biasa. Mereka mempunyai perasaan-perasaan manusia. Walaupun mereka mempunyai kelebihan, kehormatan dan kedudukan yang amat dekat dengan sumber nubuwwah yang mulia, namun keinginan semulajadi mereka kepada keni'matan hidup itu tetap bersemarak di dalam hati mereka. Apabila mereka melihat keadaan hidup yang senang dan mewah yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'minin, mereka pun bersungut kepada Rasulullah s.a.w. tentang habuan nafkah mereka. Beliau tidak menyambut baik tuntutan mereka, malah beliau menyambutnya dengan dukacita dan dengan perasaan yang tidak senang, kerana beliau ingin mereka hidup dengan cara hidup yang telah dipilihnya, iaitu hidup bebas, luhur dan redha, sunyi dari kesibukan memikirkan urusan-urusan keni'matan hidup. Beliau mahu kehidupannya dan kehidupan mereka yang berada di dalam naungannya supaya tetap hidup di atas kemuncak yang gemilang itu, yang bersih dari pengaruh dan campuraduk hidup dunia ini bukan memandang dari segi halal dan haram, kerana perkara-perkara yang halal dan haram itu memang telah jelas, tetapi memandang dari segi kebebasan dari godaan-godaan kehidupan dunia yang murah.

Beliau amat dukacita dengan runtutan nafkah yang dikemukakan oleh para isterinya sehingga beliau mengasingkan diri dari para sahabatnya. Hal ini amatlah menyusahkan mereka. Mereka datang untuk menemui beliau, tetapi tidak diizinkan masuk.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Jabir r.a. katanya: Abu Bakr r.a. telah datang meminta izin untuk menemui. Rasulullah s.a.w. dan ramai orang duduk di pintunya, Rasulullah s.a.w. ketika itu sedang duduk, tetapi dia tidak diizin masuk. Kemudian datang pula 'Umar r.a. lalu meminta izin, tetapi tidak juga diizinkan. Setelah itu barulah beliau memberi izin kepada Abu Bakr dan 'Umar r.a., lalu

kedua-duanya masuk. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk dan dikelilingi oleh isteri-isterinya. Rasulullah s.a.w. diam tidak bercakap. 'Umar r.a. berkata: Aku pasti bercakap dengan Nabi s.a.w. semoga beliau ketawa. Lalu 'Umar r.a. pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tahukah anda anak perempuan Zaid (isteri 'Umar) tadi telah menuntut nafkah (yang lebih) dari saya, lalu saya pukul lehernya?" Nabi s.a.w. terus ketawa hingga ternampak geraham-gerahamnya dan bersabda: "Mereka yang ada di sekelilingku ini juga menuntut nafkah dariku". Lalu Abu Bakr r.a. bangun menuju kepada 'Aisyah untuk memukulnya, dan 'Umar r.a. juga bangun menuju kepada Hafsah. Kedua-duanya berkata: "Apakah engkau berdua mahu menuntut sesuatu yang tidak ada pada beliau?" Lalu ditahan oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian para isteri Nabi s.a.w. pun berkata: "Demi Allah selepas majlis ini, kami tidak akan menuntut kepada Nabi s.a.w. sesuatu yang tidak ada pada beliau." Ujar rawi, di sini Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat yang memberi pilihan kepada mereka, lalu beliau pun menyampaikan pilihan itu mula-mula kepada "Aisyah r.a. seraya bersabda: "Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan oleh engkau), tetapi abang tidak suka engkau mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga engkau (lebih dahulu) berunding dengan dua orang tua engkau". Lalu 'Aisyah r.a. bertanya: "Apa dia?" Kata rawi, beliau pun membaca ayat:

يأيها النبي قل لأزوجك إن كنتن تردن الحيوة الدنيا...
وزينتها فتعالين أمتعكن وأسرحكن سراحاً جميلاً
﴿٢٨﴾ وإن كنتن تردن الله ورسوله والدار الأخرة فإن
الله... أعدللمحسنت منكن أجراً عظيماً ﴿٢٩﴾

Lalu 'Aisyah r.a. berkata: "Adakah dalam perkara hendak memilih abang, hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Bahkah hamba tetap memilih Allah dan Rasul-Nya, tetapi hamba harap abang tidak menceritakan pilihan hamba ini kepada mana-mana isteri abang yang lain". Jawab Rasulullah s.a.w.:[7]

إن الله تعالى لم يبعثني معنفاً، ولكن بعثني معلماً ميسراً، لا
تسألني امرأة منهن عما اخترت إلا أخبرتها

"Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih engkau melainkan abang akan ceritakannya kepada dia."

Mengikut riwayat al-Bukhari dengan sanadnya dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman bahawa 'Aisyah r.a. isteri Nabi s.a.w. telah menceritakan kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah datang mendapatkannya apabila Allah Ta'ala menyuruh beliau memberi pilihan kepada para isterinya. Kata 'Aisyah: Rasulullah s.a.w. telah mulakan dengan aku dengan sabdanya, "Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan engkau), oleh itu janganlah engkau terburu-buru mengambil keputusan sehingga engkau berunding dengan dua orang tua engkau". Sedangkan beliau memang tahu bahawa orang tuaku tidak akan menyuruhku bercerai dengan beliau. Kata 'Aisyah: Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدۡنَ ٱلۡحَيَوٰةَ
ٱلدُّنۡيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيۡنَ أُمَتِّعۡكُنَّ وَأُسَرِّحۡكُنَّ
سَرَاحٗا جَمِيلٗا ﴿٢٨﴾

Lalu aku pun berkata: Adakah kerana ini hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Sesungguhnya hamba tetap mahukan Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat.

Kedatangan Al-Qur'anul-Karim ialah untuk menggariskan nilai-nilai asasi dalam persepsi Islam terhadap hidup dunia. Nilai-nilai ini pastilah mempunyai terjemahannya yang hidup di dalam rumahtangga Nabi s.a.w. dan kehidupan peribadinya. Nilai-nilai ini pastilah dilaksanakan dengan gambaran yang sejelas-jelasnya di dalam rumahtangga beliau yang selama-lamanya menjadi pedoman kepada umat Muslimin dan agama Islam sehingga Qiamat.

Kedua-dua ayat yang menawarkan pilihan itu telah diturunkan untuk menggariskan jalan yang betul sama ada memilih hidup dunia dan hiasan-hiasannya yang indah atau memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, kerana hati yang satu itu tidak dapat mengisi dua persepsi terhadap hidup dunia dan Allah tidak menjadikan dua hati di dalam dada seseorang.

Para isteri Nabi s.a.w. telah pun mengambil keputusan: "Demi Allah, selepas majlis ini kami tidak akan menuntut kepada Rasulullah s.a.w. sesuatu yang tidak ada padanya": Ayat Al-Qur'an itu telah diturunkan untuk menjelaskan lunas persoalan ini. Masalah di sini bukannya masalah ada atau tidak ada pada Rasulullah s.a.w., tetapi masalahnya ialah membuat pilihan yang mutlak di antara memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat dengan memilih keni'matan dan kesenangan hidup dunia sama ada khazanah kekayaan bumi berada di dalam tangan mereka atau rumah mereka kosong dari bekalan-bekalan makanan. Mereka telah membuat pilihan yang mutlak iaitu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat setelah ditawarkan pilihan yang tegas ini. Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. melayakkan mereka berada di kemuncak yang tinggi yang sesuai dengan rumah

---

[7] *Muslim mengeluarkan hadith ini dari hadith Zakaria bin Ishaq.*

seorang Rasul yang agung. Menurut setengah-setengah riwayat, Nabi s.a.w. amat bergembira dengan keputusan ini.

Eloklah kita berhenti sebentar merenungi peristiwa ini dari beberapa sudutnya.

Peristiwa ini menggariskan persepsi Islam yang jelas terhadap nilai-nilai. Ia menggariskan jalan kesedaran dan perasaan terhadap dunia dan Akhirat. Ia menghapuskan di dalam hati Muslim segala rasa teragak-agak dan terumbang-ambing di antara memilih nilai-nilai dunia dengan memilih nilai-nilai Akhirat, di antara menuju ke hala bumi dengan menuju ke hala langit. Ia membersihkan hati dari segala hubungan yang asing yang menjadi penghalang di antaranya dengan ketulusannya terhadap Allah Yang Tunggal.

Dalam satu segi yang lain pula, peristiwa ini menggambarkan kepada kita hakikat kehidupan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang hidup bersamanya dan berhubung dengannya. Yang paling indah dari hakikat ini ialah kehidupan mereka adalah satu kehidupan seorang manusia biasa, iaitu manusia yang tidak terlepas dari sifat-sifat, perasaan-perasaan dan ciri-ciri mereka sebagai manusia di samping sifat-sifat keagungan mereka yang unik dan ketulusan mereka kepada Allah Yang Tunggal. Perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen manusia tidak mati di dalam hati mereka, malah meningkat ketahap yang luhur dan bersih dari noda-noda campuraduk. Tabi'at manusia yang manis tetap ada pada mereka, dan tabi'at ini tidak menghalangi jiwa mereka dari meningkat ke darjat yang paling sempurna yang disediakan kepada manusia.

Para Rasul Mempunyai Perasaan Dan Sentimen Yang Sama Dengan Manusia Lain

Kita sering kali tersilap apabila kita menggambarkan Nabi s.a.w. dan para sahabatnya dengan gambaran yang tidak sebenar dan tidak lengkap, iaitu gambaran di mana kita membersihkan mereka dari segala perasaan dan sentimen manusia dengan anggapan bahawa dengan gambaran ini kita menaikkan darjat mereka dan membersihkan diri mereka dari segala sesuatu yang kita fikirkannya sebagai cacat dan lemah.

Kesilapan itu melukiskan gambaran yang tidak berpijak di alam kenyataan, iaitu gambaran yang disalutkan dengan lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan yang kabur menyebabkan sifat-sifat mereka sebagai manusia tidak ketara lagi, dan kerana itu terputuslah hubungan manusia di antara kita dengan mereka. Rupa mereka di dalam hati kita di tengah-tengah lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan itu kelihatan lebih dekat kepada, bayang-bayang yang tidak dapat disentuh dan dipegang dengan tangan hingga kita merasakan mereka seolah-olah satu makhluk yang berlainan dari kita atau mereka seolah-olah malaikat atau makhluk lain seumpamanya yang sama sekali tidak mempunyai perasaan dan sentimen manusia. Walaupun gambaran khayal ini begitu indah dan berkaca-kaca, namun ia menjauhkan mereka dari lingkungan kita hingga kita tidak dapat lagi mencontohi dan mengikut jejak mereka kerana berputus asa dari kemungkinan dapat meniru mereka secara amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Dengan gambaran sedemikian, hilanglah sepenting-penting unsur penggerak di dalam pelajaran sirah, iaitu unsur yang merangsangkan perasaan kita untuk meniru dan mengambil contoh teladan, kerana yang mengambil tempat unsur ini ialah perasaan kekaguman dan keta'juban yang tidak menghasilkan apa-apa selain dari satu perasaan yang kabur dan tidak jelas, walaupun perasaan ini menarik tetapi ia tidak melahirkan kesan amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Kemudian kita juga kehilangan hubungan harmoni yang saling berinteraksi yang hidup di antara kita dengan tokoh-tokoh yang agung itu, kerana hubungan yang saling berinteraksi itu hanya wujud sebagai hasil dari perasaan kita bahawa mereka adalah manusia yang sebenar, yang hidup dengan sentimen-sentimen, perasaan-perasaan dan emosi-emosi yang sama dengan jenis perasaan-perasaan, sentimen-sentimen dan emosi-emosi yang ada pada kita, tetapi mereka telah meningkat ke taraf yang luhur dan bersih dari noda-noda yang bercampur dengan perasaan-perasaan kita.

Hikmat kebijaksanaan Allah amat jelas apabila Dia memilih para rasul-Nya dari jenis manusia juga bukan dari jenis malaikat atau dari jenis makhluk yang lain dari manusia, supaya hubungan yang sebenar tetap wujud di antara kehidupan para rasul dengan kehidupan para pengikut mereka, dan supaya pengikut-pengikut mereka merasa bahawa hati mereka diselubungi perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen dari jenis perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen seperti mereka juga, walaupun perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen para rasul itu telah meningkat ke tahap yang luhur dan bersih. Dengan demikian dapatlah mereka menyintai mereka dengan kecintaan seorang manusia terhadap seorang manusia yang lain dan timbullah keinginan mereka untuk meniru mereka sebagai seorang manusia yang kecil meniru seorang manusia yang agung.

Dalam peristiwa yang menawar pilihan, itu kita berdepan dengan keinginan tabi'at semula jadi para isteri Nabi s.a.w. sebagai perempuan yang memang mengingini keni'matan. Di sini juga kita berdepan dengan gambaran kehidupan rumahtangga Nabi s.a.w. dengan para isterinya yang merungut dan mempersoalkan perkara nafkah kepada beliau. Perbuatan itu mengganggu ketenangan beliau, namun begitu beliau tidak menerima kehendak Abu Bakr dan 'Umar r.a. hendak memukul 'Aisyah dan Hafsah kerana perbuatan itu. Persoalan di sini ialah persoalan perasaan dan keinginan manusia yang bersih dan meningkat ke tahap yang luhur, tetapi

perasaan-perasaan itu tetap tidak padam dan terpendam. Demikianlah keadaan mereka sehingga datang perintah Allah menawarkan pilihan kepada mereka. Lalu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, dan pilihan itu dibuat mereka tanpa sebarang paksaan dan tekanan. Oleh kerana itu hati Rasulullah s.a.w. amat bergembira apabila beliau dapati hati para isterinya juga telah berjaya meningkat ke puncak yang luhur, bersih dan gemilang itu.

Kita juga berdepan dengan sentimen manusia yang manis pada hati Rasulullah s.a.w. Beliau amat kasih kepada 'Aisyah dan mahukan dia meningkat ke taraf nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Oleh kerana itu beliau mulakan dengan 'Aisyah apabila menawarkan pilihan Allah itu. Beliau mahu menolongnya untuk meningkat ke tahap yang luhur dan bersih itu. Beliau meminta kepadanya supaya jangan mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga dia berunding dengan dua orang tuanya sedangkan beliau memang tahu bahawa kedua-dua orang tuanya tidak akan menyuruh dia bercerai dengan beliau sebagaimana telah diterangkan olehnya sendiri. Sentimen yang manis di hati Nabi s.a.w. dapat ditangkap oleh daya kefahaman 'Aisyah, dan kerana itu dia dengan sukacita merakamkannya di dalam percakapannya. Di dalam percakapan ini juga dapat dilihat dengan jelas bahawa Rasulullah s.a.w. amat sayangkan isterinya yang muda itu dan kerana itu beliau mahukannya supaya meningkatkan dirinya ke tahap hidup yang dihayati beliau dan kekal bersama-sama beliau pada tahap itu, iaitu bersama-sama berkongsi nilai-nilai yang asasi itu di dalam hatinya sebagai nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Begitu juga dapat dilihat dengan jelas bahawa 'Aisyah r.a. adalah seorang isteri yang amat bergembira kerana mendapat tempat yang teguh di dalam hati Rasulullah s.a.w., kerana itu dia dengan sukacita merakamkan kasih sayang beliau terhadap dirinya dan kehendak beliau supaya dia berunding dengan dua orang tuanya untuk memilih puncak yang tinggi dan kekal bersama beliau di puncak yang gemilang itu. Kemudian di sini juga kita dapat perhatikan perasaan-perasaan keperempuanannya apabila dia meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menceritakan kepada isteri-isterinya yang lain bahawa dia telah memilih beliau apabila ditawarkan pilihan itu. Permintaan ini membayangkan keinginan 'Aisyah r.a. untuk memperlihatkan bahawa dia telah membuat pilihan yang unik dan berbeza di antara pilihan para isteri beliau yang lain atau dengan setengah-setengah isteri beliau yang lain, malah di sini juga kita dapat perhatikan dari satu sudut yang lain keagungan nubuwwah yang terkandung dalam jawapan Rasulullah s.a.w. apabila beliau bersabda kepada 'Aisyah r.a.: "Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih oleh engkau melainkan abang akan ceritakan kepada dia." Yakni beliau tidak suka menyembunyikan dari mana-mana isterinya sesuatu yang dapat menolong mereka ke arah kebaikan, begitu juga beliau tidak suka mengujikan dengan ujian yang menyukarkan mereka, malah beliau memberi pertolongan kepada setiap isteri yang berkehendakkan pertolongan supaya dia dapat meningkatkan dirinya ke tahap yang luhur dan dapat membebaskannya dari godaan-godaan kesenangan hidup dunia.

Inilah sifat-sifat manusia yang baik yang sayugia kepada kita - ketika menceritakan sirah - jangan menghapuskannya dan jangan mengabaikannya dan seterusnya jangan memperkecilkan nilai-nilainya, kerana dengan memahami hakikat sifat-sifat inilah dapat menjalinkan satu hubungan yang hidup di antara kita dengan syakhsiyah Rasulullah s.a.w. dan syakhsiyah para sahabatnya r.a., iaitu hubungan yang mengandungi rasa saling simpati dan saling mengerti yang merangsangkan hati untuk mencontohi dan meniru mereka di alam kenyataan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Tanggungjawab Isteri-isteri Rasulullah s.a.w.

Sekarang marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an setelah membuat selingan ini dan setelah menggariskan nilai-nilai dunia dan Akhirat dan membuktikan hikmat firman Allah: **"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam dadanya"** dalam satu gambaran amali yang berlaku di dalam kehidupan Nabi s.a.w. dan ahli rumahnya. Di dalam nas Al-Qur'an itu kita dapati ia mula menerangkan balasan khusus yang disediakan kepada para isteri Nabi s.a.w. sesuai dengan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah yang terpilih:

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ مَن يَأْتِ مِنكُنَّ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ يُضَٰعَفْ لَهَا ٱلْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ ۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

وَمَن يَقْنُتْ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعْمَلْ صَٰلِحًا نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Wahai isteri-isteri Nabi! Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan 'azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah (30). Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Itulah tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi selaku para isteri Rasulullah s.a.w. dan selaku ibu-ibu para Mu'minin. Sifat dan kedudukan inilah yang meletakkan kewajipan-kewajipan yang berat ke atas mereka dan memelihara mereka dari melakukan perbuatan yang keji. Andainya seorang dari mereka melakukan perbuatan yang keji secara terbuka, maka dia akan menerima hukuman 'azab dua kali ganda. Andaian itu bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi itu:

وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."(30)

Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. yang terpilih itu tidak menyukar Allah (untuk menghukum mereka) sebagaimana yang mungkin difikirkan oleh orang-orang yang tertentu.

وَمَن يَقْنُتْ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعْمَلْ صَٰلِحًا نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda, dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Amalan-amalan yang salih itu merupakan terjemahan amali dari keta'atan dan kerendahan diri kepada Allah:

وَتَعْمَلْ صَٰلِحًا نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ

"Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda"(31)

sebagaimana balasan 'azab terhadap mereka digandakan dua kali ganda.

وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Dan rezeki itu telah pun disediakan untuknya di samping pahala yang berlipat ganda sebagai limpah kurnia dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 34)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan kedudukan istimewa para isteri Rasulullah s.a.w. yang tidak ada pada perempuan-perempuan yang lain dan kewajipan-kewajipan mereka dalam melayani orang ramai, juga kewajipan-kewajipan mereka di dalam amal ibadat. Kemudian Al-Qur'an menerangkan kepada mereka bagaimana Allah memberi ri'ayah istimewa kepada rumahtangga Nabi yang mulia itu dan menjaganya dari segala noda-noda dan dosa dan mengingatkan mereka agar mengingatkan ayat-ayat Al-Qur'an dan hikmat yang dibaca di rumah-rumah mereka yang menjadikan mereka mempunyai tanggungjawab yang khusus dan meletakkan mereka pada kedudukan yang unik di antara seluruh perempuan-perempuan yang lain:

Kedudukan Para Isteri Rasulullah s.a.w. Sebagai Contoh Kepada Umat

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِىِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ ۚ إِنِ ٱتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik (32). Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya (33). Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."(34)

Ketika Islam datang, ia dapati masyarakat Arab sama seperti masyarakat-masyarakat yang lain yang wujud pada masa itu iaitu masyarakat yang memandang perempuan hanya sebagai alat keni'matan dan pemuasan-pemuasan hawa nafsu. Oleh kerana itu, dari segi insaniyah, masyarakat itu memandang kaum perempuan dengan pandangan yang rendah.

Begitu juga Islam dapati dalam masyarakat Arab semacam kekacauan di dalam hubungan-hubungan seks dan dapati peraturan kekeluargaannya tidak kukuh sebagaimana telah diterangkan di dalam surah ini.

Hal yang sedemikian ditambah pula dengan pandangannya yang rendah terhadap seks, kejatuhan

adirasa kecantikan, pemusatan minatnya kepada nafsu fizikal yang kuat dan tidak memberi perhatian kepada kecantikan yang luhur, tenang dan bersih. Semuanya dapat dilihat dengan jelas di dalam sajak-sajak jahiliyah yang berkisar di sekitar tubuh perempuan dan menekankan perhatiannya di sekitar anggota-anggota dan makna-makna yang paling kasar dari tubuh perempuan.

Apabila Islam datang, ia mulai meninggikan pandangan masyarakat terhadap seks dan menekankan sudut insaniyah di dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan, kerana hubungan itu bukanlah semata-mata bertujuan untuk memenuhi kelaparan jasad dan memadamkan keinginan nafsu daging dan darah yang kuat, malah hubungan itu merupakan pertalian di antara dua makhluk manusia yang diikatkan dengan kasih sayang. Pertalian itu melahirkan ketenangan dan kesenangan. Pertalian ini mempunyai matlamat yang berhubung kait dengan iradat Allah dalam penciptaan manusia, pembangunan di bumi dan pemerintahan manusia selaku khalifah di bumi dengan Sunnatullah.

Demikian Islam mulai memberi perhatian yang berat kepada pertalian-pertalian keluarga dan menjadikannya sebagai asas peraturan dan penyusunan masyarakat dan mengirakannya sebagai tapak semaian bagi pertumbuhan dan perkembangan generasi-generasi baru manusia. Islam mengadakan jaminan-jaminan untuk melindungi tapak semaian ini dan membersihkannya dari segala perasaan dan tanggapan yang mengotori udaranya.

Undang-undang keluarga mengambil ruang yang besar di dalam undang-undang Islam dan ruang yang amat nyata di dalam ayat-ayat Al-Qur'an. Di samping mengadakan undang-undang itu, Islam juga sentiasa memberi bimbingan untuk menguatkan asas yang pokok yang menjadi tapak tegak masyarakat itu terutama mengenai kebersihan jiwa, kebersihan perhubungan di antara lelaki dan perempuan dan memeliharakannya dari segala perbuatan yang tidak senonoh serta membersihkannya dari kerakusan nafsu walaupun di dalam hubungan jasad semata-mata.

Di dalam surah ini, peraturan masyarakat dan urusan keluarga telah mengambil ruang yang besar. Di dalam ayat-ayat yang sedang kita bicarakan sekarang ini terdapat firman-firman yang ditujukan kepada para isteri Nabi s.a.w. ia memberi arahan dan bimbingan kepada mereka mengenai hubungan mereka dengan orang ramai terutama mengenai diri mereka sendiri dan hubungan mereka dengan Allah. Allah berfirman kepada mereka:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذۡهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجۡسَ أَهۡلَ ٱلۡبَيۡتِ وَيُطَهِّرَكُمۡ تَطۡهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."(33)

Sekarang marilah kita perhatikan sarana-sarana untuk menghapuskan dosa dan sarana-sarana untuk membersihkan diri yang diterangkan Allah kepada mereka, sedangkan mereka adalah ahli rumah dan para isteri Nabi s.a.w. yang merupakan wanita-wanita yang paling bersih di antara seluruh wanita-wanita di muka bumi ini dan sedangkan wanita-wanita lain lebih memerlukan kepada sarana-sarana ini dari mereka yang hidup di bawah lindungan dan rumahtangga Rasulullah s.a.w.

Ia dimulai dengan menyedarkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan kelebihan mereka di atas seluruh wanita yang lain. Ia menerangkan bahawa kedudukan mereka adalah satu kedudukan yang unik di antara seturuh wanita di muka bumi ini dengan syarat mereka memenuhi hak-hak tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh kedudukan itu.

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ لَسۡتُنَّ كَأَحَدٖ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ إِنِ ٱتَّقَيۡتُنَّ

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu bertaqwa."(32)

Kamu berada pada kedudukan yang tidak dikongsi oleh mana-mana perempuan pun, tetapi kedudukan ini hanya dicapai dengan taqwa. Persoalan di sini bukannya persoalan semata-mata wujudnya hubungan yang dekat dengan Rasulullah s.a.w., malah pastilah dilaksanakan hak-hak tanggungjawab hubungan yang dekat itu pada diri mereka sendiri.

Itulah hak tanggungjawab yang berat yang menjadi landasan agama ini. Hak tanggungjawab ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau berseru kepada ahli rumahnya supaya jangan tertipu dengan kedudukan mereka yang dekat dengan beliau, kerana kedudukan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Sabda beliau:

يا فاطمة ابنة محمد. يا صفية ابنة عبد المطلب. يا بني عبد المطلب. لا أملك لكم من الله شيئاً. سلوني من مالي ما شئتم

"Wahai Fatimah anak Muhammad! Wahai Safiyah anak Abdul Muttalib! Wahai kaum keluarga Muttalib! Aku tidak memiliki apa-apa untuk menyelamatkan kamu dari 'azab Allah. Mintalah dari hartaku apa yang kamu suka." [8]

Di dalam satu riwayat yang lain.

يا معشر قريش أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني كعب أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني هاشم أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني عبد المطلب أنقذوا أنفسكم من النار. يا فاطمة بنت محمد أنقذي

---

[8] *Diriwayatkan oleh Muslim.*

نفسك من النار. فإني والله لا أملك لكم من الله شيأ، إلا أن لكم رحماً سأبلها ببلالها

"Wahai sekalian kaum Quraysy Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai kaum keluarga Abdul Muttalib! Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai Fatimah binti Muhammad! Selamatkan dirimu dari api Neraka, kerana sesungguhnya aku tidak milik apa-apa untuk menyelamatkan kamu dari 'azab Allah, kecuali aku hanya mempunyai hubungan rahim dengan kamu yang aku akan basahkannya (peliharakannya di dunia) dengan sewajarnya." [9]

Setelah menjelaskan kepada mereka tentang kedudukan yang dicapai oleh mereka dengan taqwa itu, maka Allah mulakan dengan menerangkan sarana-sarana yang dikehendaki Allah untuk membersihkan dosa dari ahli rumah Rasulullah s.a.w.:

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِۦ مَرَضٌ

"Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya."(32)

Allah melarang mereka apabila mereka bercakap dengan lelaki-lelaki yang asing supaya jangan ada di dalam nada suara mereka sikap tunduk berlemah-lembut yang boleh menimbulkan nafsu berahi pada kaum lelaki dan pada orang-orang yang berniat serong di dalam hati mereka. Siapakah wanita-wanita yang diperingatkan Allah itu? Mereka ialah para isteri Nabi s.a.w. dan ibu-ibu para. Mu'minin yang tiada siapa pun berniat serong terhadap mereka sekali imbas pada hemat akal. Di zaman manakah peringatan itu? Di zaman Nabi s.a.w., iaitu zaman angkatan manusia pilihan dari seluruh zaman, tetapi Allah yang menciptakan lelaki dan perempuan itu mengetahui bahawa di dalam suara perempuan apabila dia bercakap dengan sikap tunduk dan dengan kata-kata yang lemah-lembut ada tarikan yang boleh menimbulkan nafsu keinginan dan niat yang serong pada hati. Kaum lelaki yang berpenyakit (berniat jahat) memang wujud di semua zaman dan di semua masyarakat terhadap semua perempuan walaupun dia isteri Nabi dan ibu para Mu'minin. Oleh itu kaum perempuan tidak dapat membersihkan diri mereka dari kecemaran dan dosa sehingga mereka menjauhi dari awal-awal lagi segala sebab-sebab yang merangsangkan nafsu yang jahat itu.

Bagaimana pula dengan masyarakat yang kita hayati sekarang ini, iaitu masyarakat di zaman kita yang sakit, kotor dan rendah ini, di mana nafsu keinginan dan niat-niat yang serong (terhadap perempuan) bermaharajalela dan subur? Bagaimana pula dengan kita yang berada di dalam suasana (sekarang), di mana segala sesuatu merangsangkan nafsu keinginan dan menggerakkan syahwat seks? Bagaimana dengan kita yang berada dalam masyarakat dan suasana sekarang, di mana kaum wanita bercakap dengan nada-nada yang manja dan lembut gemalai. Mereka mengumpulkan segala daya tarikan wanita, segala daya tarikan seks dan segala yang merangsangkan nafsu kemudian mereka lepaskannya di dalam nada-nada dan nyanyian-nyanyian mereka? Di manakah duduknya mereka dari kebersihan dan kesucian? Bagaimanakah kesucian dan kebersihan dapat subur di dalam udara yang kotor itu, di mana tubuh mereka, lenggang-lenggok mereka dan suara mereka merupakan kekotoran dan dosa dan noda yang hendak dibersihkan Allah dari para hamba-Nya yang terpilih?

وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

"Dan bercakaplah dalam perkara yang baik."(32)

Allah melarangkan mereka bercakap dengan nada-nada yang lemah-lembut dan dengan gaya yang tunduk, dan di dalam ayat ini pula menyuruh mereka supaya mereka bercakap di dalam perkara-perkara yang baik, kerana maudhu' percakapan juga boleh menimbulkan nafsu sama seperti nada dan gaya bercakap. Oleh itu tidak seharusnya ada di dalam percakapan di antara lelaki dan perempuan isyarat-isyarat sulit, sindir menyindir dan senda gurau supaya tidak membuka pintu ke arah tujuan yang lain sama ada dekat atau jauh.

Allah S.W.T. selaku Pencipta Yang Maha Mengetahui dengan tabi'at-tabi'at makhluk-Nya telah menyampaikan bimbingan ini kepada para ibu Mu'minin yang bersih itu supaya mereka berhati-hati dalam percakapan mereka dengan kaum lelaki di zaman mereka, sedangkan zaman itu merupakan zaman terbaik dari segala zaman.

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

"Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu."(33)

Perintah ini bukanlah bermakna menyuruh mereka supaya tinggal di rumah sahaja tanpa meninggalkannya langsung, malah ia merupakan satu isyarat yang halus agar mereka menjadikan rumah itu tempat yang pokok di dalam kehidupan mereka dan bidang yang lain dari rumah hanya merupakan satu bidang kecuali dan darurat sahaja, tanpa menetap dan bertungkus lumus. Bidang itu hanya dipenuhi sekadar perlu sahaja.

Rumahtangga itulah tempat perempuan. Di sinilah tempat dia mendapati dirinya berada di tempat yang sebenar seperti yang dikehendaki Allah, iaitu berada dalam keadaan yang tidak terpesong, menyeleweng, kotor dan tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang bukan tugas-tugas mereka yang sebenar yang telah disediakan Allah mengikut fitrah mereka.

"Oleh kerana Islam mahu mengadakan suasana yang wajar bagi rumahtangga untuk membela dan memelihara kanak-kanak yang dilahirkan di dalamnya, maka Islam telah mewajibkan tanggungan nafkah ke

[9] *Diriwayatkan oleh Muslim dan at-Tirmizi.*

atas lelaki supaya si ibu mendapat tenaga, waktu dan ketenangan yang membolehkannya untuk mengendalikan urusan membela kanak-kanak yang sedang subur itu, juga untuk membolehkannya mewujudkan peraturan, keharuman dan kemanisan rumahtangga. Ibu yang penat bekerja kerana mencari makan, ibu yang penat dengan tugas-tugas pekerjaan, ibu yang terikat dengan waktu-waktu kerja dan ibu yang menghabiskan daya tenaganya di dalam pekerjaan, tidak dapat memberikan suasana yang selesa dan harum kepada rumahtangga, juga tidak dapat memberikan hak-hak pembelaan yang wajar kepada kanak-kanak yang sedang subur itu. Rumah-rumah pegawai-pegawai wanita dan isteri yang bekerja hanya dapat memberikan suasana hotel dan kedai sahaja kepada rumahtangga. Di sana tidak ada bau suasana rumahtangga yang harum. Hakikat rumahtangga tidak wujud melainkan apabila diwujudkan oleh wanita, dan keharuman bau rumahtangga juga tidak wujud kecuali bau itu dilepaskan oleh isteri. Kemesraan rumahtangga juga tidak wujud kecuali rumahtangga itu dikendalikan oleh ibu. Oleh itu perempuan atau isteri atau ibu yang menghabiskan daya tenaga jiwanya di dalam pekerjaan tidak akan dapat mencetuskan suasana di dalam rumahtangga kecuali suasana penat, jemu dan bosan.

"Keluarnya kaum wanita untuk bekerja merupakan satu malapetaka kepada rumahtangga. Mereka hanya boleh berbuat demikian kerana dharurat sahaja, tetapi jika mereka melakukannya dengan sukarela, sedangkan mereka boleh menjauhkannya, maka itu merupakan bala yang akan mengganggu jiwa, hati dan akal di zaman-zaman keruntuhan akhlak, kejahatan dan kesesatan."[10]

Apabila kaum wanita keluar bukan dengan tujuan bekerja, malah dengan tujuan bercampurgaul melakukan pekerjaan-pekerjaan hiburan, membuang masa di kelab dan perhimpunan-perhimpunan sosial, maka ia merupakan suatu kejatuhan di dalam lumpur yang mengembalikan manusia ke padang-padang ragut binatang.

Perempuan di zaman Rasulullah s.a.w. keluar ke masjid menunaikan solat tanpa dilarang oleh syara', tetapi zaman itu adalah zaman kesucian dan taqwa. Mereka keluar sembahyang dengan berkelubung. Tiada seorang pun yang mengenali mereka dan tiada sesuatu pun yang menampakkan kecantikan-kecantikan tubuh badan mereka, namun demikian Siti 'Aisyah r.a. tidak berkenan mereka keluar menunaikan solat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari 'Aisyah r.a. katanya: Dahulu perempuan-perempuan Mu'minat hadir bersembahyang Subuh bersama-sama Rasulullah s.a.w. kemudian mereka pulang berkelubung dengan kain-kain panjang mereka tanpa dikenali kerana gelap.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim lagi bahawa 'Aisyah telah berkata: Jika Rasulullah s.a.w. mengetahui apa yang dilakukan oleh, perempuan-perempuan (sekarang) tentulah beliau melarang mereka keluar ke masjid-masjid sebagaimana dilarangkan perempuan-perempuan Israel.

Apakah yang telah dilakukan oleh perempuan-perempuan semasa hidup Siti 'Aisyah r.a. itu? Apakah yang mungkin dilakukan mereka sehingga dia berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w. akan melarang mereka keluar bersembahyang? Apakah yang dilakukan mereka dibandingkan dengan apa yang dilakukan oleh perempuan-perempuan yang kita lihat pada hari ini?

وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ٱلْأُولَىٰ

"Dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama."(33)

Mereka jangan berbuat begitu apabila mereka terpaksa keluar setelah diperintah supaya mereka tinggal di tumah itu sahaja. Di zaman jahiliyah dahulu perempuan mendedahkan diri mereka, tetapi semua gambaran yang diceritakan mengenai pendedahan perempuan di zaman jahiliyah itu masih kelihatan bersahaja atau sopan jika dibandingkan dengan pendedahan perempuan di zaman ini iaitu zaman jahiliyah kita sekarang.

Ujar Mujahid: Dahulu perempuan keluar berjalan di antara kaum lelaki. Itulah pendedahan perempuan di zaman jahiliyah.

Ujar Qatadah: Dahulu perempuan berjalan berlenggang-lengguk untuk menarik perhatian lelaki, lalu Allah Ta'ala melarang mereka berbuat demikian.

Ujar Muqatil ibn Hayan: Pendedahan atau Tabarruj ialah meletakkan kain kelubung di atas kepala tanpa mengikatkannya, lalu menampakkan rantai lehernya, subangnya dan bahagian lehernya. Semuanya nampak belaka. Itulah pendedahan.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Dahulu perempuan lalu di antara kaum lelaki dengan mendedahkan dadanya tanpa dilindungi sesuatu apa. Kadang-kadang dia menampakkah lehernya, rambut di hadapan kepalanya dan subang-subang telinganya, lalu Allah menyuruh perempuan-perempuan yang beriman supaya melindungkan diri mereka dalam semua keadaan.

Itulah gambaran-gambaran pendedahan atau tabarruj di zaman jahiliyah yang dibicarakan Al-Qur'anul-Karim untuk membersihkan masyarakat Islam dari kesan-kesannya dan untuk menghindarkannya dari segala faktor tarikan dan godaan wanita, juga untuk meninggikan adab

---

[10] *Dipetik dari buku* "السلام العالمي والإسلام" *bab* "سلام البيت" *m.s. 54 - 55.*

sopannya, kefahaman-kefahamannya, perasaannya dan adirasanya.

Kami katakan: Mengenai adirasanya kerana adirasa manusia yang hanya tertarik kepada kecantikan badan yang bogel adalah adirasa yang primitif dan kasar dan adirasa ini tidak syak lagi lebih rendah dari adirasa yang tertarik dengan kecantikan yang sopan dan tenang iaitu kecantikan yang membayangkan kecantikan jiwa, kecantikan kesucian diri dan kecantikan perasaan.

Ukuran ini adalah satu ukuran yang tepat tidak meleset untuk mengetahui ketinggian dan kemajuan taraf insaniyah. Kesopanan merupakan kecantikan haqiqi yang luhur, tetapi kecantikan yang luhur ini tidak dapat difahami orang-orang yang mempunyai adirasa jahiliyah yang kasar, yang hanya melihat kecantikan pada daging yang bogel dan hanya dapat mendengar panggilan keinginan daging yang kasar.

Ayat ini memberi isyarat kepada pendedahan perempuan di zaman jahiliyah. Ia menyarankan bahawa pendedahan wanita itu adalah dari sisa-sisa peninggalan jahiliyah yang sepatutnya bagi orang yang telah melewati zaman jahiliyah itu meningkatkan kefahaman-kefahamannya, cita-citanya dan perasaan-perasaannya lebih tinggi dari kefahaman-kefahaman, cita-cita dan perasaan-perasaan jahiliyah itu.

Jahiliyah bukanlah satu masa yang tertentu dari sesuatu zaman, malah ia adalah satu keadaan sosial yang tertentu yang mempunyai kefahaman-kefahaman yang tertentu terhadap hidup. Keadaan dan kefahaman ini mungkin terdapat pada mana-mana zaman dan tempat, kerana itu ia menjadi penunjuk atau bukti jahiliyah di mana sahaja ia didapati.

Dengan ukuran ini kita dapati bahawa kita sekarang sedang hidup dalam satu masa jahiliyah yang buta, berhati kasar, berkefahaman haiwaniyah dan terjerumus ke lembah kehinaan. Dengan ukuran ini kita dapat memahami bahawa kesucian diri dan keberkatan tidak mungkin wujud di dalam masyarakat yang hidup seperti ini, yang tidak mengamalkan sarana-sarana pembersihan diri yang dijadikan Allah sebagai alat untuk manusia membersihkan diri mereka dari kekotoran dan pendedahan zaman jahiliyah. Mereka yang mula-mula mengambilkan sarana-sarana ini ialah ahli rumah Nabi s.a.w. yang sememangnya suci dan bersih belaka.

Al-Qur'anul-Karim mengarah para isteri Nabi s.a.w. supaya mengamalkan sarana-sarana itu kemudian ia mengikatkan hati mereka dengan Allah dan mengangkatkan pandangan mereka ke arah kemuncak yang bersih dan gemilang untuk mengambil nur hidayat dan pertolongan Ilahi untuk mendaki kemuncak yang bersih dan gemilang itu:

وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ

"Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya."(33)

Ibadat kepada Allah tidak terpisah dari tatalaku sosial atau akhlak di dalam kehidupan, malah ibadat merupakan jalan untuk meningkatkan diri ke taraf yang gemilang itu. Ia merupakan bekalan bagi orang yang berjalan menuju jalan Allah. Seseorang itu pastilah mempunyai hubungan dengan Allah untuk mendapat pertolongan Ilahi dan bekalan dan untuk membersihkan hatinya. Dia pasti mempunyai hubungan dengan Allah supaya ia dapat meningkatkan dirinya ke taraf yang mengatasi adat kebiasaan manusia, tradisi-tradisi masyarakat dan tekanan alam sekitar, dan supaya dia merasa bahawa dia lebih mendapat hidayat dan lebih tinggi dari manusia dan masyarakat, juga supaya dia merasa benar-benar layak untuk memimpin orang-orang lain menuju nur hidayat bukannya dipimpin oleh orang-orang lain menuju kepada kegelapan dan jahiliyah yang akan menenggelamkan kehidupan manusia apabila mereka menyimpang dari jalan Allah.

Islam merupakan satu kesatuan yang mengumpul syi'ar-syi'ar ibadat, adab-adab cara dan akhlak, undang-undang dan peraturan. Seluruhnya berada di dalam 'aqidah dan tiap-tiap satunya berperanan untuk merealisasikan 'aqidah dan semuanya selaras menuju satu haluan. Dari kesatuan dan keselarasan inilah tegaknya entiti agama dan tanpa kedua-duanya entiti Islam tidak akan wujud.

Oleh sebab itulah perintah mendirikan solat, mengeluarkan zakat, ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya itu merupakan penamat arahan-arahan membentuk kesedaran, akhlak dan tatalaku yang ditujukan kepada ahli rumah Rasulullah s.a.w. yang mulia itu, kerana arahan-arahan itu tidak dapat ditegakkan tanpa amalan ibadat dan keta'atan. Semuanya itu untuk merealisasikan hikmat, tujuan dan matlamat iaitu:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ٣٣

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."(33)

Pembersihan Rabbani Terhadap Ahlil-Bait

Ungkapan ini mengandungi berbagai-bagai saranan yang membayangkan kasih mesra Ilahi (terhadap Ahlil-Bait).

Allah menamakan mereka Ahlil-Bait (ahli rumah) tanpa sifat dan tambahan yang lain kepada rumah itu seolah-olah rumah itu hanya sebuah rumah sahaja di alam ini yang mempunyai sifat ini. Apabila disebut sahaja bait maka semua orang mengenalinya sama

seperti mereka mengenali Ka'bah apabila dipanggil Baitullah, Baitul al-Haram dan al-Bait. Oleh itu ungkapan Ahlil-Bait itu merupakan suatu penghormatan dan keistimewaan yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w.

Allah berfirman:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya"(33)

Dalam ungkapan ini terselit kemesraan Ilahi yang menjelaskan sebab dan tujuan perintah-perintah itu, iaitu kemesraan Ilahi yang membuat Ahlil-Bait itu merasa bahawa Allah Yang Maha Tinggi sendiri yang mengendalikan pembersihan diri mereka dan menghapuskan segala noda dan dosa dari mereka. Itulah ri'ayah Ilahi secara langsung terhadap Ahlil-Bait. Apabila kita mengetahui bahawa yang mengeluarkan kenyataan itu ialah Allah Pencipta alam buana Yang Maha Mulia, Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Agung, maka tahulah kita betapa tingginya penghormatan Ilahi itu.

Allah S.W.T. membuat kenyataan ini dalam kitab suci-Nya yang dibaca di alam Al-Mala'ul-A'la dan dibaca di bumi di setiap tempat dan waktu, di mana berjuta-juta manusia, yang beribadat dengannya dan bejuta-juta bibir yang menyebutnya.

Akhirnya Allah jadikan perintah-perintah dan arahan-arahan itu sebagai sarana untuk menghapuskan noda dan dosa yang boleh mencemarkan rumahtangga Rasulullah s.a.w. Pembersihan itu merupakan usaha membersih dan menghapuskan kekotoran dan kecemaran yang dilakukan dengan sarana-sarana yang diamal dan dilaksanakan manusia dalam kehidupan mereka di alam kenyataan. Inilah jalan Islam iaitu mewujudkan kesedaran dan taqwa di dalam hati, tingkahlaku dan amalan di dalam kehidupan. Hanya dengan kedua-dua inilah sahaja sempurnanya keislaman seorang dan terlaksananya matlamat dan tujuan Islam di dalam hidup manusia.

Arahan-arahan kepada para isteri Rasulullah s.a.w. itu ditamatkan dengan mengingatkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan istimewa di sisi Rasulullah s.a.w., iaitu menjadikan rumah mereka sebagai tempat turunnya Al-Qur'an, tempat lahirnya hikmat (hadith), tempat terbitnya nur hidayat dan iman:

وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."(34)

Itulah limpah kurnia Ilahi yang amat besar dan cukuplah bagi seorang merasakan kebesaran ni'mat itu dan kehalusan ciptaan Allah pada ni'mat dan kelimpahan ni'mat yang tiada tolok bandingnya itu.

Peringatan yang seperti ini juga terdapat pada akhir firman Allah yang menawarkan pilihan kepada para isteri Nabi s.a.w. di antara keni'matan hidup dunia dan hiasannya dengan memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Di sini ketaralah betapa besarnya ni'mat Allah terhadap mereka dan betapa kerdilnya keni'matan hidup dunia dengan segala kemewahan dan hiasannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 35)

Ciri-ciri Kaum Lelaki Dan Kaum Wanita Yang Menjadi Tonggak Masyarakat Islam

Dalam rangka usaha membersihkan masyarakat Islam dan menegakkan kehidupannya di atas landasan nilai-nilai yang dibawa Islam yang mencakupi lelaki dan perempuan, maka Al-Qur'an menyebut sifat-sifat yang dapat menegakkan nilai-nilai itu dengan terperinci:

إِنَّ ٱلْمُسْلِمِينَ وَٱلْمُسْلِمَٰتِ وَٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْقَٰنِتَٰتِ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلصَّٰدِقَٰتِ وَٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰبِرَٰتِ وَٱلْخَٰشِعِينَ وَٱلْخَٰشِعَٰتِ وَٱلْمُتَصَدِّقِينَ وَٱلْمُتَصَدِّقَٰتِ وَٱلصَّٰٓئِمِينَ وَٱلصَّٰٓئِمَٰتِ وَٱلْحَٰفِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَٱلْحَٰفِظَٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ta'at, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu', lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Sifat-sifat yang terkumpul di dalam ayat ini adalah sifat-sifat yang bekerjasama dalam membentukkan jiwa Muslim iaitu Islam, iman, ta'at, bercakap benar, sabar, khusyu', bersedekah, berpuasa, memelihara anggota kelamin dan banyak menyebut Allah. Tiap-tiap sifat ini mempunyai nilainya masing-masing dalam pembentukan syakhsiyah Muslim.

Ciri keislaman ialah menyerah diri, ciri keimanan ialah tasdiq, dan di antara keduanya terdapat hubungan yang rapat atau salah satunya merupakan muka yang kedua kepada muka yang satu lagi. Penyerahan diri adalah hasil tasdiq kerana tasdiq yang sebenar melahirkan penyerahan diri kepada Allah.

Ciri keta'atan adalah hasil dari keislaman dan keimanan yang lahir dari hati yang redha bukannya dari paksaan luar.

Ciri bercakap benar ialah sifat yang mengeluarkan orang-orang yang tidak bersifat dengannya dari barisan umat Muslimin kerana firman Allah:

إِنَّمَا يَفْتَرِي ٱلْكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ

"Orang yang mengada-adakan pembohongan itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah."

(Surah an-Nahl: 105)

Oleh itu pembohong adalah dibuang dari barisan umat Muslimin yang bercakap benar.

Sabar ialah sifat (yang perlu kepada seorang Muslim) kerana tanpa sifat ini dia tidak berdaya menjunjung 'aqidahnya dan melaksanakan komitmen-komitmennya. 'Aqidah Islam memerlukan seorang itu sabar di dalam setiap langkahnya, sabar menahan hawa nafsunya, sabar menempuh kesulitan-kesulitan da'wah dan penindasan manusia, sabar menghadapi kecurangan, kelemahan, penyelewengan dan keragaman manusia, sabar menghadapi ujian, dugaan dan fitnah dan sabar menghadapi kesenangan dan kesusahan, kerana kesabaran ketika mendapat kesenangan dan kesusahan itu amat sulit dan sukar.

Ciri khusyu' ialah sifat hati dan anggota yang menunjukkan hati itu tunduk kepada kebesaran Allah, merasakan kehebatan-Nya dan bertaqwa kepada-Nya.

Ciri bersedekah ialah tanda kebersihan diri dari kebakhilan, tanda adanya kasihan belas terhadap manusia, tanda adanya semangat perpaduan dan saling membantu di dalam kelompok Muslimin. Ia juga merupakan penunaian terhadap hak tanggungjawab harta dan pernyataan kesyukuran kepada Allah yang mengurniakan ni'mat.

Ciri berpuasa: Ayat ini telah menjadikan ibadat puasa sebagai salah satu sifat-sifat asasi. Ini menunjukkan puasa itu adalah satu kesanggupan yang berterusan dan tetap, iaitu kesanggupan mengatasi kehendak-kehendak keperluan dan kesabaran menahankan diri dari keperluan-keperluan hidup yang utama. Ia juga merupakan pernyataan iradat (yang gigih) dan pernyataan bahawa sifat insaniyah pada makhluk manusia ini mengatasi sifat haiwaniyahnya.

Ciri memelihara anggota kelamin termasuk membersih dan mengawal diri dari dorongan nafsu keinginan yang paling kuat dan mendalam dalam struktur kejadian manusia. Hanya orang yang bertaqwa sahaja yang dapat mengawal desakan keinginan ini. Ia juga mencakupi usaha mengatur hubungan lelaki dan perempuan dan meningkatkan matlamat yang lebih tinggi dari kepuasan nafsu semata-mata dalam hubungan lelaki dan perempuan serta menundukkan hubungan itu kepada kehendak syari'at Allah dan kepada hikmat dan tujuan yang tinggi dari penciptaan lelaki dan perempuan, iaitu hikmat dan tujuan untuk mengimarahkan bumi dan meninggikan kehidupan manusia.

Ciri banyak menyebut Allah merupakan rantai hubungan di antara seluruh kegiatan seorang dengan 'aqidah dan kepercayaannya kepada Allah. Ia membuat hati terkenang kepada Allah di setiap sa'at. Fikiran dan gerak-gerinya tidak pernah putus dari rantai hubungan yang kukuh dengan Allah. Hatinya disinari kemanisan zikir yang mencurahkan nur hidayat dan membangkitkan hayat padanya.

Orang-orang yang terkumpul pada diri mereka sifat-sifat ini iaitu sifat-sifat yang berkerjasama membentuk syakhsiyah Muslim yang sempurna itu maka untuk mereka:

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

"Disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Demikianlah ayat ini menyebut sifat-sifat 'am Muslimin dan Muslimat dan asas-asas syakhsiyah mereka setelah ia menyebut sifat-sifat khusus para isteri Nabi s.a.w. pada awal pusingan surah ini. Di dalam ayat ini petempuan disebut di samping lelaki sebagai sebahagian dari usaha Islam untuk meningkatkan nilai kaum perempuan dan meninggikan pandangan terhadap mereka di dalam masyarakat serta memberikan kepada mereka tempat yang sama di samping lelaki dalam hubungan mereka dengan Allah dan dalam tugas-tugas kewajipan agama, iaitu tugas-tugas membersihkan diri, membuat amal ibadat dan berkelakuan yang baik dan lurus di dalam kehidupan.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 48)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ

فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِىٓ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ
أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ وَتُخْفِى فِى نَفْسِكَ
مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ
فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَىْ لَا يَكُونَ
عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِىٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟
مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

مَّا كَانَ عَلَى ٱلنَّبِىِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ ٱللَّهُ لَهُۥ سُنَّةَ
ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا
مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ
أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ
ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم
مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَٰمٌ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

وَدَاعِيًا إِلَى ٱللَّهِ بِإِذْنِهِۦ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ﴿٤٦﴾

وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata (36). Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (37). Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (38). Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab (39). Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (40). Wahai orang-orang yang beriman! Sebutlah Allah dengan sebutan yang banyak (41). Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang (42). Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak, mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin (43). Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah "selamat sejahtera", dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah (44). Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran (45). Juga sebagai penda'wah kepada Allah dengan perintah-Nya dan sebagai lampu yang terang (46). Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar (47). Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Pelajaran ini merupakan satu pusingan yang baru dalam usaha mengatur semula peraturan masyarakat Islam di atas asas kefahaman Islam, iaitu peraturan yang berkaitan dengan penghapusan peraturan anak angkat yang telah diterangkan di permulaan surah. Kehendak Allah telah menugaskan Rasulullah s.a.w. sendiri untuk menghapuskan peraturan ini dari segi amali. Dahulu adat orang-orang Arab mengharamkan perkahwinan dengan bekas isteri anak angkat sama dengan pengharaman berkahwin dengan bekas isteri anak kandung. Orang-orang Arab tidak sanggup menghalalkan perkahwinan dengan bekas-bekas isteri

anak angkat kecuali ada sesuatu contoh yang membenarkan peraturan yang baru ini. Kita akan melihat dari kedudukan Nabi s.a.w. yang menghadapi ujian ini, di mana selain beliau tiada seorang pun yang sanggup memikut tugas yang amat berat ini dan menghadapi masyarakat dengan tindakan yang luar biasa dari adat masyarakat itu. Kita juga akan melihat ulasan-ulasan terhadap peristiwa itu adalah ulasan yang panjang untuk mengikatkan hati kepada Allah dan untuk menerangkan hubungan kaum Muslimin dengan Allah dan Rasulullah serta tugasnya di kalangan mereka. Semuanya ini untuk memudahkan proses perubahan peraturan itu diterima oleh mereka dan untuk memujuk hati mereka, supaya menerima perintah dan penyusunan semula peraturan masyarakat itu dengan sukarela dan patuh.

Sebelum peristiwa ini telah pun dijelaskan dasar bahawa segala keputusan adalah terserah kepada Allah dan Rasul-Nya dan tidak seharusnya kepada orang yang beriman lelaki dan perempuan membuat keputusan sendiri apabila Allah telah menetapkan keputusan mengenai urusan-urusan mereka. Ini menunjukkan betapa sukarnya perubahan peraturan ini kerana ia bertentangan dengan adat orang Arab yang kuat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 36)

Peristiwa-peristiwa Yang Menjadi Sebab Nuzul Ayat Ini

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata."(36)

Menurut riwayat ayat ini diturun mengenai peristiwa Zainab binti Jahsy apabila Nabi s.a.w, hendak merobohkan perbezaan kelas yang diwarisi turun-temurun di dalam masyarakat Islam dan mengembalikan mereka menjadi sama rata seperti gigi-gigi sisir, di mana tiada kelebihan bagi seorang ke atas orang yang lain melainkan dengan taqwa. Golongan maula[11] iaitu golongan hamba-hamba yang telah dibebaskan merupakan golongan yang lebih rendah dari golongan tuanmas. Di dalam golongan ini termasuk Zaid ibn Harithah bekas hamba Rasulullah s.a.w. yang telah dijadikannya sebagai anak angkat beliau. Rasulullah s.a.w. mahu mewujudkan persamaan taraf yang sempurna dengan mengahwinkan Zaid dengan seorang wanita bangsawan dari Bani Hasyim dari keluarga beliau sendiri iaitu Zainab binti Jahsy. Beliau mahu menghapuskan perbezaan kelas itu di dalam keluarga beliau sendiri, kerana perbezaan ini begitu mendalam dan kuat (dalam masyarakat Arab) hingga tidak dapat dihapuskan melainkan dengan tindakan dari Rasulullah s.a.w. sendiri agar menjadi contoh dan teladan kepada kaum Muslimin dan agar umat manusia mengikut jejaknya dalam persoalan ini.

Ibn Kathir telah meriwayatkan di dalam tafsirnya katanya: Ujar al-'Aufi dari Ibn Abbas r.a.: Firman Allah Ta'ala:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

cerita itu begini, Rasulullah s.a.w. keluar meminang untuk anak muda (peliharaannya) Zaid ibn Harithah r.a., lalu beliau masuk menemui Zainab binti Jahsy al-Asadiyah lalu meminangnya. Jawab Zainab: "Saya tidak mahu berkahwin dengannya!" Ujar Rasulullah s.a.w.: "Bahkan hendaklah engkau berkahwin dengannya."Jawab Zainab: 'Wahai Rasulullah! Adakah saya diperintah mengenai diri saya?" Semasa kedua-duanya sedang bercakap tiba-tiba Allah menurunkan (ayat tadi) kepada Rasulullah s.a.w. Lalu Zainab berkata: "Adakah anda redhakan perkahwinan ini untuk saya, wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Ya". Ujar Zainab: "Jika begitu, saya tidak akan melanggar kehendak Rasulullah. Sesungguhnya saya nikahkan diri saya dengannya."

Ujar Ibn Lahi'ah dari Abu 'Umrah dari 'Ikramah dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah meminang Zainab binti Jahsy untuk Zaid ibn Harithah r.a., lalu dia menolak dan berkata: "Saya lebih baik dari dia." Dia adalah seorang perempuan yang mudah tersinggung lalu Allah menurunkan (ayat tadi).

Demikianlah kata Mujahid, Qatadah dan Muqatil ibn Hayan bahawa ayat tadi adalah turun mengenai Zainab binti Jahsy r.a. apabila dia dipinang oleh Rasulullah untuk maulanya Zaid ibn Harithah r.a. Pada mulanya dia menolak kemudian akhirnya dia menerimanya.

Ibn Kathir juga telah meriwayat satu riwayat yang lain katanya: Ujar Abdul Rahman ibn Zaid ibn Aslam. Ayat (tadi) diturun mengenai Ummu Kalthum binti' Aqabah ibn Abu Mu'ayt r.a. Dia adalah wanita pertama yang berhijrah selepas Perjanjian al-

---

[11] *Istilah "maula" ini juga dipakai dengan erti yang lain iaitu dengan erti qabilah yang menjadi sekutu kepada qabilah lain yang berjanji membantu dan bekerjasama dengannya dalam membayar diat dan pampasan-pampasan yang lain.*

Hudaybiyah, lalu dia memberikan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berkata: "Aku terima." Lalu beliau kahwinkannya dengan Zaid ibn Harithah r.a. (yakni - Wallahu a'alam - selepas dia berpisah dengan Zainab), lalu dia dan saudaranya marah dan berkata: "Kami mahukan Rasulullah s.a.w. sendiri, tetapi kami dikahwinkan dengan hambanya! Kata rawi: Lalu turunlah (ayat tadi) hingga akhirnya. Katanya lagi: Satu perintah yang lebih umum dari ini telah pun datang iaitu:

ٱلنَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri."(6)

Katanya ayat tadi khusus dan ayat ini lebih umum.

Di dalam riwayat yang ketiga, ujar Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur-Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari Thabit Al-Bannani dari Anas r.a. katanya: Nabi s.a.w. telah meminang untuk Julaybib[12] seorang wanita dari kaum Ansar. Beliau membuat pinangan kepada bapanya, lalu dia berkata: "Nanti saya berunding dengan ibunya." Jawab Nabi s.a.w. "Baiklah.' Kata rawi, lelaki itu pun pergi menemui isterinya dan menyebut perkara pinangan itu kepadanya, lalu isterinya berkata: "Tidak, ya Allah, jadi." Rasulullah s.a.w. tidak mendapat orang lain melainkan hanya Julaybib, sedangkan sebelum ini kami telah menolak pinangan si anu dan si anu. Kata rawi: Anak gadisnya yang sedang bersembunyi itu mendengar pembicaraan itu. Lalu lelaki itu hendak keluar untuk memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. mengenai keputusan itu, tiba-tiba anak gadis itu berkata: Adakah bapa dan ibu hendak menolak pinangan Rasulullah s.a.w.? Jika beliau redhakan orang itu (Julaybib) untuk bapa dan ibu, maka kahwinkanlah saya dengannya. Kata rawi: Seolah-olah gadis itu berlepas diri dari keputusan dua orang tuanya. Lalu kedua-duanya berkata: "Katamu itu benar". Lalu bapanya pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepadanya: "Jika anda redhakan orang itu, maka kami juga redhakannya." Jawab Rasulullah s.a.w. "Sesungguhnya aku telah redhakannya." Kata rawi: Lalu beliau pun mengahwinkannya." Kemudian penduduk Madinah diminta pertolongan (kerana menghadapi satu peperangan), lalu Julaybib pun menunggang (keluar berjuang), dan akhirnya mereka dapatinya gugur syahid dan di sekelilingnya terdapat mayat-mayat orang Musyrikin yang telah dibunuh olehnya. Kata Anas r.a.: "Aku telah melihat isteri Julaybib dan sesungguhnya rumahnya adalah rumah yang paling banyak menerima pinangan di Madinah."

Riwayat-riwayat ini - jika sahih - telah menghubungkan ayat ini dengan peristiwa perkahwinan Zainab dengan Zaid r.a. atau dengan peristiwa perkahwinan Zaid dengan Ummu Kalthum binti 'Aqabah ibn Abu Mu'ait.

Kami telah mengemukakan riwayat yang ketiga mengenai Julaybib kerana ia menunjukkan cara pemikiran masyarakat (di zaman itu) yang mahu dihancurkan oleh Islam, dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah bertindak mengubahkan cara pemikiran itu dengan perbuatan dan Sunnahnya sebagai sebahagian dari rangka usaha menyusun semula peraturan masyarakat Islam di atas asas pemikiran Islam yang baru dan kefahamannya terhadap nilai-nilai di bumi ini, juga untuk mencetuskan semangat kemerdekaan yang dilandaskan di atas sistem hidup Islam yang diambil dari semangatnya yang agung.

Tetapi ayat ini merupakan satu nas yang lebih umum dari mana-mana peristiwa yang tertentu. Mungkin juga ia mempunyai hubungan dengan tindakan menghapuskan kesan-kesan mengambil anak angkat dan menghalalkan isteri-isteri anak angkat yang telah dicerai, juga dengan peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a. setelah dia bercerai dengan Zaid, iaitu peristiwa yang menimbulkan satu kegemparan yang besar pada masa itu dan masih terus digunakan oleh musuh-musuh Islam sebagai alasan untuk memburuk-burukan Rasulullah s.a.w. Mereka telah mengadakan berbagai-bagai kisah dongeng yang karut di sekitar peristiwa itu.

Sama ada yang menjadi sebab turunnya ayat ini ialah peristiwa-peristiwa yang disebut oleh riwayat-riwayat tadi atau peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a., namun dasar yang dijelaskan oleh ayat tadi adalah lebih umum, lebih mencakupi dan lebih mendalam di dalam jiwa kaum Muslimin, kehidupan mereka dan pemikiran mereka yang tulen.

Dasar Penyerahan Diri Kepada Keputusan Allah

Inilah satu asas dari asas-asas 'aqidah Islam yang telah tertanam di dalam hati angkatan kaum Muslimin yang pertama. Ia tertanam dengan amat kukuh. Ia diyakinkan oleh jiwa mereka dan ia mempengaruhi perasaan-perasaan mereka. Intisari dari asas ini ialah mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun di atas diri mereka dan urusan mereka, malah mereka dan segala apa yang ada di dalam milik mereka adalah di bawah kekuasaan Allah. Allah memilih dan mengendalikan mereka mengikut kehendak Iradat-Nya. Mereka tidak lebih dari merupakan sebahagian dari alam buana yang berjalan mengikut undang-undang yang umum, sedangkan Allah Pencipta dan Pentadbir alam buana inilah yang menggerakkan mereka bersama-sama pergerakan alam buana yang besar. Dialah yang membahagikan peranan-peranan kepada mereka masing-masing di dalam cerita alam buana yang besar ini. Dialah yang menentukan gerak langkah mereka di atas pentas alam al-wujud yang besar ini. Mereka tidak mempunyai kuasa memilih

[12] *Dari golongan bekas hamba (maula).*

peranan yang dilakonkan mereka kerana mereka tidak mengetahui cerita itu dengan sepenuhnya. Mereka juga tidak mempunyai kuasa untuk memilih gerak langkah yang disukai mereka kerana apa yang disukai mereka mungkin tidak sesuai dengan peranan yang ditentukan untuk mereka, kerana mereka bukannya pengarang cerita itu dan bukan pula tuan punya panggung itu. Mereka hanya para pengambil upah yang mendapat upah dari kerja-kerja mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam hasil natijah cerita itu.

Ketika itu barulah mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dengan penyerahan yang sebenar-benarnya. Mereka menyerahkannya dengan segala apa yang ada pada diri mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun terhadap diri mereka. Ketika itulah jiwa mereka menjadi betul dan selaras dengan fitrah seluruh alam buana. Ketika itu barulah gerak-geri mereka menjadi betul dan selaras dengan pergerakan umum alam buana. Mereka berjalan mengikut jalan peredaran mereka masing-masing sebagaimana planet-planet dan bintang-bintang berjalan mengikut jalan peredaran masing-masing tiada satu pun yang cuba menyimpang dari jalan itu atau cuba berjalan lebih cepat atau lambat dalam peredarannya bersama pergerakan seluruh alam buana itu.

Ketika itu barulah hati mereka redha dengan apa sahaja qadha' qadar yang ditentukan Allah kepadanya, kerana perasaan batin mereka benar-benar merasa bahawa taqdir Allah itulah yang mengendalikan segala sesuatu, segala manusia, segala peristiwa dan segala keadaan. Mereka menerima taqdir Allah terhadap mereka dengan ma'rifat yang memberi kefahaman, kerehatan, kepercayaan dan ketenteraman.

Sedikit demi sedikit mereka tidak lagi merasa terkejut dengan taqdir Allah apabila menimpa mereka. Mereka tidak lagi merasa terperanjat dan sedih yang boleh diubati dengan kesabaran. Malah mereka menyambut taqdir Allah dengan sambutan orang yang arif dan orang yang menunggu sesuatu yang biasa dan diketahui di dalam hatinya tanpa menimbulkan rasa terperanjat, gentar dan ta'jub.

Oleh kerana itu mereka tidak lagi menuntut supaya dipercepatkan perjalanan cakerawala kerana mereka hendak melakukan sesuatu yang dikehendakinya dan tidak pula menuntut peristiwa-peristiwa itu diperlambatkan kerana mereka mempunyai hajat untuk mendapatkan sesuatu walaupun hajat itu ialah untuk menolong da'wah mereka dan menegakkannya, malah mereka meneruskan perjalanan mereka bersama ketetapan-ketetapan Allah yang menyampaikan ke tempat yang ditetapkannya. Mereka menerima ketetapan-ketetapan itu dengan redha dan tenang. Mereka mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka; nyawa, tenaga dan harta benda tanpa tergopoh-gapah, tanpa merasa bosan, tanpa membangkit-bangkit, tanpa berbangga-bangga, tanpa menyesal dan bersedih. Mereka yakin bahawa mereka sedang melakukan sesuatu yang telah ditetapkan Allah supaya mereka melakukannya dan bahawa apa yang dikehendaki Allah itulah yang tetap berlaku dan bahawa segala sesuatu itu bergantung dengan waktu yang telah ditentukan Allah.

Itulah penyerahan diri yang mutlak kepada tangan kekuasaan Allah agar memimpin langkah-langkahnya dan mengaturkan pergerakannya, sedangkan mereka penuh yakin kepada kepimpinan dan merasa begitu aman, percaya dan tenteram dan berjalan bersamanya dengan selesa, mudah dan lemah lembut.

Namun demikian, mereka melakukan apa sahaja yang terdaya oleh mereka dan mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka. Mereka tidak membuang waktu dan daya tenaga mereka. Mereka tidak meninggalkan segala ikhtiar dan wasilah. Kemudian mereka tidak memberatkan diri mereka dengan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan mereka. Mereka tidak keluar dari sifat-sifat mereka sebagai manusia, iaitu sifat-sifat biasa manusia dan ciri-ciri lemah dan kuat yang ada pada mereka. Mereka tidak mendakwa mempunyai perasaan-perasaan dan daya tenaga yang tidak ada pada diri mereka. Mereka tidak suka dipuji kerana kerja-kerja yang tidak dilakukan mereka dan tidak mereka berkata berlainan dari apa yang dibuat mereka.

Inilah imbangan di antara penyerahan diri yang mutlak kepada taqdir Allah dan bekerja keras dengan menggunakan segata daya tenaga dan berhenti dengan tenang pada tahap usaha yang mampu dilakukan mereka. Itulah imbangan yang menjadi sifat istimewa yang terterap di dalam kehidupan angkatan Muslimin yang pertama, inilah inilah sifat yang melayakkan mereka untuk memikul amanah 'aqidah Islam yang agung yang tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang.

Kemantapan asas ini di dalam hati mereka itulah yang telah membolehkan angkatan Muslimin yang pertama melakukan kejayaan-kejayaan yang luar biasa di dalam kehidupan peribadi mereka dan dalam kehidupan masyarakat manusia di zaman itu. Asas inilah yang menjadikan segala jejak langkah dan pergerakan mereka selaras dengan peredaran cakerawala dan selaras dengan langkah-langkah zaman, tidak bercanggah dan berlanggar dengannya hingga menyebabkan mereka terhalang atau terlambat. Asas inilah yang memberkati segala usaha perjuangan mereka hingga dapat menghasilkan buah-buah manis yang amat banyak, dan amat besar dalam masa yang pendek sahaja.

Sesungguhnya perubahan yang berlaku di dalam jiwa mereka, di mana gerak langkah mereka selaras dengan harakat alam buana, sesuai dengan perencanaan Ilahi yang mengendalikan seluruh alam

buana ini .... sesungguhnya perubahan itu merupakan satu mu'jizat yang amat besar yang tidak dapat dilaksanakan oleh manusia, malah ia terlaksana dengan iradat Allah yang telah menciptakan bumi dan langit, bintang-bintang dan planet-planet dan menyelaraskan gerak langkah mereka dengan peredaran cakerawala itu sesuai dengan penyelarasan Ilahi yang istimewa.

Hakikat ini ditunjukkan oleh berbagai-bagai ayat Al-Qur'an, di mana Allah S.W.T. berfirman:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya engkau tidak dapat memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasihi, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."

(Surah al-Qasas: 56)

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَىٰهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۗ

"Bukanlah kewajipan engkau menjadikan mereka mendapat hidayat, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."

(Surah al-Baqarah: 272)

قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۗ

"Katakanlah bahawa hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar."

(Surah al-Baqarah: 120)

Itulah hidayat dengan hakikatnya yang agung dan maknanya yang luas. Allah memberi hidayat dan memimpin manusia ke tempatnya yang sebenar di dalam rangka alam buana dan menyelaraskan gerak langkahnya dengan gerakan alam buana.

Usaha perjuangan itu tidak akan mendapat hasilnya yang sempurna melainkan apabila hati seseorang itu tegak di atas hidayat Allah dalam ertikatanya yang sebenar dan gerak langkahnya selaras dengan peredaran alam buana dan hatinya yakin kepada taqdir Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu tiada sesuatu pun di alam buana ini melainkan mengikut kehendak taqdir-Nya.

Dari penjelasan ini ternyatalah bahawa nas Al-Qur'an:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka"(36)

adalah mempunyai pengertian yang lebih syumul, lebih luas dan lebih jauh dari mana-mana peristiwa khusus yang berlaku dan diturunkan ayat ini kerananya. Ayat ini menjelaskan satu dasar umum yang pokok di dalam sistem hidup Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Kemudian Al-Qur'an menceritakan tentang peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab binti Jahsy serta pendahuluan dan ekorannya yang mengandungi hukum-hukum dan arahan-arahan:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِيٓ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ ۖ فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِيٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟ مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾ مَّا كَانَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ ٱللَّهُ لَهُۥ ۖ سُنَّةَ ٱللَّهِ فِي ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾ ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾ مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (37). Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah

ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (38). Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab (39). Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(40)

Pada awal surah ini telah pun dijelaskan tentang penghapusan adat mengambil anak angkat dan memulangkan bin mereka kepada bapa-bapa mereka yang sebenar serta menegakkan hubungan kekeluargaan itu di atas asasnya yang semulajadi.

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْ وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾ ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanya perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah jua yang memberi hidayat ke jalan yang betul (4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula kamu. Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Tetapi peraturan anak angkat ini masih mempunyai kesan-kesannya yang kuat di alam kehidupan masyarakat Arab dan kesan-kesan ini tidak terhapus semudah terhapusnya peraturan anak angkat itu sendiri, kerana adat resam dalam sebuah masyarakat itu mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam di dalam hati penduduk-penduduknya. Oleh sebab itu penghapusan kesan-kesan adat itu pastilah didahulukan dengan contoh-contoh amali yang menentang adat itu, dan contoh-contoh ini pula pastilah pada permulaannya menghadapi kecaman-kecaman dan tentulah kesannya diterima dengan berat oleh orang yang ramai.

Dahulu telah pun dinyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengahwinkan anak angkatnya Zaid ibn Harithah yang pernah dipanggil Zaid ibn Muhammad kemudian diubah kepada "bin" bapanya yang sebenar dengan Zainab binti Jahsy anak perempuan ibu saudara beliau sendiri. Tujuan perkahwinan ini ialah untuk memecahkan perbezaan kelas yang turun-temurun dan untuk merealisasikan tujuan firman Allah Ta'ala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu."

(Surah al-Hujurat: 13)

Seterusnya tujuan perkahwinan itu ialah untuk menegakkan nilai Islamiyah yang baru dengan mengemukakan contoh amali di alam kenyataan.

Kemudian selepas itu Allah berkehendak pula menyerahkan kepada Nabi-Nya - di samping tugas-tugas kerasulan yang lain - tugas menghapuskan sendiri kesan-kesan peraturan anak angkat itu dengan mengahwini bekas isteri anak angkatnya Zaid ibn Harithah yang telah diceraikan itu dan menghadapi masyarakat dengan tindakan ini, iaitu satu tindakan yang tidak terdaya dilakukan oleh seorang yang lain untuk menghadapi masyarakat (zaman itu) walaupun peraturan anak angkat itu sendiri telah dibatalkan.

Allah Ta'ala telah mengilhamkan kepada Nabi s.a.w. bahawa Zaid akan menceraikan isterinya. Dan beliau sendiri pula akan mengahwininya kerana sesuatu hikmat yang telah diputuskan Allah. Pada masa itu hubungan di antara Zaid dan Zainab berada dalam keadaan huru-hara yang membayangkan bahawa perkongsian hidup mereka tidak akan berpanjangan.

Zaid berkali-kali datang menemui Rasulullah s.a.w. dan mengadu bahawa dia tidak senang hidup dengan Zainab dan tidak sanggup lagi untuk terus hidup dengannya. Rasulullah s.a.w. walaupun beliau terkenal berani menghadapi kaumnya di dalam urusan 'aqidah dengan tegas tanpa teragak-agak dan takut, namun beliau merasa berat dengan ilham yang diterima dari Allah mengenai Zainab. Beliau teragak-agak hendak menghadapi kaumnya dengan memecahkan adat yang telah bertunjang begitu mendalam itu. Lalu beliau berkata kepada Zaid (seorang yang telah dikurniakan Allah dengan ni'mat Islam dan ni'mat hubungan yang dekat dengan Rasulullah, juga ni'mat kasih Rasulullah s.a.w. terhadap dirinya, iaitu kasih yang diutamakan beliau di dalam hatinya di atas sekalian yang lain tanpa kecuali, dia juga seorang yang mendapat ni'mat kemerdekaan, asuhan dan kasih sayang dari Rasulullah s.a.w.) Beliau bersabda kepada Zaid:

أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ

"Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah."(37)

Dengan jawapan ini beliau melambatkan tindakan menghadapi persoalan yang amat besar ini, di mana beliau masih teragak-agak untuk mengumumkannya kepada orang ramai sebagaimana diterangkan Allah:

وَتُخۡفِي فِي نَفۡسِكَ مَا ٱللَّهُ مُبۡدِيهِ وَتَخۡشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخۡشَىٰهُۖ

"Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau."(37)

Rahsia yang disembunyikan Nabi s.a,w. di dalam hatinya, sedangkan beliau tahu bahawa Allah akan mendedahkannya ialah ilham Allah yang menyarankan bahawa beliau akan berkahwin dengan Zainab, tetapi ilham itu bukanlah merupakan satu perintah yang berterus terang dari Allah, kerana jika ilham itu bersifat demikian tentulah beliau tidak akan teragak-agak dan melambat-lambatkannya atau cuba menangguh-nangguhkannya, malah beliau akan mengumumkannya dengan terus terang biar bagaimana pun akibatnya, tetapi Rasulullah s.a.w. hanya di peringkat berhadapan dengan ilham di dalam hatinya dan di waktu itu beliau merasa bimbang menghadapinya dan menghadapi orang ramai sehingga diizinkan Allah. Pada akhirnya Zaid menceraikan isterinya, sedangkan Zaid dan Zainab sendiri tidak berfikir apakah yang akan berlaku selepas itu, kerana menurut adat, Zainab tetap dianggap sebagai bekas isteri anak Muhammad yang tidak halal kepadanya walaupun selepas dihapuskan adat anak angkat itu kerana perintah menghalalkan bekas-bekas isteri anak angkat yang diceraikan itu belum lagi diturunkan pada masa itu. Hanya peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab selepas itu sahaja yang menjelaskan hukum ini iaitu setelah peristiwa itu diterima dengan rasa hairan, terkejut dan membantah.

Inilah cerita sebenar yang meruntuhkan segala cerita-cerita lain mengenai peristiwa ini, iaitu cerita-cerita karut yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dahulu dan sekarang. Mereka telah merekakan berbagai-bagai dongeng dan cerita-cerita dusta di sekitar peristiwa ini.

Cerita yang sebenarnya ialah seperti yang diterangkan Allah Ta'ala:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيۡدٌ مِّنۡهَا وَطَرًا زَوَّجۡنَٰكَهَا لِكَيۡ لَا يَكُونَ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ حَرَجٌ فِيٓ أَزۡوَٰجِ أَدۡعِيَآئِهِمۡ إِذَا قَضَوۡاْ مِنۡهُنَّ وَطَرًاۚ وَكَانَ أَمۡرُ ٱللَّهِ مَفۡعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan apabila Zaid telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri keperluan mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(37)

Ini adalah salah satu tugas risalah yang amat berat yang ditanggung oleh Rasulullah s.a.w. untuk menghadapi masyarakat yang sangat bencikannya sehingga beliau teragak-agak untuk mengemukakan kepada masyarakat, sedangkan beliau tidak pernah teragak-agak menghadapi masyarakat untuk menegakkan 'aqidah tauhid, mengancam tuhan-tuhan dan sembahan-sembahan mereka yang karut dan menyalahkan datuk nenek mereka.

وَكَانَ أَمۡرُ ٱللَّهِ مَفۡعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(37)

Keputusan Allah adalah satu keputusan yang tidak dapat ditolak dan dielak. Ia tetap berkuatkuasa dan terlaksana dan tidak ada jalan yang lain lagi untuk menghindarinya.

Perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a. dilangsungkan selepas habis iddahnya. Beliau telah mengirim Zaid bekas suaminya selaku seorang yang paling disayangi supaya melamarkan Zainab untuknya.

Dari Anas r.a. kata: Apabila selesai iddah Zainab r.a., sabda Rasulullah s.a.w. kepada Zaid ibn Harithah: Pergilah (berjumpa dengan Zainab) dan sebutkan kepadanya bahawa aku melamarnya." Lalu Zaid pun pergi menemui Zainab yang sedang menguli gandumnya. Kata Zaid: Apabila aku melihatnya sebaklah dadaku hingga aku tidak berdaya melihatnya, lalu aku berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah melamarnya. Kemudian aku palingkan belakangku kepadanya dan memusingkan tumitku sambil berkata lagi: "Wahai Zainab!

Bergembiralah engkau! Rasulullah s.a.w. telah mngutuskan aku supaya melamar mu jawab Zainab: "Aku tidak akan berbuat apa-apa sehingga aku diperintahkan Tuhanku 'Azzawajalla." Lalu dia pun bangun menuju ke masjidnya. Kemudian turun ayat itu dan Rasulullah s.a.w. masuk ke rumahnya tanpa meminta izin lagi.[13]

Al-Bukhari r.a. telah meriwayatkan dari Anas ibn Malik r.a. katanya: Sesungguhnya Zainab binti Jahsy r.a. menyatakan rasa bangganya terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w. yang lain dengan katanya: "Anda semua dikahwinkan oleh keluarga-keluarga anda, sedangkan saya dikahwinkan oleh Allah Ta'ala dari atas tujuh petala langit".

Tetapi persoalan ini tidak berlalu dengan mudah, malah seluruh masyarakat Islam gempar dan orang-orang Munafiqin terus membuat heboh dengan mengatakan Muhammad telah berkahwin dengan isteri anaknya!

---

[13] *Hadith ini diriwayatkan oleh Iman Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim dan an-Nasai'i dari beberapa saluran dari Sulaiman ibn al-Mughirah.*

Oleh kerana persoalan ini persoalan menegakkan satu dasar yang baru, maka Al-Qur'an telah menguatkannya dan menghapuskan unsur keganjilannya dengan memulangkan persoalan ini kepada lunas-lunasnya yang mudah, logikal yang bersejarah:

مَّا كَانَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ ٱللَّهُ لَهُۥ ۖ سُنَّةَ ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

"Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(38)

Persoalan itu berlangsung mengikut Sunnatullah yang tidak berubah-ubah, iaitu undang-undang yang bergantung dengan hakikat-hakikat segala sesuatu bukannya bergantung dengan tanggapan-tanggapan dan adat-adat yang dibuat oleh manusia tanpa berlandaskan asas.

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

"Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(38)

Yakni lulus dan berkuatkuasa. Tiada apa dan siapa pun yang dapat menahankannya. Keputusan itu telah dibuat dengan penuh kebijaksanaan dan pertimbangan. Ia dibuat kerana sesuatu tujuan yang dikehendaki Allah yang mengetahui sejauh mana keperluan dan kepentingannya di samping mengetahui masa dan tempat mana patut dilaksanakannya. Allah Ta'ala telah memerintah asul-Nya supaya membatalkan adat itu dan menghapuskan kesannya secara amali, juga supaya menjelaskan penghapusan itu dengan menjadikan diri beliau sebagai contoh pertama di alam kenyataan, kerana perintah Allah itu pasti dilaksanakan.

Sunnatullah ini telah berlangsung di katangan para rasul yang telah lalu:

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

"Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."(39)

Mereka tidak membuat apa-apa perhitungan terhadap makhluk di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan risalah yang ditugaskan kepada mereka dan mereka tidak takut kepadasesiapapun kecuali Allah yang mengutuskan mereka untuk menyampaikan da'wah-Nya, untuk bertindak dan melaksanakan hukumnya.

"Dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."(39)

Hanya Allah sendiri sahaja yang menghisab mereka, sedangkan manusia tidak berkuasa menghisabkan mereka.

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ

"Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu."(40)

Yakni Zainab itu bukanlah isteri anaknya dan Zaid juga bukan anak kandung Muhammad, kerana dia adalah anak Harithah. Jadi, tidak ada sesuatu yang menghalangkan dalam persoalan ini apabila dilihat dengan kacamata hakikat yang wujud di alam kenyataan.

Hubungan di antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan seluruh orang-orang Islam termasuk Zaid ibn Harithah ialah hubungan seorang Nabi dengan kaumnya, bukannya hubungan seorang bapa dengan seseorang dari mereka:

وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ ۗ

"Tetapi dia adalah seorang Rasul dan penamat sekalian nabi."(40)

Oleh kerana itu tugasnya ialah menyampaikan undang-undang yang kekal supaya diamalkan oleh umat manusia mengikut kehendak risalah Allah yang terakhir yang tidak akan berubah lagi selepas itu.

وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

"Dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu."(40)

Allah mengetahui segala sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada manusia. Dialah yang menentu dan memilih peraturan yang menghalalkan pernikahan dengan bekas isteri anak-anak angkat apabila mereka telah menceraikan isteri-isteri itu. Keputusan ini telah ditetapkan Allah mengikut ilmu-Nya yang mengetahui segala-galanya dan mengetahui manakah peraturan-peraturan dan undang-undang yang lebih baik dan sesuai mengikut pertimbangan rahmat dan pilihan-Nya terhadap orang-orang Mu'minin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Kemudian Al-Qur'an mengikatkan hati mereka dengan tujuan yang akhir ini dan menghubungkan mereka dengan Allah yang menetapkan tugas-tugas Rasul dan memilih undang-undang dan peraturan-peraturan kepada umat Islam dengan tujuan untuk memberi kebaikan kepada mereka dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada nur yang terang:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾
هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾
تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَٰمٌ ۚ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sebutlah Allah dengan sebutan yang banyak (41). Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang (42). Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin (43). Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah 'selamat sejahtera' dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah."(44)

Zikrullah ialah perhubungan hati dengan Allah dan sentiasa bermurakabah dengan-Nya, bukannya semata-mata berzikir dengan menggerak-gerakkan lidah sahaja. Mendirikan solat ialah Zikrullah, malah banyak hadith yang hampir-hampir mengkhususkan Zikrullah itu dengan solat.

Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibn Majah telah meriwayatkan hadith al-A'masy daripada al-Agharr Abu Muslim daripada Abu Sa'id al-Khudry dan Abu Hurayrah daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

إذا أيقظ الرجل امرأته من الليل فصليا ركعتين، كانا تلك الليلة من الذاكرين الله كثيراً والذاكرات

"Apabila suami menggerakkan isterinya di waktu malam lalu kedua-duanya bersembahyang dua rakaat nescaya kedua-duanya pada malam itu termasuk di dalam golongan lelaki dan perempuan yang banyak mengingati Allah."

Zikrullah itu lebih umum dari solat kerana Zikrullah meliputi segala bentuk pergerakan hamba yang mengingati Allah dan hatinya yang berhubung dengan Allah sama ada dia menyebutkan Zikrullah itu dengan lidah secara lantang atau tidak. Maksud pokok dari Zikrullah ialah adanya hubungan dengan Allah yang menggerak dan menyarankan ingatan kepada Allah dalam setiap keadaan.

Hati seseorang itu akan terus kosong, lalai dan terumbang-ambing sehingga dia berhubung dengan Allah, mengingati-Nya dan bermesra dengannya. Ketika itu barulah hatinya penuh, serius dan mantap dan tahu jalan mana yang hendak ditujunya dan tahu dari mana dan ke mana ia hendak melangkah.

Oleh sebab inilah Al-Qur'an dan as-Sunnah begitu banyak sekali menggalakkan manusia supaya mengingati Allah. Al-Qur'an mengikatkan di antara Zikrullah dengan waktu-waktu dan keadaan-keadaan yang dilalui manusia agar waktu-waktu dan keadaan-keadaan itu sentiasa mengingatkan manusia supaya mengingati dan berhubung dengan Allah agar hati mereka tidak lalai dan lupa:

وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

"Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang."(42)

Waktu pagi dan petang mempunyai suasana istimewa yang merangsangkan hati kita berhubung dengan Allah yang mengubahkan keadaan-keadaan dan bayang-bayang alam, sedangkan Dia sendiri bersifat kekal tidak berubah, tidak bertukar-tukar dan tidak binasa dan hilang. Seluruh yang lain darinya adalah berubah, bertukar, hilang dan binasa.

Di samping mengingati Allah dan bertasbih kepada-Nya, Al-Qur'an menyedarkan hati kita supaya mengenangkan rahmat, ri'ayah dan iradat Allah terhadap segala kepentingan dan kebajikan makhluk, sedangkan Allah terkaya dari mereka dan seluruh makhluk-Nya sentiasa berkehendak kepada limpah kurnia-Nya:

هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

"Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin."(43)

Maha Tinggilah Allah, dan amatlah besar ni'mat dan limpah kurnia-Nya yang sentiasa ingat kepada hamba-hamba-Nya yang lemah, yang berkehendak kepada-Nya, yang fana, yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak kekal dan tetap. Allah sentiasa ingat kepada mereka, mengambil berat tentang mereka, mencucurkan rahmat ke atas mereka, dan para malaikat-Nya sentiasa mendo'akan agar Allah melimpahkan rahmat-Nya ke atas mereka. Allah menyebut mereka dengan sebutan yang baik di alam al-Mala'ul-A'la dan seluruh alam al-wujud turut bersahut-sahutan menyebut mereka. Sabda Rasulullah s.a.w.:

يقول الله تعالى: من ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي، ومن ذكرني في ملأ ذكرته في ملأخير منه

"Firman Allah Ta'ala: Barang siapa yang mengingati Aku di dalam hatinya nescaya Aku mengingatinya di dalam diri-Ku, dan barang siapa yang menyebut-Ku di tengah kumpulan yang ramai nescaya Aku menyebut mereka di tengah kumpulan ramai yang lebih baik dari kumpulan itu." [14]

Itulah limpah rahmat Allah yang amat besar (terhadap manusia) yang hampir-hampir tidak tergambar di dalam minda kita, sedangkan Allah mengetahui bahawa bumi dengan segala penghuni

---

[14] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

dan isinya tidak lebih dari sebiji debu yang kecil dan kerdil dibandingkan cakerawala-cakerawala besar yang lain dan cakerawala-cakerawala ini pula hanya merupakan sebahagian dari milik Allah yang diciptakan-Nya dengan "Kun fayakun"(كن فيكون).

هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ

"Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur."(43)

Nur Allah itu hanya satu, bersambung padu dan syumul. Dan selain dari nur-Nya ialah berbagai-bagai kegelapan yang berbeza-berbeza. Apabila manusia keluar dari nur Allah nescaya dia akan hidup dalam salah satu dari kegelapan itu atau hidup dalam semua kegelapan itu. Tiada sesuatu yang dapat menyelamatkan mereka dari kegelapan melainkan nur Allah yang menerangi hati mereka, menyelubungi roh mereka dan membimbing mereka kepada fitrah mereka (yang suci), iaitu fitrah alam al-wujud (yang sentiasa beriman kepada Allah). Limpah rahmat Allah terhadap mereka dan do'a rahmat dari para malaikat kepada mereka itulah yang dapat mengeluarkan mereka dari berbagai-bagai kegelapan kepada nur apabila hati mereka terbuka kepada iman:

وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

"Dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin."(43)

Itulah kedudukan mereka di dunia selaku negeri tempat membuat amal. Ada pun kedudukan mereka di Akhirat selaku negeri balasan, maka limpah kurnia dan rahmat Allah tidak akan terpisah dari mereka. Mereka akan dikurniakan kemuliaan, penghormatan, aluan-aluan dan pahala yang melimpah-ruah:

تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَٰمٌ ۚ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾

"Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah 'selamat sejahtera' dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah."(44)

Yakni selamat sejahtera dari segala ketakutan dan dari segala kepenatan, itulah ucapan selamat sejahtera dari Allah yang dibawa kepada mereka oleh para malaikat. Mereka masuk menemui mereka dari segala pintu Syurga untuk menyampaikan salam Ilahi yang maha tinggi, di samping pahala yang melimpah-ruah yang disediakan untuk mereka. Alangkah besarnya penghormatan itu!

Inilah rahmat Tuhan mereka yang mengatur dan memilih undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mereka. Oleh itu siapakah yang tidak sukakan pemilihan Allah ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Nabi s.a.w. telah menyampaikan kepada mereka peraturan-peraturan yang telah dipilih oleh Allah untuk mereka dan beliau telah melaksanakan peraturan-peraturan yang telah dipilih Allah itu dengan contoh teladannya yang amali. Kemudian Al-Qur'an beralih menerangkan tugas Nabi dan kelebihannya di atas sekalian para Mu'minin:

Tugas-tugas Utama Rasulullah s.a.w.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى ٱللَّهِ بِإِذْنِهِۦ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ﴿٤٦﴾ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾ وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran (45). Juga sebagai penda'wah kepada Allah dengan perintah-Nya dan sebagai lampu yang terang (46). Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar (47). Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Tugas Nabi s.a.w. di dalam kalangan mereka ialah menjadi saksi di atas mereka. Oleh itu hendaklah mereka mengerjakan amalan-amalan yang boleh mengelakkan penyaksian Nabi terhadap mereka, iaitu satu penyaksian benar yang tidak berdusta dan tidak mengubah dan meminda. Tugas Nabi lagi ialah **"penyampai berita gembira"** iaitu berita balasan rahmat, keampunan, limpah kurnia dan penghormatan dari Allah yang menunggu orang-orang yang mengerjakan amalan yang salih. Tugasnya lagi ialah **"penyampai amaran"** iaitu menyampaikan amaran 'azab seksa yang menunggu orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang jahat. Mereka tidak ditangkap secara mengejut dan tidak di 'azab melainkan setelah diberi amaran. Tugasnya lagi ialah **"penda'wah kepada Allah"** (وداعياً إلى الله) bukan penda'wah kepada dunia, bukan da'wah kepada keagungan, bukan da'wah kepada kekuatan perkauman dan bukan kepada 'asabiyah jahiliyah, bukan da'wah kepada keuntungan (kebendaan) dan bukan da'wah kepada kekuasaan atau kebesaran, malah beliau adalah penda'wah kepada Allah iaitu melalui satu jalan yang menyampaikan kepada Allah **"Dengan perintah-Nya"** yakni beliau bukannya mengada-ngada, bukannya bertindak secara sukarela, bukannya mengeluarkan buah fikiran dari dirinya

sendiri, malah da'wah itu adalah perintah dari Allah dan perintah Allah tidak mungkin dilampaui. Tugasnya lagi ialah menjadi **"lampu yang terang"**(سراجا منيرا) yang menghapuskan berbagai-bagai kegelapan, menghilangkan kekeliruan-kekeliruan dan menerangi jalan dengan cahaya yang tenang dan terang laksana lampu yang terang di tengah-tengah gelap-gelita.

Demikianlah tugas Rasulullah s.a.w. dengan nur yang dibawa oleh beliau itu. Beliau datang membawa kefahaman yang jelas dan tanggapan yang terang lagi bersuluh mengenai alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah Pencipta, mengenai kedudukan makhluk insan dengan alam al-wujud dan dengan Allah Penciptanya, juga mengenai nilai-nilai yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud dan tapak tegak makhluk insan ini, juga mengenai dunia dan Akhirat, mengenai tujuan dan matlamat dan mengenai cara dan sarana, dan semuanya dijelaskan dengan penjelasan yang tegas dan muktamad tanpa sebarang kekeliruan dan kekaburan lagi dan dengan uslub yang berbicara secara langsung dengan fitrah manusia dan menembusinya dari jalan-jalan yang terdekat, dari pintunya yang paling luas dan dari lorongnya yang paling mendalam.

Allah mengulangi dan menjelaskan dengan terperinci tugas Rasulullah s.a.w. yang menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman:

وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ اللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar."(47)

Setelah Allah sebutkannya secara umum di dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran."(45)

Ini merupakan penjelasan tambahan untuk menerangkan limpah kurnia Allah dan ni'mat-Nya kepada sekalian orang-orang yang beriman. Merekalah orang-orang yang dikurniakan Allah melalui Nabi-Nya peraturan-peraturan dan undang-undang yang membolehkan mereka menerima berita-berita gembira dan kurnia Ilahi yang amat besar itu.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan melarang Nabi s.a.w. agar beliau jangan tunduk kepada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq dan jangan memperdulikan gangguan mereka terhadap beliau dan para Mu'minin.

وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ وَدَعْ أَذَاهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Ayat ini adalah sama dengan ayat yang datang di permulaan surah ini sebelum dimulakan dengan penerangan mengenai perundangan, arahan dan penyusunan semula peraturan masyarakat yang baru. Cuma di sini ditambahkan dengan arahan kepada Nabi s.a.w. agar beliau jangan menghiraukan gangguan orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq dan agar beliau jangan takut kepada mereka dengan mematuhi mana-mana tuntutan mereka atau bergantung kepada mereka di dalam sesuatu perkara kerana Allah Yang Maha Esa sahaja yang layak menjadi penjaga mereka:

وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Demikianlah Al-Qur'an mengemukakan pendahuluan dan ulasan yang panjang lebar mengenai peristiwa Zainab dan Zaid dan hukum menghalalkan pernikahan bekas-bekas isteri anak angkat serta contoh teladan amali yang ditugas kepada Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan betapa sulitnya masalah ini dan betapa perlunya orang ramai kepada penjelasan dan penerangan Allah, betapa perlunya mereka berhubung dengan Allah dan menyedari rahmat dan ri'ayah Allah yang terkandung di dalam perintah itu supaya mereka menerima perintah itu dengan penuh kerelaan dan kepatuhan.

(Kumpulan ayat-ayat 49 - 62)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُّونَهَا ۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجَكَ اللَّاتِي آتَيْتَ أُجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْكَ وَبَنَاتِ عَمِّكَ وَبَنَاتِ عَمَّاتِكَ وَبَنَاتِ خَالِكَ وَبَنَاتِ خَالَاتِكَ اللَّاتِي هَاجَرْنَ مَعَكَ وَامْرَأَةً مُّؤْمِنَةً إِن وَهَبَتْ نَفْسَهَا لِلنَّبِيِّ إِنْ أَرَادَ النَّبِيُّ أَن يَسْتَنكِحَهَا خَالِصَةً لَّكَ مِن دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۗ

قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِىٓ أَزْوَٰجِهِمْ وَمَا
مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ
حَرَجٌ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٠﴾
تُرْجِى مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِىٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ
ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ
أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ
ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾
لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ
مِنْ أَزْوَٰجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ
يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتَ ٱلنَّبِىِّ إِلَّآ أَن
يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَٰظِرِينَ إِنَىٰهُ وَلَٰكِنْ
إِذَا دُعِيتُمْ فَٱدْخُلُوا۟ فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَٱنتَشِرُوا۟ وَلَا
مُسْتَـْٔنِسِينَ لِحَدِيثٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ يُؤْذِى ٱلنَّبِىَّ
فَيَسْتَحْىِۦ مِنكُمْ ۖ وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْىِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ وَإِذَا
سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ وَمَا كَانَ
لَكُمْ أَن تُؤْذُوا۟ رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا۟ أَزْوَٰجَهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ ٱللَّهِ
عَظِيمًا ﴿٥٣﴾
إِن تُبْدُوا۟ شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ
عَلِيمًا ﴿٥٤﴾
لَّا جُنَاحَ عَلَيْهِنَّ فِىٓ ءَابَآئِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآئِهِنَّ وَلَآ
إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ أَخَوَٰتِهِنَّ
وَلَا نِسَآئِهِنَّ وَلَا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ ۗ وَٱتَّقِينَ ٱللَّهَ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾
إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِىِّ ۚ يَٰٓأَيُّهَا
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ صَلُّوا۟ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ فِى ٱلدُّنْيَا
وَٱلْءَاخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٥٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ بِغَيْرِ
مَا ٱكْتَسَبُوا۟ فَقَدِ ٱحْتَمَلُوا۟ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا
مُّبِينًا ﴿٥٨﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ
أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾
لَّئِن لَّمْ يَنتَهِ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ
وَٱلْمُرْجِفُونَ فِى ٱلْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا
يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٠﴾
مَّلْعُونِينَ ۖ أَيْنَمَا ثُقِفُوٓا۟ أُخِذُوا۟ وَقُتِّلُوا۟ تَقْتِيلًا ﴿٦١﴾
سُنَّةَ ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۖ وَلَن تَجِدَ
لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٦٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhinya, maka tiadalah bagi kamu masa ''iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (sagu hati) kepada mereka dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya (49). Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari tawanan perang yang

telah dikurniakan Allah kepadamu, juga anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu dan mana-mana perempuan yang beriman yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya tanpa mas-kahwin) sekiranya Nabi suka berkahwin dengannya, perkahwinan ini adalah khusus untukmu sahaja bukan untuk orang-orang Mu'minin (umumnya). Sesungguhnya Kami telah mengetahui kewajipan-kewajipan yang Kami telah wajibkan ke atas mereka (orang-orang Mu'minin) mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki mereka supaya tidak menimbulkan kesulitan kepadamu, dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (50). Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang Engkau kehendaki dari mereka, dan Engkau boleh mendampingi sesiapa yang Engkau kehendaki dan sesiapa yang Engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah Engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan keatasmu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian, dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu, dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar (51). Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau, dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu (52). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah-rumah nabi kecuali apabila kamu diizinkan untuk menghadiri jamuan makan tanpa menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu dijemput maka hendaklah kamu masuk dan bila kamu selesai makan hendaklah kamu keluar tanpa asyik berbual-bual, kerana sesungguhnya perbuatan-perbuatan sedemikian menyakiti Nabi. Dia malu (hendak menyatakan hal ini kepada kamu) tetapi Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka. Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah (53). Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Segala sesuatu (54). Tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada perempuan-perempuan (untuk berjumpa tanpa tabir) dengan bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara perempuan mereka, perempuan-perempuan Islam dan hamba sahaya yang dimiliki mereka. Bertaqwalah kamu (wahai wanita-wanita Islam) kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu (55). Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkan kepadanya salam sejahtera dengan sebanyak-banyaknya (56). Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan (57). Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan tanpa kesalahan yang telah dilakukan mereka, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan melakukan pembohongan dan dosa yang amat nyata (58). Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka melabuhkan baju kurung mereka menutupkan seluruh tubuhnya (semasa keluar), cara yang demikian lebih mudah mereka dapat dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan maha Pengasih (59). Sekiranya orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang menyebarkan khabar angin di Madinah itu tidak berhenti (dari menyakitimu), nescaya kami akan dorongkan engkau memerangi mereka dan sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu lagi di Madinah melainkan hanya sebentar sahaja (60). Mereka sentiasa dila'nat, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh dengan sedahsyat-dahsyatnya (61). (Demikianlah) mengikut Sunnatullah yang berlaku ke atas orang-orang yang terdahulu sebelum engkau, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu".(62)

Pusingan ini dari surah ini pada awalnya mengandungi salah satu undang-undang am Al-Qur'an di dalam mengaturkan urusan keluarga iaitu undang-undang mengenai perempuan-perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi, dan setelah itu diterangkan pula undang-undang khas untuk mengaturkan kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. iaitu undang-undang yang khusus mengenai hubungan beliau dengan para isterinya dan hubungan mereka dengan lelaki-lelaki yang lain serta hubungan kaum Muslimin dengan rumah Rasulullah s.a.w., juga mengenai kemuliaan Rasul dan rumahtangganya di sisi Allah, para malaikatnya dan alam al-Mala'ul-A'la. Kemudian pada akhirnya diterangkan satu undang-undang umum yang melibatkan para isteri Nabi, anak-anak perempuannya dan sekalian isteri orang-orang Islam, iaitu mereka diperintah supaya melabuhkan baju kurung mereka ketika keluar untuk menunaikan hajat supaya dengan pakaian yang menutup semua tubuh badan itu mereka berbeza dari perempuan-perempuan yang lain dan mudah dikenali, juga supaya mereka tidak diganggu oleh lelaki-lelaki yang berkelakuan jahat yang terdiri dari orang-orang Munafiqin, orang-orang yang suka menyebar khabar-khabar angin dan orang-orang fasiq yang suka mengusik perempuan di Madinah. Kemudian surah ini ditamatkan dengan mengancam kaum Munafiqin dan penyebar-penyebar berita angin itu bahawa mereka akan diusir dari kota Madinah jika mereka tidak berhenti menyakiti perempuan-perempuan Islam dan menyebarkan kekecohan.

Undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan ini merupakan sebahagian dari langkah-langkah menyusun semula masyarakat Islam di atas asas kefahaman Islam. Adapun undang-undang dan peraturan yang khusus mengenai kehidupan peribadi Rasulullah s.a.w., maka Allah hendak menjadikan kehidupan rumahtangga beliau itu sebagai satu lambaran yang terbuka kepada seluruh generasi manusia. Oleh itu Allah memuatkannya di dalam kitab

suci Al-Qur'an yang kekal, yang dibaca di setiap zaman dan tempat dan dalam waktu yang sama juga ia merupakan tanda penghormatan Allah kepada rumahtangga beliau, iaitu rumahtangga yang dijaga sendiri oleh Allah Yang Maha Tinggi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 49)

Hukum Perempuan Yang Dicerai Sebelum Bersetubuh Dan Selepasnya

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نَكَحۡتُمُ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ ثُمَّ طَلَّقۡتُمُوهُنَّ مِن قَبۡلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمۡ عَلَيۡهِنَّ مِنۡ عِدَّةٖ تَعۡتَدُّونَهَاۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحٗا جَمِيلٗا ٤٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhinya, maka tiadalah bagi kamu masa 'iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (saguhati) kepada mereka dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya."(49)

Sebelum ini di dalam Surah al-Baqarah telah pun diterangkan hukum-hukum mengenai perempuan-perempuan yang dicerai sebelum disetubuhi di dalam firman-Nya:

لَّا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ إِن طَلَّقۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمۡ تَمَسُّوهُنَّ أَوۡ تَفۡرِضُواْ لَهُنَّ فَرِيضَةٗۚ وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى ٱلۡمُوسِعِ قَدَرُهُۥ وَعَلَى ٱلۡمُقۡتِرِ قَدَرُهُۥ مَتَٰعَۢا بِٱلۡمَعۡرُوفِۖ حَقًّا عَلَى ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٢٣٦

وَإِن طَلَّقۡتُمُوهُنَّ مِن قَبۡلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ وَقَدۡ فَرَضۡتُمۡ لَهُنَّ فَرِيضَةٗ فَنِصۡفُ مَا فَرَضۡتُمۡ إِلَّآ أَن يَعۡفُونَ أَوۡ يَعۡفُوَاْ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ عُقۡدَةُ ٱلنِّكَاحِۚ وَأَن تَعۡفُوٓاْ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۚ وَلَا تَنسَوُاْ ٱلۡفَضۡلَ بَيۡنَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٌ ٢٣٧

"Tiada apa-apa kesalahan kepada kamu jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu menyentuh mereka atau sebelum kamu menetapkan maskahwin kepada mereka. (Namun demikian) hendaklah kamu memberi bayaran mut'ah kepada mereka iaitu yang senang membayar mengikut kadar kemampuannya dan yang susah membayar mengikut kadar kemampuannya sebagai bayaran saguhati menurut yang sepatutnya dan sebagai kewajipan ke atas orang-orang yang hendak berbuat ihsan. Dan jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu menyentuh mereka, sedangkan kamu telah menetapkan maskahwin kepada mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang kamu telah tetapkan itu, kecuali jika mereka mema'afkannya (tidak menuntutnya) atau pihak yang memegang ikatan itu mema'afkannya, dan perbuatan kamu ma'af-mema'af itu adalah lebih hampir kepada taqwa, dan janganlah kamu lupa budi baik di antara kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat apa yang dilakukan kamu."

(Surah al-Baqarah: 236-237)

Perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi jika telah ditetapkan maskahwin untuknya, maka dia berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah ditetapkan itu, dan jika belum lagi disebutkan maskahwin yang tertentu kepadanya, maka dia berhak menerima bayaran mut'ah (sagu hati) mengikut kadar kemampuan suami yang menceraikannya sama ada senang atau susah.

Di sini dalam Surah al-Ahzab Al-Qur'an menambahkan lagi satu penerangan mengenai hukum 'iddah perempuan yang diceraikan ini yang tidak disebut di dalam Surah al-Baqarah, iaitu ia menjelaskan bahawa perempuan itu tidak ada 'iddah di atasnya kerana dia belum lagi disetubuhi, kerana tujuan 'iddah itu ialah untuk mendapat kepastian bersihnya rahim dari mengandung atau dari kesan-kesan perkahwinan yang silam supaya keturunan itu tidak bercampuraduk iaitu tiada anak yang dihubungkan kepada lelaki yang bukan bapanya dan tiada anak yang dirampas dari bapanya yang sebenar yang dikandung oleh rahim perempuan yang diceraikan itu. Adapun perempuan yang belum disetubuhi, maka rahimnya tetap bersih dan tidak memerlukan kepada 'iddah dan menunggu apa-apa lagi.

فَمَا لَكُمۡ عَلَيۡهِنَّ مِنۡ عِدَّةٖ تَعۡتَدُّونَهَاۖ فَمَتِّعُوهُنَّ

"Tiadalah bagi kamu masa 'iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (sagu hati) kepada mereka."(49)

Jika di sana telah ditetapkan maskawin yang tertentu, maka ia berhak mendapat separuh dari maskahwin itu dan jika maskahwin belum lagi ditentukan, maka dia berhak mendapat bayaran mut'ah mengikut kemampuan kewangan suami yang menceraikannya **"dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya"** tanpa bertujuan hendak menyusahkan atau menyakitinya atau hendak menunjukkan keras kepala atau hendak menghalangkannya dari memulakan kehidupan yang baru.

Ini adalah satu undang-undang umum yang diterangkan di dalam surah ini dalam rangka usaha mengatur semula peraturan kehidupan masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 52)

Selepas itu Allah Ta'ala menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. perempuan-perempuan yang halal kepada beliau dan penghalalan itu merupakan satu kebenaran khusus untuk diri beliau dan ahli rumahnya sahaja setelah turunnya ayat Surah an-Nisa yang menetapkan bilangan isteri setakat empat orang sahaja:

فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَـٰثَ وَرُبَـٰعَ

"Berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang kamu berkenan dua, tiga dan empat."

(Surah an-Nisa': 3)

Peraturan Perkahwinan Yang Khusus Untuk Rasulullah s.a.w,

Pada masa itu Nabi s.a.w. mempunyai sembilan isteri. Beliau telah berkahwin dengan setiap seorang dari mereka kerana suatu tujuan yang tertentu. 'Aisyah dan Hafsah ialah anak perempuan dua sahabat beliau Abu Bakr dan Umar. Ummu Habibah binti Abu Sufyan, Ummu Salamah, Sawdah binti Zam'ah dan Zainab binti Khuzaimah adalah dari penghijrah-penghijrah yang telah kehilangan suami, lalu Nabi s.a.w. mahu memberi penghormatan kepada mereka dan mereka bukanlah perempuan-perempuan rupawan dan muda, malah perkahwinan itu semata-mata merupakan penghormatan kepada mereka, kemudian Zainab binti Jahsy yang baru tadi kita mengetahui kisah perkahwinannya dengan Rasulullah s.a.w. Perkahwinan ini juga merupakan satu ganti rugi kepada Zainab yang telah bercerai dengan Zaid, iaitu perkahwinan yang diatur oleh Rasulullah s.a.w. tetapi tidak berjaya kerana sesuatu hikmat yang telah ditetapkan Allah Ta'ala sebagaimana kita telah mengetahui kisahnya, kemudian Juwayriyah binti al-Harith dari Bani al-Mustaliq dan Safiyah binti Huyai ibn Akhtab, kedua-duanya perempuan-perempuan tawanan lalu dimerdekakan oleh Rasulullah s.a.w. dan berkahwin dengan kedua-duanya satu demi satu untuk menguatkan hubungan suku-suku dan memberi penghormatan kepada keduanya kerana kedua-duanya telah memeluk agama Islam setelah keluarga mereka ditimpa kesusahan.

Mereka sekalian telah menjadi "Ibu-ibu para Mu'minin"(أمهات المؤمنين). Mereka telah mencapai darjat kehormatan berdamping dengan Rasulullah s.a.w. Mereka telah memilih Allah dan Rasul-Nya selepas turunnya ayat menawarkan pilihan. Tentulah sukar kepada mereka untuk berpisah dengan Rasulullah s.a.w. selepas perintah membataskan bilangan isteri (setakat empat orang sahaja) itu. Allah memandang tinggi kepada mereka lalu mengecualikan Rasulullah s.a.w. dari pembatasan itu dan membenarkan kepada beliau mengekalkan semua isterinya yang ada dan menjadikan mereka halal kepadanya. Setelah itu turun pula ayat Al-Qur'an menyatakan tidak dihalalkan kepada beliau menambahkan isteri selain dari mereka atau menukarkan mana-mana seorang dari mereka dengan perempuan yang lain. Kedudukan istimewa ini hanya dikurniakan kepada para isteri beliau sahaja supaya mereka tidak dinafikan dari mendapat penghormatan terus menjadi isteri-isteri beliau setelah mereka sekalian memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Ayat-ayat berikut adalah berlegar di sekitar dasar-dasar ini:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَٰجَكَ ٱلَّـٰتِىٓ ءَاتَيْتَ أُجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَيْكَ وَبَنَاتِ عَمِّكَ وَبَنَاتِ عَمَّـٰتِكَ وَبَنَاتِ خَالِكَ وَبَنَاتِ خَـٰلَـٰتِكَ ٱلَّـٰتِى هَاجَرْنَ مَعَكَ وَٱمْرَأَةً مُّؤْمِنَةً إِن وَهَبَتْ نَفْسَهَا لِلنَّبِىِّ إِنْ أَرَادَ ٱلنَّبِىُّ أَن يَسْتَنكِحَهَا خَالِصَةً لَّكَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۗ قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِىٓ أَزْوَٰجِهِمْ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ حَرَجٌ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٠﴾ تُرْجِى مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِىٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾ لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَٰجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari tawanan perang yang telah dikurniakan Allah kepadamu, juga anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu), anak-

anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu dan mana-mana perempuan yang beriman yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya tanpa maskahwin) sekiranya nabi suka berkahwin dengannya, perkahwinan ini adalah khusus untukmu sahaja bukan untuk orang-orang Mu'minin (umumnya). Sesungguhnya kami telah mengetahui kewajipan-kewajipan yang kami telah wajibkan ke atas mereka (orang-orang Mu'minin) mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki mereka supaya tidak menimbulkan kesulitan kepadamu dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (50). Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan engkau boleh mendampingi sesiapa yang engkau kehendaki dan sesiapa yang engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan kepadamu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian, dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar (51). Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau, dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu."(52)

Di dalam ayat ini Allah menghalalkan kepada Nabi s.a.w. jenis-jenis perempuan yang diterangkan itu walaupun mereka lebih dari empat orang yang diharamkan kepada orang-orang yang lain dari beliau. Jenis-jenis perempuan itu ialah perempuan-perempuan yang telah beliau membayarkan maskahwin kepada mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki beliau dari tawanan perang, anak-anak perempuan bapa saudaranya (sebelah bapa), anak-anak perempuan ibu saudaranya (sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaranya (sebelah ibu), anak-anak perempuan ibu saudaranya (sebelah ibu) dari mereka yang telah berhijrah bersama beliau tidak termasuk mereka yang tidak ikut berhijrah. Ini kerana memuliakan para Muhajirat, juga mana-mana perempuan yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi tanpa maskahwin dan tanpa wali jika Nabi mahu berkahwin dengannya (di sana terdapat riwayat-riwayat yang bertentangan sama ada Rasulullah s.a.w. pernah berkahwin dengan seseorang perempuan dari jenis ini atau tidak, tetapi pendapat yang lebih rajih beliau telah mengahwinkan perempuan-perempuan yang menawarkan dirinya kepada-beliau dengan lelaki-lelaki yang lain), ini adalah hak istimewa yang khusus untuk Nabi s.a.w. sahaja selaku wali kepada seluruh orang yang beriman lelaki dan perempuan. Adapun orang-orang yang lain, maka mereka pastilah tunduk kepada peraturan yang telah diterangkan Allah dan diwajibkan ke atas mereka mengenai isteri-isteri dan hamba sahaya yang dimiliki mereka: Tujuan hukum yang sedemikian supaya Nabi s.a.w. tidak menghadapi kesulitan untuk mengekalkan para isterinya dan menyesuaikan dirinya dengan keadaan dan suasana tertentu yang melingkungi dirinya.

Kemudian Allah memberi pilihan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada hendak mengahwini perempuan-perempuan yang menghebahkan diri mereka kepada beliau atau hendak menangguhkannya dan perempuan-perempuan yang ditangguhkannya itu boleh pula beliau kembali kepadanya apabila beliau kehendaki. Beliau boleh mendampingi mana-mana isteri yang dikehendaki dan boleh menangguhkan mana-mana yang dikehendakinya kemudian kembali semula mendampinginya.

تُرْجِي مَن تَشَاءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِيٓ إِلَيْكَ مَن تَشَاءُ ۖ وَمَنِ ابْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ

"Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan engkau boleh mendampingi sesiapa yang engkau kehendaki dan sesiapa yang engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan ke atasmu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian."(51)

Hukum ini ialah untuk menyesuaikan dengan keadaan dan suasana tertentu yang dihadapi oleh Rasulullah.s.a.w. juga untuk melayani kegemaran-kegemaran yang ditujukan kepadanya dan cita-cita untuk mendapat kehormatan mempunyai pertalian dengan beliau yang diketahui dan ditadbirkan Allah dengan ilmu-Nya dan kesabaran-Nya:

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي قُلُوبِكُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾

"Dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar."(51)

Kemudian Allah menurunkan ayat yang mengharamkan perempuan-perempuan yang lain selain dari para isteri beliau yang telah dikahwininya bukan sahaja dari segi bilangan malah para isteri itu sendiri tidak boleh ditukar ganti dengan perempuan-perempuan yang lain. Dan tidak pernah diketahui bahawa Rasulullah s.a.w. telah menambahkan isteri selain para isteri yang ada sebelum turunnya ayat pengharaman ini:

لَّا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِن بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ

يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾

"Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu."(52)

Yakni yang dikecualikan hanya hamba-hamba perempuan yang dimiliki beliau sahaja. Hanya merekalah sahaja yang boleh dikahwini beliau jika disukainya dan perkara ini adalah terserah kepada kesedaran terhadap pengawasan Allah dan kemantapan kesedaran itu di dalam hati.

Menurut riwayat 'Aisyah r.a., pengharaman ini telah dibatalkan sebelum wafatnya Nabi s.a.w. dan beliau telah diberi kebebasan berkahwin, tetapi beliau tidak juga berkahwin dengan perempuan yang lain selain dari mereka selepas diberi kebenaran ini. Mereka sekalian telah menjadi ibu-ibu para Mu'minin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 54)

Selepas itu ayat Al-Qur'an mengaturkan perhubungan orang-orang Islam dengan rumahtangga Nabi s.a.w. dan para isterinya selaku ibu-ibu para Mu'minin semasa hayat dan selepas wafatnya. Di samping itu Al-Qur'an menghadapi satu keadaan yang berlaku, di mana setengah-setengah orang Munafiq dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka menyakiti Nabi s.a.w. sehubungan dengan rumahtangga beliau dan para isterinya, lalu Al-Qur'an memberi amaran yang keras kepada mereka dan memperlihatkan kepada mereka betapa kejinya perbuatan mereka yang jahat itu di sisi Allah, seterusnya mengingatkan mereka bahawa Allah mengetahui segala tipu daya dan niat yang jahat yang disembunyikan di dalam dada mereka.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتَ ٱلنَّبِىِّ إِلَّآ أَن
يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَٰظِرِينَ إِنَىٰهُ وَلَٰكِنْ
إِذَا دُعِيتُمْ فَٱدْخُلُوا۟ فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَٱنتَشِرُوا۟ وَلَا
مُسْتَـْٔنِسِينَ لِحَدِيثٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ يُؤْذِى ٱلنَّبِىَّ
فَيَسْتَحْىِۦ مِنكُمْ ۖ وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْىِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ وَإِذَا
سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ وَمَا كَانَ
لَكُمْ أَن تُؤْذُوا۟ رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا۟ أَزْوَٰجَهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ ٱللَّهِ
عَظِيمًا ﴿٥٣﴾

إِن تُبْدُوا۟ شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ
عَلِيمًا ﴿٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah-rumah Nabi kecuali apabila kamu diizinkan untuk menghadiri jamuan makan tanpa menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu dijemput, maka hendaklah kamu masuk dan bila kamu selesai makan hendaklah kamu keluar tanpa asyik berbual-bual, kerana sesungguhnya perbuatan-perbuatan sedemikian menyakiti Nabi. Dia malu (hendak menyatakan hal ini kepada kamu), tetapi Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka. Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah (53). Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(54)

Al-Bukhari telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Nabi s.a.w. telah melangsungkan perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy dengan mengadakan jamuan roti dan daging, lalu aku disuruh menjemput orang-orang menghadiri jamuan itu. Sekumpulan demi sekumpulan datang makan kemudian keluar dan aku terus menjemput sehingga aku dapati tiada seorang pun lagi yang aku hendak jemput, lalu aku pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tiada siapa pun lagi yang saya hendak jemput."Jawab beliau: "Angkatlah makanan-makanan kamu itu." Cuma ada tiga kumpulan lagi yang masih duduk berbual di rumah itu. Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar menuju ke bilik 'Aisyah r.a. dan memberi salam "Assalamualaikum Ahlil-Bait warahmatullah wabarakatuh. "Jawab 'Aisyah: "Waalaikas-salam warahmatullah, apa khabar Ahlil-Rumah abang, wahai Rasulullah? Allah limpahkan keberkatan ke atas abang." Kemudian beliau mengelilingi bilik-bilik para isterinya dan mengucapkan kepada mereka apa yang diucapkannya kepada 'Aisyah dan mereka menjawab sebagaimana jawapan yang diberikan 'Aisyah. Setelah itu Nabi s.a.w. pulang tiba-tiba (beliau dapati) tiga kumpulan tadi masih ada lagi dirumahnya berbual-bual. Nabi s.a.w. sangat pemalu, lalu beliau keluar menuju ke bilik 'Aisyah. (Kata Anas): Aku tidak tahu adakah 'Aisyah yang memberitahu beliau atau aku yang memberitahu beliau bahawa kumpulan-kumpulan itu telah keluar. Lalu beliau pun pulang dan sebaik sahaja beliau meletakkan sebelah kakinya di ambang pintu di

bahagian dalamnya dan sebelah lagi di bahagian luarnya beliau pun melabuhkan tabir di antaraku dengannya kemudian turunlah ayat hijab.

Adat Berkunjung Dan Menghadiri Jemputan

Ayat ini mengandungi adab-adab cara masuk ke rumah orang lain yang tidak dikenali di zaman jahiliyah termasuk ke rumah Rasulullah s.a.w. sendiri. Mereka biasanya masuk ke rumah-rumah orang lain tanpa meminta izin tuan-tuannya sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah an-Nur ketika menjelaskan ayat mengenai adab meminta izin. Mungkin, keadaan ini berlaku lebih ketara lagi di rumah Nabi s.a.w. setelah rumah itu menjadi tempat turunnya wahyu dan hikmat. Setengah-setengah mereka masuk dan bila mereka melihat ada makanan sedang dimasak, mereka terus menunggu makanan masak untuk makan bersama tanpa dijemput. Setengah-setengah yang lain pula terus berlabuh di situ selepas makan sama ada dijemput atau tidak dijemput dan terus berbual-bual tanpa menyedari bahawa perbuatan itu mengganggu Nabi s.a.w. dan ahli rumahnya. Menurut satu riwayat yang lain, tiga kumpulan yang berbual-bual tadi adalah melakukan perbuatan ini, sedangkan pengantin Nabi iaitu Zainab binti Jahsy sedang duduk di situ menghalakan mukanya ke dinding dan Nabi s.a.w. sendiri malu hendak memberitahu mereka bahawa mereka duduk di situ terlalu lama dan kerana beliau tidak suka mengemukakan kepada para pengunjungnya perkara-perkara yang boleh memalukan mereka sehingga Allah S.W.T. sendiri menerangkan perkara itu dengan terus terang:

وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْيِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ

"Allah tidak malu menerangkan kebenaran."(53)

Menurut satu cerita, Umar r.a. dengan perasaannya yang sensitif telah mengesyorkan kepada Nabi s.a.w. supaya dikenakan hijab di rumahnya dan dia bercita-cita agar Allah mengenakan hijab itu sehingga turunlah ayat hijab di dalam Al-Qur'anul-Karim tepat seperti yang dicadangkan olehnya.

Dari riwayat al-Bukhari dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Kata Umar ibn al-Khattab: "Wahai Rasulullah. (Semua orang) masuk menemui anda, yang baik dan yang jahat. Alangkah baiknya jika anda menyuruh para ibu Mu'minin itu supaya menghijabkan diri mereka?" Kemudian Allah menurunkan ayat hijab.

Ayat ini diturun untuk mengajar orang ramai Islam supaya jangan memasuki rumah Nabi s.a.w. tanpa izin, dan apabila mereka dijemput makan bolehlah mereka masuk dan andainya mereka tidak dijemput, maka janganlah mereka masuk menunggu-nunggu masaknya makanan beliau. Kemudian apabila mereka selesai makan hendaklah mereka keluar dan janganlah tinggal lagi selepas makan untuk berbual-bual. Umat Muslimin pada hari ini juga amat memerlukan kepada adab cara ini yang tidak dihiraukan lagi oleh sebilangan besar dari mereka, kerana para jemputan suka berlabuh di meja-meja selepas makan dan memanjang-manjangkan perbualan mereka, sedangkan penghuni rumah yang masih menjaga adab hijab yang disuruh Islam itu merasa terganggu dan terkurung di tempat mereka, sedangkan para tetamu masih terus bercakap-cakap dan berbual-bual tanpa menyedari keadaan penghuni rumah itu. Adab-adab cara yang diajar oleh Islam sudah cukup untuk menghadapi setiap keadaan andainya kita mahu mengamalkan adab cara Ilahi yang betul itu.

Kemudian Al-Qur'an mengenakan hijab di antara para isteri Nabi s.a.w. dengan kaum lelaki:

Perlaksanaan Peraturan Hijab

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ

"Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka."(53)

Al-Qur'an menjelaskan bahawa hijab itu lebih bersih kepada hati masing-masing, oleh itu janganlah ada orang yang mahu mengemukakan pendapat yang berlainan dari apa yang dikemukakan Allah. Jangan ada sesiapa pun yang sanggup berkata bahawa percampuran bebas (di antara lelaki dan perempuan) dan penghapusan hijab serta memberi kebebasan kepada kedua-dua jenis itu bercakap-cakap, bertemu dan duduk bersama serta bekerjasama itu lebih bersih kepada hati mereka dan lebih membantu untuk menyalurkan nafsu seks yang terpendam dan untuk menyedarkan kedua-dua jenis itu terhadap adab-adab yang sopan serta menghaluskan perasaan dan perilaku mereka.... dan sebagainya dari alasan-alasan yang dikemukakan Oleh manusia yang lemah, jahil dan terdinding (dari hidayat Allah). Jangan ada sesiapa pun yang berkata begitu, kerana Allah telah pun menegaskan:

إِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ

"Apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka."(53)

Firman Allah ini adalah mengenai para isteri Nabi yang beristeri yang menjadi ibu-ibu para Mu'minin dan mengenai lelaki-lelaki dari angkatan pertama sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang tidak pernah berangan-angan jahat terhadap para isteri Nabi s.a.w. Apabila Allah telah menyampaikan firman-Nya dan

tiba-tiba ada pula manusia makhluk-Nya mengemukakan pendapatnya yang berlainan, maka yang wajib dipegang ialah firman Allah S.W.T. sahaja. Sedangkan segala pendapat yang lain adalah karut belaka. Pendapat manusia itu hanya didokong oleh orang yang berani mengatakan bahawa manusia yang fana itu lebih 'arif dengan jiwa manusia dari Allah yang telah menciptakan mereka.

Apa yang berlaku di alam kenyataan membuktikan kebenaran firman Allah itu dan kedustaan pendapat manusia yang berlainan dari firman Allah. Pengalaman-pengalaman yang terdedah di dunia hari ini membuktikan kebenaran apa yang telah kami katakan tadi, lebih-lebih lagi di negeri-negeri di mana kebebasan pergaulan lelaki dan perempuan telah mencapai kemuncaknya (dan Amerika merupakan negeri pertama dari negeri-negeri yang telah memetik hasil yang paling buruk dari kebebasan percampuran lelaki dan perempuan).[15]

Ayat ini telah menerangkan bahawa kedatangan mereka untuk menunggu masaknya makanan tanpa dijemput dan perbuatan mereka duduk berlabuh selepas makan kerana berbual-bual adalah mengganggu Nabi s.a.w., sedangkan beliau malu hendak menyatakan hal ini kepada mereka. Pada akhir ayat ini diterangkan pula bahawa tidaklah wajar bagi orang-orang Islam mengganggu Rasulullah s.a.w. Begitu juga tidaklah wajar kepada mereka bercita-cita hendak berkahwin dengan isteri-isteri beliau selepas wafatnya kerana para isteri beliau mempunyai kedudukan selaku ibu-ibu kepada mereka dan mempunyai kedudukan istimewa di sisi Rasulullah s.a.w. Sesiapa pun adalah diharamkan berkahwin dengan mereka selepas wafat beliau kerana memelihara kehormatan dan kemuliaan rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang unik itu.

وَمَا كَانَ لَكُمْ أَن تُؤْذُوا۟ رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا۟ أَزْوَٰجَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمًا ﴿٥٣﴾

"Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah."(53)

Ada riwayat menyatakan bahawa setengah-setengah orang Munafiqin menunggu untuk berkahwin dengan 'Aisyah.

"Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar di sisi Allah" dan alangkah dahsyatnya sesuatu yang menjadi amat besar dosanya di sisi Allah.

Al-Qur'an tidak berhenti sekadar memberi amaran ini sahaja, malah ia beralih pula kepada satu amaran yang lain yang amat besar:

إِن تُبْدُوا۟ شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٥٤﴾

"Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(54)

Jadi Allah sendiri yang mengendalikan urusan ini. Allah Maha Mengetahui segala sesuatu yang nyata dan segala sesuatu yang tersembunyi. Allah melihat segala pemikiran dan perancangan mereka dan persoalan ini amat besar di sisi Allah. Barang siapa yang melakukan-nya bererti mendedahkan dirinya kepada 'azab Allah yang amat dahsyat dan amat besar.

Setelah selesai memberi amaran dan ancaman, Al-Qur'an kembali mengecualikan setengah-setengah mahram yang tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada para isteri Nabi s.a.w. muncul di hadapan mereka (tanpa hijab).

لَّا جُنَاحَ عَلَيْهِنَّ فِىٓ ءَابَآئِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآئِهِنَّ وَلَآ إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ أَخَوَٰتِهِنَّ وَلَا نِسَآئِهِنَّ وَلَا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ ۗ وَٱتَّقِينَ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾

"Tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada perempuan-perempuan (untuk berjumpa tanpa tabir) dengan bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara perempuan mereka, perempuan-perempuan Islam dan hamba sahaya yang dimiliki mereka. Bertaqwalah kamu (wahai wanita-wanita Islam) kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu."(55)

Merekalah mahram-mahram yang diharuskan kepada perempuan-perempuan Islam umumnya muncul di hadapan mereka tanpa hijab. Saya tidak dapat mempastikan manakah ayat yang lebih dahulu diturunkan, adakah ayat yang khusus mengenai para isteri s.a.w. ini atau ayat yang ditujukan kepada sekalian perempuan Islam di dalam Surah an-Nur. Yang lebih rajih ialah mula-mula perintah itu ditujukan khusus kepada para isteri Nabi s.a.w., kemudian barulah ditujukan kepada sekalian perempuan Islam. Itulah ihtimal yang lebih hampir dengan ṭabi'at taklif.

Di sini kita jangan lupa memperhatikan arahan ayat ini yang menyuruh supaya bertaqwa kepada Allah dan

---

[15] *Semaklah dengan lebih luas fasal "سلام البيت" di dalam buku "السلام العالمي والإسلام"*

memperhatikan isyarat yang menerangkan hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu:

وَاتَّقِينَ اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾

"Bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu."(55)

Kerana saranan bertaqwa kepada Allah dan bermurakabah dengan-Nya selalunya wujud di tempat-tempat yang seperti ini. Sebab taqwalah yang menjadi satu-satunya penjamin dan pengawas yang sentiasa menjaga dan mengawal hati manusia.

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 58)

Kemudian Al-Qur'an terus mengingatkan orang-orang yang menyakiti Nabi s.a.w. dan penghuni rumahnya dan mengecam; perbuatan mereka sebagai suatu kesalahan yang amat keji. Peringatan itu disalurkan menerusi dua cara: Pertama dengan memuji Rasulullah s.a.w. dan menerangkan kedudukan beliau yang tinggi di sisi Allah dan di alam al-Mala'ul-A'la. Yang kedua dengan menjelaskan bahawa perbuatan menyakiti beliau sama dengan menyakiti Allah S.W.T., yang mana balasannya ialah mereka dijauhkan dari rahmat Allah dunia dan Akhirat sesuai dengan perbuatan mereka yang amat keji itu:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ ۚ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِينًا ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkan kepadanya salam sejahtera dengan sebanyak-banyaknya (56). Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan."(57)

Dosa Menyakiti Rasulullah s.a.w.

Erti selawat Allah ke atas Nabi ialah Allah memujinya di alam al-Mala'ul-A'la, dan erti selawat malaikat ialah mereka mendo'akannya di sisi Allah S.W.T. Alangkah tingginya martabat beliau! Seluruh pelusuk alam buana adalah bergema dengan sanjungan Allah terhadapnya iaitu sanjungan azali, qadim dan kekal abadi. Tidak ada ni'mat dan penghormatan yang lebih tinggi dari ni'mat dan penghormatan ini. Ke manakah perginya selawat dan taslim manusia selepas selawat dan taslim dari Allah Yang Maha Tinggi dan selawat dan taslim dari para malaikat di alam al-Mala'ul-A'la? Sesungguhnya Allah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada para Mu'minin dengan menyuruh mereka turut berselawat dan bertaslim kepada Nabi bersama-sama selawat dan taslim dari Allah, kerana Allah mahu menghubungkan mereka melalui selawat dengan kemuncak Yang Maha Tinggi, Maha Mulia, azali dan qadim.

Di bawah bayang sanjungan Ilahi yang tinggi itu nampaklah betapa keji dan terkutuknya perbuatan mereka yang menyakiti Nabi s.a.w.:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِينًا ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan."(57)

Seolah-olah perbuatan itu, menyakiti Allah. Mereka tidak berkuasa menyakiti Allah, cuma ungkapan ini menggambarkan kepekaan perbuatan menyakiti Rasul-Nya, alangkah kejinya perbuatan itu.

Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada perbuatan menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan umumnya, iaitu menyakiti mereka dengan membuat pembohongan-pembohongan dan memalitkan mereka dengan keaiban-keaiban yang tidak ada pada mereka:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُبِينًا ﴿٥٨﴾

"Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan tanpa kesalahan yang telah dilakukan mereka, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan melakukan pembohongan dan dosa yang amat nyata."(58)

Dosa Menyakiti Orang-orang Islam

Pernyataan yang berat ini menunjukkan bahawa di Madinah pada masa itu terdapat sekumpulan manusia yang mengaturkan rancangan-rancangan jahat terhadap orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dengan menyebarkan fitnah-fitnah yang keji terhadap mereka, merancangkan pakatan-pakatan jahat dan menghebohkan berbagai-bagai tuduhan dusta terhadap mereka. Sebenarnya kumpulan yang seperti ini terdapat di setiap zaman dan tempat. Orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sentiasa terdedah kepada kegiatan-kegiatan tipu daya seperti ini di dalam setiap masyarakat yang ditimbulkan oleh kumpulan orang-orang yang jahat dan menyeleweng, oleh kumpulan Munafiqin dan kumpulan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka. Allah sendiri akan membalaskan tipu daya mereka yang jahat itu dan Allah telah mengecapkan musuh-musuh

kaum Muslimin itu sebagai pendosa-pendosa dan pendusta. Allah itulah sebenar-benar yang berkata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 59)

Kemudian Allah memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya menyuruh para isterinya, anak-anaknya dan sekalian perempuan Islam apabila mereka keluar menunaikan hajat mereka supaya menutupkan tubuh badan, kepala dan bahagian lubang dada pada baju mereka dengan baju kurung yang menutup semuanya agar dengan pakaian ini dapat membezakan mereka dari perempuan-perempuan yang lain dan menjadikan mereka aman dari gangguan-gangguan lelaki-lelaki yang jahat, kerana dengan pengenalan syakhsiyah dan sopan santun mereka boleh menimbulkan rasa silu malu dan segan di dalam hati lelaki-lelaki yang selalu mengikuti perempuan untuk mengganggu dan mempermain-mainkan mereka:

Berpakaian Kemas Dan Sopan Untuk Menghindari Gangguan Lelaki Hidung Belang

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

"Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka melabuhkan baju kurung mereka menutupkan seluruh tubuhnya (semasa keluar), cara yang demikian lebih mudah mereka dapat dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(59)

Ujar as-Suddi mengenai ayat ini: Ada orang-orang fasiq dari penduduk Madinah keluar di waktu malam ketika diselubungi gelita. Mereka merayau di jalan-jalan mengganggu perempuan. Rumah-rumah kediaman penduduk Madinah di masa itu adalah sempit belaka, oleh kerana itu apabila masuk waktu malam perempuan keluar ke tengah jalan kerana menunaikan hajat mereka. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh orang-orang yang fasiq itu. Apabila mereka melihat perempuan yang memakai baju kurung yang menutup semua badan, mereka berkata: Ini perempuan merdeka, jangan ganggu dia. Dan apabila mereka melihat perempuan yang tidak memakai baju kurung itu, mereka terus berkata: Ini perempuan hamba, lalu mereka menyerbu menangkapnya....

Ujar Mujahid: Apabila mereka memakai baju kurung yang menutup semua badan itu mereka dikenali sebagai perempuan-perempuan yang merdeka dan mereka tidak diganggu orang-orang yang fasiq dengan perbuatan yang menyakiti mereka dan menimbulkan fitnah keraguan terhadap mereka. Firman Allah:

وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

"Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(59)

Yakni Maha Pengampun terhadap dosa-dosa yang telah lepas di masa jahiliyah, kerana mereka belum lagi mengetahui dosa-dosa itu.

Dari sini dapatlah kita melihat usaha-usaha Islam yang tidak berkeputusan untuk membersihkan masyarakat Arab, di samping bimbingan-bimbingan yang berterusan untuk menghapuskan segala punca-punca fitnah dan kacau-bilau dan membendungnya dalam lingkungan yang paling sempit sebelum adat-adat Islamiyah dapat menguasai sekalian warga masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 62)

Pada akhirnya Al-Qur'an mengancam kaum Munafiqin dan golongan yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka, juga golongan yang menyebarkan khabar-khabar angin yang menggemparkan di dalam barisan masyarakat Islam. Mereka diancam iaitu andainya mereka tidak berhenti dari perbuatan-perbuatan itu dan dari tindakan-tindakan mereka menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dan masyarakat Islam umumnya bahawa Allah akan mendorong Nabi-Nya menakluk mereka sebagaimana beliau menaklukkan orang-orang Yahudi sebelum ini untuk membersihkan suasana Madinah dari mereka dan mengusir mereka dari negeri itu, juga Allah akan menghalalkan darah mereka, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku kepada kaum Yahudi sebelum mereka di tangan Nabi s.a.w. dan kepada kaum-kaum lain yang bukan Yahudi yang menjadi pengacau-pengacau di bumi di abad-abad yang silam:

لَّئِن لَّمْ يَنتَهِ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْمُرْجِفُونَ فِى ٱلْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٠﴾

مَّلْعُونِينَ أَيْنَمَا ثُقِفُوٓا۟ أُخِذُوا۟ وَقُتِّلُوا۟ تَقْتِيلًا ﴿٦١﴾

سُنَّةَ ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٦٢﴾

"Sekiranya orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang menyebarkan khabar angin di Madinah itu tidak

berhenti (dari menyakitimu), nescaya Kami akan dorongkan engkau memerangi mereka dan sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu lagi di Madinah melainkan hanya sebentar sahaja (60). Mereka sentiasa dila'nat, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh dengan sedahsyat-dahsyatnya (61). (Demikianlah) mengikut Sunnatullah yang berlaku ke atas orang-orang yang terdahulu sebelum engkau, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(62)

Dari ancaman yang tegas ini dapatlah kita memahami sejauh mana kekuatan kaum Muslimin di Madinah selepas terhapusnya Bani Qurayzah dan sejauh mana kekuasaan kerajaan Islam menguasai Madinah. Sejak itu kaum Munafiqin menyembunyikan kepala mereka dan bergiat di dalam sulit merancangkan tipu muslihat mereka yang jahat. Mereka tidak dapat muncul kerana terancam dan takut:

(Kumpulan ayat-ayat 63 - 73)

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

إِنَّ اللَّهَ لَعَنَ الْكَافِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ﴿٦٤﴾

خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۖ لَا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٦٥﴾

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَا لَيْتَنَا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَا ﴿٦٦﴾

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَاءَنَا فَأَضَلُّونَا السَّبِيلَا ﴿٦٧﴾

رَبَّنَا آتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ الْعَذَابِ وَالْعَنْهُمْ لَعْنًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ آذَوْا مُوسَىٰ فَبَرَّأَهُ اللَّهُ مِمَّا قَالُوا ۚ وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ ۖ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

لِيُعَذِّبَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ وَيَتُوبَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٧٣﴾

"Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (kedatangan) hari Qiamat, katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada di sisi Allah sahaja. Apakah engkau tahu? Barangkali Qiamat itu sudah dekat (63). Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang (64). Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka) (65). Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul (66). Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Berikan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan la'natkan mereka dengan sebesar-besar la'nat (68). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Yahudi) yang menyakiti Musa, lalu Allah membersihkannya dari segala tohmahan yang dikatakan mereka, dan dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah (69). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan bercakaplah dengan percakapan yang benar (70). Agar Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar (71). Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit dan bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil (72). Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Di dalam pelajaran akhir surah ini dikemukakan cerita orang-orang yang bertanya tentang hari Qiamat dan permintaan mereka supaya disegerakan kedatangan hari itu, juga tentang keraguan mereka mengenai hari itu. Untuk menjawab pertanyaan itu Al-Qur'an memulangkan perkara hari Qiamat itu kepada Allah dan mengingatkan mereka tentang kemungkinan dekatnya kedatangan hari itu dan kemungkinan mereka dilanda Qiamat secara mengejut. Kemudian ditayangkan pula satu

pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang tidak menenangkan orang-orang yang menuntut disegerakan kedatangannya, iaitu hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka dan hari mereka menyesal kerana tidak ta'atkan Allah dan Rasul-Nya, juga hari mereka menuntut supaya Allah mengenakan 'azab seksa dua kali ganda ke atas ketua-ketua dan pembesar-pembesar mereka. Itulah satu pemandangan yang menakutkan yang tidak wajar diminta agar segerakan, kemudian Al-Qur'an membawa mereka kembali dari pemandangan di alam Akhirat ini ke alam bumi sekali lagi. Ia membawa mereka balik semula untuk memperlihatkan orang-orang yang beriman supaya jangan jadi seperti kaum Musa yang telah menyakiti dan membuat tuduhan-tuduhan yang jahat terhadap beliau, lalu Allah membersihkan beliau dari tuduhan-tuduhan mereka. Perbuatan ini nampaknya dituju untuk memberi jawapan kepada satu peristiwa yang telah berlaku. Mungkin peristiwa itu ialah perbualan setengah mereka yang menyindir perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab yang dianggap mereka sebagai bertentangan dengan adat resam orang-orang Arab. Seterusnya Al-Qur'an menyeru orang-orang yang beriman supaya mengeluarkan percakapan-percakapan yang benar, lurus, jauh dari menyindir-nyindir dan membuat tuduhan-tuduhan yang memalukan agar Allah memperbaiki amalan-amalan mereka dan mengampunkan dosa mereka serta membuat hati mereka kasih melakukan keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan menjanjikan mereka dengan keberuntungan yang amat besar.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan kenyataan yang amat besar dan mendalam iaitu kenyataan mengenai amanah Allah yang menakutkan langit, bumi dan gunung-ganang untuk memikulnya, lalu dipikul oleh makhluk insan, sedangkan amanah itu amat besar dan berat. Ini ialah untuk menyempurnakan kehendak tadbir Allah dalam mengatur balasan terhadap amalan dan menghisabkan manusia terhadap buruk baik yang dipilih olehnya:

لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ وَٱلْمُشْرِكَٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٣﴾

"Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 63)

Bilakah Hari Qiamat ?

يَسْـَٔلُكَ ٱلنَّاسُ عَنِ ٱلسَّاعَةِ ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

"Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (kedatangan) hari Qiamat, katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada di sisi Allah sahaja. Apakah engkau tahu? Barangkali Qiamat itu sudah dekat."(63)

Mereka tak berhenti-henti bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai hari Qiamat yang dijelas dan diancamkan kepada mereka sekian lama. Al-Qur'an telah memerikan pemandangan-pemandangan hari Qiamat itu dengan panjang lebar sehingga pembacanya seolah-olah melihat Qiamat itu dengan mata kepalanya. Mereka bertanya beliau tentang masa kedatangannya dan meminta supaya masa itu disegerakan. Desakan mereka supaya Qiamat itu disegerakan membayangkan keraguan dan pendustaan mereka terhadap kebenaran hari ini atau membayangkan sendaan mereka terhadapnya mengikut masing-masing penanyanya itu dan mengikut jauh dekat mereka kepada keimanan.

Hari Qiamat itu adalah dari urusan ghaib yang terpulang kepada Allah S.W.T. sahaja. Allah tidak berkehendak sesiapa pun dari para makhluknya mengetahui masa kedatangan hari Qiamat ini termasuk para rasul dan para malaikat yang muqarrabin sendiri. Tersebut di dalam sebuah hadith yang menjelaskan hakikat iman dan Islam: Dari Abdullah ibn Umar r.a. katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saya Umar ibn al-Khattab r.a. katanya: Sedang kami sekalian duduk di sisi Rasulullah s.a.w. tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki yang memakai baju yang sangat putih dan mempunyai rambut yang sangat hitam. Tidak ternampak padanya kesan-kesan persafiran dan tiada seorang pun yang mengenalinya hingga dia duduk di hadapan Rasulullah s.a.w. Dia mempertemukan kedua lututnya dengan dua lutut beliau dan meletakkan dua tangannya di atas pahanya lalu berkata: Wahai Muhammad! Ceritakan kepada aku tentang Islam. Jawab beliau: "Islam itu ialah engkau mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan hanya Allah dan bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan Rasul-Nya, engkau mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengunjungi Baitullah jika engkau berkuasa berjalan kepadanya. "Kata orang itu: "Cakap engkau itu benar. "Kami sekalian merasa aneh kerana dia yang bertanya kemudian dia pula yang membenarkannya. Kemudian orang itu berkata lagi: "Ceritakan kepadaku tentang iman."Jawab beliau: "Iman itu ialah engkau percaya kepada Allah, kepada malaikat-Nya, kepada kitab-kitab suci-Nya, kepada rasul-rasul-Nya dan kepada hari Akhirat, juga engkau percaya kepada qadha qadar Allah, baiknya dan buruknya." Kata orang itu:

"Cakap engkau itu benar." Kemudian dia berkata lagi: "Ceritakan kepada aku tentang ihsan."Jawab beliau: "Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka Allah melihat engkau." Kemudian dia berkata lagi: "Ceritakan kepada aku tentang Qiamat."Jawab beliau: "Masakan orang yang ditanya itu lebih tahu dari orang yang bertanya....... (hingga akhir hadith).... Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya orang tadi ialah Jibril a.s. Dia datang untuk mengajar kepada kamu agama kamu".

Orang yang ditanya ialah Rasulullah s.a.w. dan orang yang bertanya ialah Jibril a.s. kedua-duanya tidak mengetahui ilmu Qiamat.

قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ

"Katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada disisi Allah sahaja."(63)

Dialah sahaja yang mengetahuinya, sedangkan para hamba-Nya tiada siapa dari mereka yang mengetahui ilmu itu.

Allah telah menentukan begitu kerana sesuatu hikmat yang diketahuinya. Kita hanya dapat memahami sebahagian kecil dari hikmat itu, iaitu Allah mahukan manusia sentiasa berwaspada untuk menghadapi hari Qiamat, sentiasa mendugakan kedatangan dan sentiasa bersedia menghadapi kemungkinan Qiamat itu meletus secara mengejut. Inilah golongan manusia yang Allah kehendaki untuk memberi kebaikan kepada mereka dan mengisikan taqwa di dalam hati mereka. Adapun orang-orang yang lalai terhadap hari Qiamat dan tidak hidup pada setiap sa'at pun untuk menghadapinya, maka itulah orang-orang yang mengkhianati diri sendiri dan tidak memeliharanya dari api Neraka. Allah telah menerangkan Qiamat kepada mereka, mengingat dan memberi amaran kepada mereka dan menjadikan Qiamat itu suatu perkara ghaib yang majhul yang diduga mungkin berlaku pada bila-bila masa sahaja sama ada di waktu malam atau siang:

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

"Apakah engkau tahu? Barangkali (masa kedatangan) Qiamat itu sudah dekat."(63)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 68)

إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ﴿٦٤﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٦٥﴾

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾

وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾

رَبَّنَآ ءَاتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ ٱلْعَذَابِ وَٱلْعَنْهُمْ لَعْنًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang (64). Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka) (65). Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul (66). Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Berikan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan la'natkan mereka dengan sebesar-besar la'nat."(68)

Mereka bertanya tentang hari Qiamat dan inilah salah satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat:

إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ﴿٦٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang."(64)

Allah mengusir orang-orang kafir dari rahmat-Nya dan Allah menyediakan untuk mereka Neraka yang bernyala-nyala dan marak menjulang. Neraka itu telah pun siap disediakan.

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٦٥﴾

"Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka)."(65)

Mereka kekal di dalam Neraka sepanjang masa. Tiada siapa yang mengetahui batasnya melainkan Allah dan tiada siapa yang tahu penghabisannya melainkan ilmu Allah mengikut kehendak masyi'ah-Nya. Mereka tidak akan mendapat pertolongan dari sesiapa pun. Oleh itu mereka tidak mempunyai sebarang harapan untuk tertepas dari api Neraka dengan pertolongan dari mana-mana pelindung dan penolong:

لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٦٥﴾

"Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong mereka."(65)

Adapun pemandangan mereka yang sedang berada di dalam 'azab Neraka ini pula merupakan satu pemandangan yang amat pedih:

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا

ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا ﴿٦٦﴾

"Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Yakni api Neraka meliputi mereka dari segenap penjuru. Ungkapan ini bertujuan menggambarkan betapa dahsyatnya gerakan api Neraka yang bernyala-nyala itu menyelar setiap ruang muka mereka untuk menambahkan keseksaan mereka.

يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا ﴿٦٦﴾

"Mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Itulah angan-angan mereka yang sia-sia, angan-angan yang bukan pada tempatnya dan angan-angan yang tidak akan dilayan. Masanya telah luput. Itu hanya penyesalan terhadap apa yang telah berlaku!

Kemudian keluarlah dari hati mereka rasa dendam terhadap ketua-ketua dan pembesar-pembesar yang telah menyesatkan mereka dan mereka benar-benar ingin kembali kepada Allah. Yang Maha Esa, tetapi perkembalian itu tidak berguna lagi:

وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾

"Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar."(67)

Inilah yang dikatakan hari Qiamat. Apa guna bertanya tentang hari ini? Hanya amalan yang soleh sahaja yang dapat menyelamatkan seseorang dari nasib kesudahan yang amat malang itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 71)

Amaran Keras Kepada Penyebar-penyebar Fitnah Dan Khabar Angin

Jelaslah bahawa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab binti Jahsy r.a. bertentangan dengan adat resam jahiliyah, iaitu adat yang mahu dihapuskan Islam dengan menunjukkan contoh secara amali, jelaslah bahawa perkahwinan ini tidak berlangsung dengan mudah dan selesa. Ramai orang-orang Munafiqin, orang-orang yang berpenyakit di dalam hati dan orang-orang yang belum mempunyai kefahaman Islam yang teguh dan jelas di dalam hati mereka melepaskan kata-kata menggiat, menyindir, mengejek-ngejek, membantah, membisik-bisik, menghasut dan mengeluarkan percakapan-percakapan yang amat keji.

Orang-orang Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin tidak pernah diam, malah mereka mengambil apa sahaja kesempatan untuk menaburkan racun-racun mereka sebagaimana kita telah lihat gelagat mereka dalam Peperangan Ahzab, dalam peristiwa fitnah dusta terhadap Siti 'Aisyah r.a., dalam peristiwa pembahagian harta fai' dan dalam setiap kejadian untuk menyakiti Nabi s.a.w. tanpa suatu alasan yang benar.

Di Madinah pada masa ini, iaitu selepas pengusiran Bani Qurayzah dan semua orang-orang Yahudi, tidak terdapt lagi orang-orang yang berterus terang memperlihatkan kekafiran mereka kerana seluruh penduduknya telah menjadi orang-orang Islam belaka sama ada orang-orang Islam yang benar atau orang-orang Islam Munafiqin. Golongan Munafiqinlah yang menyebarkan khabar-khabar angin dan cerita-cerita dusta yang menyebabkan setengah-setengah orang Islam termasuk di dalam perangkap mereka dan menurut mereka percaya kepada setengah-setengah khabar angin yang ditaburkan mereka. Oleh kerana itu turunlah ayat-ayat Al-Qur'an mengingatkan mereka supaya jangan menyakiti Nabi s.a.w. sebagaimana yang telah dilakukan oleh Bani Israel terhadap nabi mereka Musa a.s. Al-Qur'an memerintah mereka supaya bercakap benar dan lurus bukan bercakap serampangan tanpa usu periksa dan teliti. Al-Qur'an menggalakkan mereka supaya ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya untuk mendapat keberuntungan yang amat besar:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ ءَاذَوْا۟ مُوسَىٰ فَبَرَّأَهُ ٱللَّهُ مِمَّا قَالُوا۟ ۚ وَكَانَ عِندَ ٱللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Yahudi) yang menyakiti Musa lalu Allah membersihkannya dari segala tohmah yang dikatakan mereka dan dia adalah seorang yang mempnyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah (69). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan bercakaplah dengan percakapan yang benar (70). Agar Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar."(71)

Al-Qur'an tidak menjelaskan jenis perbuatan yang menyakiti Nabi Musa itu, tetapi ada riwayat-riwayat yang menentukannya, tetapi kami berpendapat kita tidak perlu bersusa payah membincangkan sesuatu yang diterangkan Al-Qur'an secara umum sahaja, kerana tujuan Allah di sini ialah untuk mengingatkan

orang-orang yang beriman dari melakukan apa sahaja perbuatan yang menyakiti Nabi s.a.w. Allah telah membuat perbandingan dengan Bani Israel sebagai contoh penyelewengan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an. Oleh itu cukuplah di sini Allah menyebut perbuatan mereka yang menyakiti nabi mereka dan mengingatkan kaum Muslimin supaya jangan mengikut perbuatan mereka dan supaya hati setiap Mu'min benci menjadi seperti Bani Israel yang suka menyeleweng itu, iaitu satu umat yang telah dijadikan Al-Qur'an sebagai contoh manusia yang suka menyeleweng dengan cara yang amat jelas.

Allah telah membersihkan Musa dari segala tuduhan yang dilemparkan kaumnya:

"Dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi."(69)

Allah sentiasa membersihkan para rasul-Nya dari segala tohmah yang tidak benar dan tentulah Muhammad s.a.w. selaku Rasul yang paling utama lebih wajar lagi mendapat pembersihan dan pembelaan dari Alah.

Al-Qur'an menyuruh orang-orang yang beriman supaya bercakap benar, lurus, teliti dan cermat. Mereka pastilah lebih dahulu mengetahui tujuan sesuatu percakapan itu sebelum mereka terikut-ikut kepada gembar-gembur orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang suka menyebarkan khabar-khabar angin itu. Mereka pastilah berhati-hati sebelum mendengar tuduhan-tuduhan liar, sesat dan bertujuan jahat terhadap Nabi dan pemimpin mereka. Al-Qur'an memerintah orang-orang yang beriman supaya mendengar percakapan yang baik yang membawa kepada amalan yang salih. Allah S.W.T. sentiasa memelihara orang-orang yang bercakap benar, memimpin jejak langkah mereka dan memperbaiki amalan-amalan mereka sebagai balasan atas sikap mereka yang bercakap benar dan hemat. Allah S.W.T. memberi keampunan kepada orang yang mengeluarkan percakapan-percakapan yang baik dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Allah S.W.T. menghapuskan dosa yang tidak dapat dihindari manusia yang banyak membuat kesilapan-kesilapan itu. Tiada yang dapat menyelamatkan mereka dari dosa-dosa itu melainkan keampunan dan kema'afan dari Allah.

"Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar."(71)

Keta'atan itu sendiri merupakan satu keberuntungan yang amat besar. Keta'atan ialah berjalan lurus dan tetap teguh di atas jalan Allah dan sikap berjalan lurus di atas jalan Allah melahirkan ketenteraman jiwa. Mendapat jalan hidayat yang lurus, jelas dan menyampaikan kepada Allah itu sendiri merupakan sesuatu kebahagiaan sekalipun tidak mendapat apa-apa ganjaran yang lain selain darinya. Orang yang berjalan di jalan yang baik dan terang, sedangkan makhluk-makhluk Allah di sekelilingnya pula menunjukkan sikap saling mesra dan kerjasama adalah tidak sama dengan orang yang berjalan di jalan yang lopak-lopak dan gelap, sedangkan makhluk-makhluk Allah di sekelilingnya pula menunjukkan sikap permusuhan dan bertindak menyakitinya. Oleh sebab itu keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya merupakan satu sikap yang membawa ganjaran di dalam dirinya sendiri. Itulah keberuntungan yang amat besar sebelum hari hisab dan sebelum mencapai ni'mat Akhirat. Adapun ni'mat-ni'mat Akhirat, maka ia merupakan pemberian dan kurnia tambahan di atas ganjaran keta'atan itu, iaitu limpah kurnia Allah yang diberikan tanpa sesuatu tukaran. Dan sesungguhnya Allah memberi rezeki tanpa terkira kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 72 - 73)

Pemberian yang seperti itu barang kali kerana Allah memandang kepada kelemahan makhluk insan ini, memandang kepada tanggungjawab yang amat besar yang dipikul di atas bahunya, memandang kepada amanah yang ditanggung olehnya iaitu amanah yang tidak sanggup dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang, tetapi manusia sahaja yang sanggup memikulnya, sedangkan dirinya begitu lemah, sentiasa ditekan oleh nafsu keinginan, ditekan oleh berbagai-bagai kecenderungan dan kegemaran di samping ilmu pengetahuannya yang terbatas, umurnya yang terhad dan halangan-halangan zaman dan ruang. Dia juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna dan tidak dapat melihat sesuatu yang berada di sebalik tabir-tabir tempat dan zaman:

Makhluk Insan Sahaja Yang Sanggup Memikul Amanah Tanggungjawab

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit dan bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Langit bumi dan gunung-ganang merupakan makhluk-makhluk yang amat besar, sedangkan manusia yang hidup di atasnya atau di hadapannya merupakan satu makhluk yang amat kecil. Makhluk-makhluk yang besar itu mengenal Allah Penciptanya

tanpa sebarang usaha dan mengenal undang-undang Allah yang mengendalinya dengan tabi'at kejadiannya, dengan strukturnya dan peraturannya sahaja. Makhluk-makhluk ini mematuhi undang-undang Allah dengan kepatuhan secara langsung tanpa tilik fikir dan tanpa wasitah. Ia beredar di tempat peredarannya menurut uadang-undang Allah dengah tekun, tidak pernah jemu dan tidak pernah mungkir walaupun kurang dari sesa'at. Ia menunaikan tugasnya dengan tabi'at kejadian semulajadinya sahaja tanpa kesedaran dan pilihan.

Matahari beredar dalam lingkungan peredarannya dengan teratur rapi tidak pernah mungkir selama-lamanya. Ia menyorokkan cahayanya memenuhi kewajipan yang telah ditetapkan Allah kepadanya. Ia menarik planet-planet yang mengikutnya tanpa kehendak dan kemahuannya dan dengan itu ia menunaikan peranannya di alam ini dengan sempurna.

Bumi juga beredar dalam lingkungan peredarannya. Ia mengeluarkan tanaman-tanamannya, menyediakan makanan-makanan kepada penghuninya, menanamkan mana-mana penghuninya yang mati dan memancurkan matair-matairnya mengikut undang-undang Allah tanpa kehendak dan kemahuannya sendiri.

Bulan, bintang-bintang, planet-planet, angin, awan, udara, air, gunung-ganang dan gaung-gaung semuanya berjalan mengikut tabi'atnya dengan perintah Ilahi. Semuanya mengenal Allah yang menciptakannya dan ta'at kepada kehendak Allah tanpa usaha dan susah payah. Semuanya takut dari memikul amanah tanggungjawab, amanah mengenal diri dan amanah melaksanakan usaha yang tertentu.

وَحَمَلَهَا ٱلۡإِنسَٰنُۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومٗا جَهُولٗا ﴿٧٢﴾

"Dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Hanya manusia sahaja yang sanggup memikulnya, iaitu makhluk yang mengenal Allah dengan akal dan perasaannya dan mengenal undang-undang-Nya dengan fikiran dan penglihatannya, ia beramal mengikut undang-undang Allah dengan usaha dan tenaganya. Dia ta'at kepada Allah dengan kehendak dan kemahuannya dan berusaha menentang penyelewengan-penyelewengan dan keinginan-keinginan hawa nafsunya. Dalam setiap langkah ini, manusia bertindak dengan kemahuan dan fikirannya. Dia memilih jalannya dan mengetahui ke manakah jalan ini akan membawanya.

Itulah amanah yang amat besar yang dipikul oleh manusia, satu makhluk yang kecil, tidak kuat, lemah daya tenaganya, terbatas umur dan sentiasa ditentang dan diganggu gugat oleh berbagai-bagai keinginan hawa nafsu, berbagai-bagai kegemaran, kecenderungan dan tamak haloba.

Manusia mengadu untung nasibnya memikul tanggungjawab yang amat berat ini, kerana itu dia disifatkan sebagai "ظلوما" yakni amat zalim kepada dirinya dan "جهولا" yakni amat jahil terhadap daya kemampuan dirinya. Ini adalah dilihat dari segi keberatan tugas yang hendak dipikul olehnya, tetapi apabila manusia berjaya melaksanakan tugas itu, berjaya mendapat ma'rifat yang menyampaikannya kepada Allah, berjaya mengikut undang-undang Allah secara langsung dan berjaya mematuhi kehendak Allah dengan sempurna iaitu ma'rifat, ikutan dan keta'atan yang pada tabi'atnya dan kesannya sampai kepada darjat keselesaan dan kesempurnaan ma'rifat, ikutan dan keta'atan langit, bumi dan gunung-ganang iaitu makhluk-makhluk yang mengenal Allah secara langsung, mengikut secara langsung dan ta'at secara langsung, tanpa halangan-halangan yang menyekat di antaranya dengan Allah, dengan undang-undang dan iradat-Nya, dan tanpa digagalkan oleh penyekat-penyekat yang menyekat dari mematuhi, menta'ati Allah dan dari menunaikan tugas-tugasnya ... apabila manusia berjaya sampai kepada darjat ini dengan penuh kesedaran, penuh fikiran dan kemahuan, maka bererti dia telah mencapai satu maqam yang amat tinggi dan unik di antara seluruh makhluk Allah yang lain.

Kemahuan, kefahaman, daya usaha dan sifat memikul tanggungjawab itulah sifat-sifat istimewa yang membezakan makhluk insan ini dari kebanyakan makhluk Allah yang lain. Itulah lunas penghormatan yang diisytiharkan Allah di alam al-Mala'ul-A'la dan (itulah lunas) Allah menyuruh para malaikat sujud kepada Adam. (Seterusnya itulah lunas) Allah mengumumkan penghormatan-Nya terhadap makhluk insan, di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an yang kekal:

وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ

"Sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam."

(Surah al-Isra': 70)

Oleh itu manusia hendaklah mengenal pasti lunas-lunas kehormatan dan kemualiaannya di sisi Allah, dan hendaklah dia memikul amanah Allah yang telah dipilih olehnya, iaitu amanah yang tidak sanggup dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang.

Semuanya itu berlaku kerana:

لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلۡمُشۡرِكِينَ وَٱلۡمُشۡرِكَٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمَۢا ﴿٧٣﴾

"Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Keistimewaan manusia memikul amanah Allah dan kesanggupannya mengenal Allah dengan usaha sendiri, mencari hidayat dengan usaha sendiri, beramal dengan usaha sendiri dan menuju kepada Allah dengan usaha sendiri itulah yang menyebabkan manusia wajar menanggung akibat pilihannya supaya balasannya setimpal dengan amalannya, supaya 'azab seksa Allah itu benar-benar wajar kepada seluruh orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan kepada seluruh orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, dan supaya Allah memberi pertolongan kepada seluruh orang-orang Mu'minin lelaki dan perempuan serta menerima taubat mereka dari kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka di bawah tekanan kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada kejadian mereka juga akibat dari halangan-halangan yang terdapat di jalan hidup mereka dan akibat dari godaan-godaan yang menarik (dan memesongkan mereka). Itulah limpah kurnia Allah dan pertolongan-Nya dan Allah sentiasa memberi keampunan dan rahmat kepada hamba-Nya:

"Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

* * * * * *

Dengan pernyataan yang amat besar, penting dan mendalam inilah ditamatkan surah ini, iaitu satu surah yang dimulakan dengan perintah Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya ta'at kepada Allah dan jangan tunduk kepada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin, juga supaya mengikut dan berpegang kepada wahyu Allah sahaja. Surah ini juga mengandungi arahan-arahan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang menjadi landasan pentadbiran masyarakat Islam iaitu masyarakat yang tulus ikhlas kepada Allah, bertawajjuh kepada Allah dan ta'at kepada segala perintah dan arahan Allah.

Dengan nada pernyataan yang menggambarkan keberatan tanggungjawab dan amanah Allah dan menjelaskan lunas-lunas keberatan tanggungjawab itu, iaitu lunas-lunas yang terletak di atas kesanggupan manusia untuk mengenali Allah, untuk berpandu dengan undang-undang Allah dan untuk ta'at dan patuh kepada kehendak masyi'ah Allah .... dengan nada pernyataan inilah ditamatkan surah ini. Maka dengan itu tercapailah keselarasan dan keharmonian di antara permulaan surah dengan penghabisannya, di antara maudhu' surah dengan tujuannya, iaitu satu bentuk keselarasan yang amat menarik dan dengan sendirinya dapat menunjukkan ke arah sumber yang melahirkan kitab suci Al-Qur'an ini (iaitu Allah).

* * * * * *